

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN Negeri Pulau Pinang YANG KEDUA BELAS

Tarikh : 5 NOVEMBER 2012 (ISNIN)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor Bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I / Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
13.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
14.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
15.	Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
16.	Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17.	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
19.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
22.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
23.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
25.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
26.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
27.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
28.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
29.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
30.	Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam	Batu Uban
31.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
32.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
33.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
34.	Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
35.	Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
36.	Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
37.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
38.	Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh

TIDAK HADIR

1.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
2.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
3.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
4.	Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim	Penaga
5.	Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya	Permatang Berangan
6.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.45 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Bacaan "Doa."

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya nak rasa malu pun malu dah. Nak kata rasa sedih pun sedih dah. Nak saya kata pujuk, pujuk dah. Saya nak tahu kenapa ahli daripada kawasan Air Putih Y.A.B. Ketua Menteri masih tidak dapat bagi lagi jawapan-jawapan walaupun kita telah bagi tempoh 24 jam dari masa yang telah diberikan. Maknanya kita catat di dalam Dewan ketidakcekan Dewan ini dan tidak menghormati Dewan dan Ahli Yang Berhormat ini dengan tidak memberikan jawapan. Dan saya hari ini dapat pujuk Y.A.B Ketua Menteri, saya pujuklah Yang Arif lagi bijaksana Y.B. Dato' Speaker, kalau dapat berilah jawapan kepada kami sebelum pukul 12.00 tengah hari ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Jika ikut di sini, Y.A.B. Ketua Menteri akan memberikan selewat-lewatnya pada hari Rabu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Hari Rabu terlalu lewatlah untuk kami membahaskan hendak tengok, apakah jawapan benar atau tidak dan sebagainya kerana AES itu dianggap sebagai Agenda Ekonomi Saksama, kami takut ianya menjadi Agenda Ejekan Sendiri iaitu ejekan Y.A.B. Ketua Menteri kepada kami jadi kami tiada jawapan, susah. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Baiklah, jika berlarutan kita mungkin kena tubuh Jawatankuasa Pilihan Khas untuk siasat di mana kebuntuan ini. Okey diteruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih saya ingin memulakan perbincangan tentang bajet pada hari ini dan sebelum saya lupa Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada kawan-kawan kita di Dewan dan di luar Dewan dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang menganut Agama Hindu yang tak lama lagi, minggu depan kita akan merayakan Deepavali dan Tahun Baru Cina. Kita mungkin tidak bersidang lepas ini dan kepada kawan-kawan kaum Cina yang akan menyambut pada bulan Februari dan Y.B. Dato' Speaker, dan ucapan Krismas kepada penganut Agama Kristian pada 25. Disember. Dan kebetulan pada hari ini SPM mula dan saya mengambil kesempatan ini selamat menduduki SPM kepada pelajar-pelajar kita di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya pun merasa sedih jugalah amalan kita yang lepas, saya duduk dalam Dewan ini 20 tahun lebih dah dan amalan kita lepas-lepas ini memanglah lepas habis sesi soal jawab, kita dapat semua jawapan lisan dan juga bertulis. Jadi hari ini tidak dapat sampai hari ini kita mula bahas tanpa beberapa panduan kita nak bahas ini. Untuk lisan saya dapat tiga soalan, itu pun tidak kena jawapannya. Tidak menjawab apa yang saya soal, ini pun saya tak tahu apa yang silapnya. Adakah pihak Kerajaan hendak menyembunyikan fakta sebenarnya, jadi saya harap *in future* lepas ini kita pula jawab soalan pula.

Y.B. Dato' Speaker, saya lihat Kerajaan hari ini Pakatan Rakyat, nampaknya banyak berpolitik daripada buat kerja dan dalam Dewan ini pun banyak yang buang masa sebenarnya. Contoh saya bagi, bila Dewan ini bersidang lulus bawa masuk berbagai akta termasuk Akta Pilihan Raya peringkat Kerajaan Negeri, peringkat Kerajaan Tempatan, ini dah tahu memang tak boleh *implement*, tapi nak buat juga. Apa lagi, kita banyak buang masa dalam Dewan. Satu lagi perkara saya nak sentuh tentang Kebebasan Maklumat, itu pun dah lulus. Tapi maklumat tak bebas dan bila ada surat khabar yang masih lagi tak dapat masuk ke Dewan seperti New Straits Times, Berita Harian, Utusan. Masih lagi tak dapat masuk ke dalam Dewan. Ini maknanya Kerajaan tidak telus jugalah, nak menyelewengkan fakta, alasan yang diberi kenapa Surat Khabar ini tidak boleh masuk kerana dia berat sebelah dan sebagainya....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya ada terima surat khabar New Straits Times, kalau nak boleh pinjam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Hari itu tiada, hari ini ada. Baguslah. Utusan tiada juga.

Y.B. Dato' Speaker:

Utusan boleh, kalau kita hendak ambil.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya harap Kerajaan lebih terbuka dalam hal ini. Bagi peluang kita bercakap kerana itu lebih baik kerana kita dapat kesan kelemahan kita dan mungkin dapat pembaharuan. Ini kita nak yang elok saja, tak kenalah.

Y.B. Dato' Speaker, saya nak mengimbas sedikit tentang sejarah kita, Pulau Pinang, memanglah dulu masa kita sebelum merdeka, kita adalah petani, petani tiada sumber lain. Saya masih ingat lagi bila saya kecil dulu, naik bas kuning (*yellow bus*) daripada Balik Pulau sampai feri memang tengok pokok kelapa dan bendang, dan pokok kelapa itu dipotong-potong macam ada tangga kerana orang ambil nira, buat tuak.

Tapi mulai tahun 70-an kita buat *transformation* atau transformasi ekonomi kita menjadi kepada industri perindustrian. Industri pembuatan pada masa itu jadi kita punya kemiskinan dulu hampir 20% sekarang sampai 2008 kita berjaya mengurangkan kemiskinan 0.2% pada bulan Mac 2008 satu *achievement*, satu pencapaian hebat.

Oleh kerana pandangan jauh dari pemimpin Barisan Nasional dulu maka kita telah berubah dan *transform* ekonomi kita kepada perindustrian. Dan hari ini kita terus usaha kita teruskan dengan *transformation* lebih banyak transformasi kepada *high tech*, *knowledge risk economy* dan sebagainya. Saya nak baca sedikit nota, saya minta maaf saya kena *refer* saya tak ingat semua. Kena baca nota apa yang kita telah buat apa yang Barisan Nasional dulu buat untuk nak *transform* kepada ekonomi yang lebih canggih yang lebih *high paying job* dan lebih menepati kepada keadaan semasa. Sekarang ini adalah inisiatif yang telah dibuat dan saya harap Kerajaan sekarang teruskan dan tak payah tambah sedikit-sikit lagi dan ini yang kena buat kita teruskan dan apa yang kita buat dulu.

Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker, saya ada nota untuk semua sekali bidang yang kita buat saya boleh sebutkan *expanding and Transforming Penang Into High-technology and High Value Added Knowledge Based Economy* saya ada nota tentang *Expanding and Upgrading Penang Transporting Infrastructure, Promoting Urban Renewal, Urbanization and Affordable Housing For The People of Penang, Preserving and Improving*

Penang Environment and Improvement and Quality of Life, Promoting and Developing Penang as Education and Research Hub. Promoting and Developing Penang as Medical Tourist/Tourism Hub. Promoting and Nurturing Penang Rich Cultural and Tourism Potential, Promoting Sports Social Facilities and Activities, Promoting Youth Women and Social Development For Caring and Sharing United Society and Promoting Good Governance and More Efficient in Public Delivery.

Semua ini nota ada, saya nak satu segmen sahaja yang lain saya serahkan pada *press* lepas ini. Saya nak baca tentang *transforming economy* yang kita nak tekankan hari ini. Kita kalau orang berjalan kita kena berlari kita nak ke hadapan, dulu Pulau Pinang dah agak ketinggalan sedikit dari segi pembangunan Pulau Pinang dah agak ketinggalan sedikit, kalau ikut pakar ekonomi bagi *briefing* pada kita baru ini. Industri di Pulau Pinang dah jadi *stagnant*, tenaga pekerja mahir *remain at 20%* ini pendapat satu pakar yang bagi *briefing* kepada kita.

Saya nak cerita tentang apa yang Kerajaan Barisan Nasional buat dulu dan patut diteruskan oleh Kerajaan sekarang satu *sustain economy growth* dan *percent* in 1990s pada tahun 90-an Pulau Pinang berkembang dalam kadar *double digit* tahun 90-an, pada masa itu kita hebatlah. Tapi pada tahun itu *down turn economy* dan ada kesan kepada kita tetapi usaha kita teruskan. Apa kita buat? Kita dah transform Bayan Lepas *natural park* dan Bayan Baru *Town Center, Multimedia Super Corridor*.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Yang Berhormat saya berharap dapat jelaskan apakah yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi meningkatkan lagi taraf penduduk khususnya India dan satu, soalan dua mengenai kaum nelayan apa yang telah disumbang oleh Kerajaan Barisan Nasional boleh bagi penjelasan sebelum saya sambung semula.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Untuk nelayan, saya baca dah dalam ucapan Ketua Menteri tak sebut pun tentang nelayan tetapi apa yang kita buat banyak dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan saya berkisarkan apakah sumbangan atau yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini kerana senarai yang dipegang oleh Yang Berhormat baca itu adalah berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional, jadi saya percaya Yang Berhormat boleh menjelaskan sebelum saya tanya soalan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Cerita dia kami ini ramai ada 10 orang tinggal 9 orang dan 1 kena *expel* satu lagi *bypass* ada 9, masing-masing ada peranan masing-masing boleh cakap tentang nelayan dan orang lain. Dan berbagai-bagai aspek jadi saya ingat saya tak perlu sentuh.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta maaf Yang Berhormat, kerana apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah berkenaan pencapaian Barisan Nasional saya merujuk kepada keadaan nelayan di kawasan saya sendiri semasa pembinaan JE Expressway permintaan mereka untuk membina jeti itu tidak dibenarkan kenapa tak dibenarkan. Boleh tak jelaskan perkara itu? Khususnya orang nelayan, di mana mereka diusir kawasan Jelutong boleh jelaskan apakah sumbangan Kerajaan Barisan Nasional kepada kaum nelayan khususnya kawasan Daerah Timur Laut. Adakah permintaan mereka diberi perhatian? Masalah mereka diberi perhatian?

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi Telok Bahang jawab, cakap dan menjawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ahli Seri Delima dia tak minta laluan pun dia bercakap saya tak mahu jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat, kalau berani cakaplah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker saya tumpu hal kepada ekonomi Negeri kita, bagaimana kita telah bangunkan dulu dan kita nak teruskan, bagaimana kita nak bangunkan nak *transform* Negeri Pulau Pinang, Kerajaan sekarang ini lakukan dan nak pasal jeti ini banyak lagi yang boleh cakap.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi Yang Berhormat setuju tak bahawa...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sebenarnya sandiwara senarai itu bukan pencapaian sebenarnya?

Y.B. Dato' Speaker

Seri Delima sudah, tak beri laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

No, no, Yang Berhormat perlu jelaskan. Kita berdebat sekarang, kalau berani debatlah, jangan lari dari topik, kalau berani nak berdebat sebagai Ketua Pembangkang, berani berdebat kita berdebat sekarang, mari kita berdebat. Saya cabar apakah pencapaian Kerajaan Nasional untuk menjaga hal ehwal warganegara Pulau Pinang khususnya nelayan Melayu di Pulau Pinang apa pencapaian. Kalau berani berdebatlah sekarang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, bukan berani atau tak. *This is my floor* saya tak bagi pun laluan. Ni tak ada disiplin tak adakah Y.B. Dato' Speaker?

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, kalau tak beri lalu tak payah bangunlah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Kalau saya Y.B. Dato' Speaker, saya perhambat keluar dah.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak payahlah jadi saya. Tunggu masa lah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Bukan nak mengajar Y.B. Dato' Speaker. Saya nak baca saya harap kita bukan dan kita harap Kerajaan akan teruskan, ini untuk rakyat okey. Apa yang telah kita buat kita *transform* Bayan Lepas Industrial Park, Bayan Baru Town

Center untuk MSC *Multi Super Corridor* dan *Penang Cyber City* In 2005 dan seterusnya *Information Technology and High Tech Industry with more than 135 new MSC Administrators Companies set up by 2 years by the end 2007* saya minta maaf saya baca dalam Bahasa Inggerislah, Bayan Mall di Bayan Baru telah *ditransform* telah menjadi *Software Design Center Complex by Suntech MSC Tour and 1 project in private sector....*(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady);

Minta laluan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nantilah, saya nak baca sikit lagi. Bagan Dalam memang orang bagus nanti saya bagi. Kita juga *launched Penang-Kulim Broadband Pilot Project Windows 7 to compliment MSC Penang Cyber City then transform cyber city existing manufacturing industry to high tech high value added areas.* (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat setuju tak semua projek-projek ini adalah kroni Barisan Nasional dan ini tak memanfaatkan rakyat Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak diberi laluan, sudahlah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Berani beri perbincangan dan penjelasan tak saya cabar sekali lagi, apa manfaat kepada warganegara atau rakyat Pulau Pinang? Sumbangan ini semua projek ini yang memanfaatkan kroni Barisan Nasional. Saya ada bukti sekarang. Saya boleh kemukakan. Tak payahlah. Tak berani tak apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Jangan ganggu saya nak cakap ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Seri Delima tidak payah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau tak berani tak apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Jangan ganggulah, saya hendak cakap ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cabar sekarang. Kalau kita nak berdebat di sini biar rakyat tengok apakah pencapaian Kerajaan Barisan Nasional bagi rakyat dan memanfaatkan kepada rakyat Pulau Pinang. Bagi butir-butir bukan membaca sahaja senarai itu. Memang khabar-khabar dia indah dan apakah bukti dia telah memanfaatkan rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya tak payah jawablah. Saya tak bagi laluan. Y.B. Dato' Speaker kalau nak bercakap minta laluanlah. Jangan ganggu saya punya *floor* ni. Saya tak pernah jumpa Ahli Dewan yang macam ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, komen-komen tak ada masalah. Saya cabar sekarang, kalau berani sahut cabaran, berikan kita bukti bahawa rakyat Pulau Pinang telah mendapat manfaat dari semua projek-projek tersebut.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, yang Kerajaan Barisan dulu buat untuk rakyat, bukan untuk wakil rakyat bukan untuk wakil-wakil rakyat. Yang ini pun tak fahamkah. Tak tahulah macam mana jadi wakil rakyat ini. Kemudian Y.B. Dato' Speaker, kita juga *transform manufacturing to high tech then high value added areas such as research R&D and design activities including - Intel design center*, di mana *1500 design engineers semua Malaysian. One of three main micro processor design centers in the world*. Ada 3 dalam dunia satu di sini. Di Penang.

Dan beri peluang kepada *1500 design engineers semua Malaysia, Motorola Global Center for Communication Equipment with Design Center*, untuk *1,000 engineer Malaysia juga. ALTERA IC design center with 700 design engineers local juga, Align Innovation Center which was established to create an integrated ecosystem to bring Malaysia to the next level of R&D excellence*, semua ini *high paying job* untuk Rakyat Pulau Pinang dan Rakyat Malaysia.

Dan kita tahu *established rather Net Asian Centre 2005 and global generate center, rather net* ialah satu *e-business commerce messaging system, co-manufacturing and supply chain and logistic management youth exclusively by most major electronic firm* dan juga *support the growth of business process and outsourcing* yang kita panggil BPO - *Business Process Outsourcing, activities and trade billing, IT sales and services, Human resources and finance with the setting up of a city group DELL, Agilent, Intel Global Shared Services Center in Penang* dari tahun 1997-2007. *Initiated Industry clusters fascinated global competition the software Consortium of Penang was established in 2003, The Penang Information Cluster established 2006.* Saya bagi semua kepada press ya. *Promoted contract manufacturing in hub global manufacturing service EMS in the presence of Globetrotting, Flextronics, Jabil and Flexus and Benchmark* dan lain-lain. *Supported and promoted the growth and medium size of countries through business matching to global supply programme and small and medium size enterprises and poaching programme.*

Dan kita juga telah *expand PSDC daripada 5,000 sq ft kepada 230,000 sq ft.* Dan kita telah pun melatih *130,000 participant* dan kita telah pun melatih lebih daripada *7,000 training programmer* dari 2001-2007. *Established Invest Penang 2005, dedicated one stop to promote investment business in high end industries services* dan kita telah *convinced Y.B. Dato' Speaker, OSRAM established light and desired LED* dan banyaklah lagi. Saya akan bagi kepada Press.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

Telok Bahang. Nanti habis saya tak boleh..

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Bagan Dalam ini bagus okey saya bagi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya nak beringat kepada Telok Bahang kepada sidang yang lalu Telok Bahang telah berjanji Kuil Hindu yang telah diroboh di Port Perai. Sudah beberapa bulan sekarang tidak apa-apa cerita. Saya pagi ini saya harap kalau Telok Bahang berhujah topik ini dahulu sebelum pi topik lain-lain tetapi nampaknya Telok Bahang hendak elakkan isu ini. Isu ini sangat penting di mana sebuah kuil Hindu telah dirobohkan di Pulau Pinang. Saya mahu Telok Bahang jawab soalan ini, bilakah kuil ini akan dibina balik, dibuat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya akan jawab kemudian, saya hendak selesai ini dahulu. Bidang *bio-pharmaceutical* pun kita telah bangunkan juga. Kita ada *establish* Malaysian situ *the bio-pharmaceutical* dan biokritikal di USM dan banyak lagi. Kita telah bangunkan industri peringkat ini dan kita harap Kerajaan sekarang teruskan ini baik untuk rakyat. Peluang untuk *helping job* ini banyak, dalam bidang *research* banyak, jadi patut diteruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Telok Bahang boleh bagi laluan sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Penanti. Okey Penanti boleh.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sikit saja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Okey boleh.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Telok Bahang. Y.B. Dato' Speaker, saya tertarik dengan hujah Telok Bahang mengatakan sepanjang pemerintahan dahulu BN yang banyak kilang dan juga industri dibuat di Pulau Pinang tapi kita hendak minta Telok Bahang bagi tahu kepada Dewan, sampai 50 tahun banyak buat kilang tapi Pulau Pinang tidak pernah jadi jaguh pelaburan asing pun, boleh cerita sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang ini yang saya, saya ada nota ini. Mana ini? Hilang pula. Sebenarnya ini bukan kali pertama Penang mendapat pelaburan yang paling tinggi. Saya kalau hendak *argue* ini boleh Y.B. Dato' Speaker, bila kita bercakap tentang pelaburan 2008 naik sikit 2009 turun sikit RM2 bilion, 2010 naik ke *point* RM2 bilion 2011 turun sikit naik ke RM2 bilion. Kalau kita tengok angka *detail* sikit Y.B. Dato' Speaker, ini hendak jawab Penanti, angka 2010 ke *point* RM2 bilion. Sebenarnya projek baru dalam pelaburan yang begitu banyak, projek baru hanya RM2.8 bilion sahaja. Projek lama naik RM9.3 bilion, projek lama. Maknanya projek sambungan daripada usaha Barisan Nasional (BN)

dahulu sambung-sambung saja pembesaran *expansion of the factory* dan sebagainya. Ini semua *detail* saya ada, Penanti tanya saya jawab. *Actually* 2010, RM12.2 bilion, RM2.8 billion adalah pelaburan baru melalui 64 projek pada yang lain adalah projek lama sambungan pembesaran. Kita tahu Y.B. Dato' Speaker, bila kita hendak pujuk orang melabur, ini bukan setakat jumpa di airport "ya," "ya" jadi, "no". Dia kena pergi berkali-kali pergi jumpa pergi pujuk pergi melawat tempat dia bagi jaminan, bagi dia yakin dengan tempat kita baru dia datang. Bukan mudah macam Kerajaan PR kata jumpa di *airport* boleh jadi. Jadi sebenarnya usaha-usaha ini bukan Kerajaan, okey kita bagi kredit sedikit kepada Kerajaan Negeri tetapi sebenarnya Kerajaan Pusat melalui MIDA, MITI dan sebagainya dan dasar Kerajaan dan orang pilih Pulau Pinang ini kenapa? Kerajaan Pusat tidak pernah sekat pun sesiapa hendak datang ke Pulau Pinang dia boleh datang, dia pilih sendiri dia hendak melabur di mana.

Dia datang ke Pulau Pinang *why*, kerana kita ada semuanya infrastruktur yang telah pun dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu, kita banyak *assembly* kita paling banyak di Malaysia di Pulau Pinang, *assembly* kita banyak yang boleh membantu menyokong kilang-kilang ini mereka lihat semua itu dan infrastruktur kita baik, lihat semua itu maka dia datang, dia pilih Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat tidak ada diskriminasi, tidak sekat pun. Ini yang berlaku hari ini jadi kadang kala kita seronok sendiri tidak mengapa, seronok tapi yang penting rakyat Pulau Pinang dapat. Kita tidak kisah sangat hendak dapat kredit ini tapi faktanya kita mendapat pelaburan banyak kerana bantuan sokongan daripada Kerajaan Pusat melalui MIDA dan MITI.

Y.B. Dato' Speaker, saya berbalik kepada ucapan Ketua Menteri kata hendak selesaikan masalah miskin dan miskin tegar. Miskin dan miskin tegar ini tidak ramai sangat di Pulau Pinang ini. Saya ada sebut tadi kita punya kadar sudah turun kepada 0.2% kepada Mac 2008 dan saya masih ingat bila Ketua Menteri menurut Kerajaan Pakatan Rakyat umum kata sudah selesai miskin tegar 2009. Bagaimana buat, macam mana buat, boleh selesai cepat. Apa yang dia buat? *Top up, top up* cuba bayangkan Kerajaan Pusat bagi bantuan, Kerajaan Negeri *top up* sedikit naik lebih pada paras kemiskinan, selesai.

Adakah itu caranya untuk kita selesaikan masalah kemiskinan ini, hendak bagi *top up* sampai bila? Sampai bila kita hendak buat cara itu, bermakna selama-lamanya rakyat akan bergantung kepada Kerajaan. Jadi kita hendak tahu apakah bentuk bantuan Kerajaan Negeri buat, untuk bantu rakyat ini dan rakyat hendak kena buat. Nelayan tidak nampak pun ada bantuan daripada Kerajaan Negeri, cuma bagi pukut, pukut bagi sedikit sana sini, lain tidak ada apa. Kita bantu ibu tunggal, kena ada projek supaya dia boleh bangunkan ekonomi dia. Jadi jangan, ini pun Kerajaan sebut lagi, Ketua Menteri sebut lagi hendak selesaikan masalah kemiskinan tegar, secara *top up* juga.

Jadi *we can not go on* macam ini Y.B. Dato' Speaker...(dengan izin), tidak boleh kita hendak terus bagi *top up*, kita kena bagi pancing bagi kepada mereka supaya mereka dapat cari nafkah sendiri. Kalau kita bagi ikan saja dia makan habis, pastu dia minta lagi. Jadi *very simple reason* tapi tidak diikuti oleh pihak PR Kerajaan. Ketua Menteri bercakap tentang *zero unemployment*. Ini pun satu perkara yang saya kira juga tidak boleh diterima. *Zero unemployment* sebelum ini kita cakap tentang *full employment*. Apa dia *full employment*? *Full employment* bila kadar *unemployment around 2 percent, 3 percent* kita panggil *full employment* sebab dia ada *mobility* di situ. Kalau kita kata *unemployment* ini perkara yang saya kata *most impossible* sebagai *chief* kerana mana ada *at any one time* semua orang ada kerja, *no* ada orang yang tidak ada kerja tapi kadar kalau dua *percent* tiga *percent* *we can consider* sebagai *full employment* jadi kadang-kadang kita cakap kita kena sendiri tahu *limit* kita, kena faham.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin teruskan dengan berbagai-bagai isu yang lain. Saya hendak merujuk kepada Laporan Audit, saya hendak rujuk 2010 dan 2011. Tentang rumah kos rendah. Saya sentuh sikit kemudian kemudian kawan-kawan kita boleh sambung-sambung lagi. Laporan Audit ini bukan cakap kita cakap Audit. Bagi tempoh 2008 hingga 2010 sejumlah 14,059 permohonan kos rendah dan projek perumahan rakyat telah didaftarkan secara manual dan *online* atau pun *online* e-Rumah dengan jumlah pendaftaran sebanyak 122,702 orang. Dalam tempoh ini tiada projek perumahan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kesemua projek perumahan telah dilaksanakan oleh pihak swasta. Ini menunjukkan apa dia? Memang kita masih ingat lagi bila EXCO Perumahan jawab saya ingat dua (2) Dewan lepas kata memang Kerajaan mengaku, Kerajaan tidak bina satu pun rumah. Kemudian kalau lihat lagi ini juga Laporan Audit. Pada tahun 2011 ini tentang Akaun Amanah Bumiputera. Ini pun Kerajaan tidak belanja satu sen pun. Dia punya kutipan sudah RM33.0 juta tahun 2010 kutipan RM21.11 juta dan pada tahun 2011 *accumulate* menjadi RM33.6 juta ini Akaun Amanah Perumahan Bumiputera satu sen pun tidak belanja. Macam mana kita hendak jawab kepada rakyat. Rakyat mahu rumah kos rendah tetapi Kerajaan tidak belanja duit. Kemudian, ini bukan Laporan Audit tetapi saya hendak tambah lagi. Jumlah kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional berbanding Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang pada zaman Barisan Nasional dulu kita telah bina 124,869 unit pada zaman Pakatan Rakyat sehingga tahun lepas tidak ada. Kosong, *zero*. Ini rakyat kena faham.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Telok Bahang minta penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Saya dengar angka-angka ini, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Barisan Nasional, tadi Telok Bahang kata angka-angka barisan Nasional bina sekian-sekian rumah sebenarnya angka-angka ini termasuk semua angka-angka yang dibina oleh pihak swasta. Bahagian perumahan hari ini kita *manage* hanya 15,000 unit rumah sahaja. Rumah-rumah seperti di Bandar Baru Air Itam, Farlim berpuluh-puluh ribu, rumah-rumah seperti di Paya Terubong, rumah kos rendah dan sederhana sebenarnya berpuluh-puluh ribu yang dibina waktu dulu, semuanya adalah dibina oleh pihak swasta tidak ada sebuah rumah pun di Bandar Air Itam, di Paya Terubong ada satu blok 5 tingkat saja yang dibina oleh Kerajaan Negeri, yang lain semuanya pihak swasta. Oleh itu jangan cuba mengkaburkan penglihatan semua dan saya rasa angka-angka, rumah-rumah yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri 42 projek dari 60-an sampai sekarang 15,000 unit sahaja. Rumah-rumah macam Kampung Melayu dibina waktu Ketua Menteri Pertama Tan Sri Wong Pow Nee, bukan juga di rumah pangsa Padang Tembak di bina pada 60-an yang itu waktu itu betul-betul oleh Kerajaan Negeri, yang selepas itu semuanya melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ataupun pihak swasta. Saya ingat Telok Bahang jangan mengelirukan orang ramai.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, tentang pengurusan alam sekitar. Ini isu yang besar juga menyentuh masalah yang membawa perhatian rakyat. Di Pulau Pinang ini 60% adalah tanah tinggi dan 40% adalah tanah pamah. Soalannya ialah banyak projek-projek yang telah diluluskan di atas bukit, yang menyebabkan masalah yang besar termasuk juga tanah runtuh dan sebagainya. Dulu kita belajar daripada kesilapan kejadian Highland Towers tahun 1993, bila runtuh pada tahun itu kita mula memberi perhatian lebih kepada kawalan bangunan atas lereng bukit pada masa itu, pada masa Barisan Nasional. Jadi hari ini Kerajaan Negeri telah meluluskan banyak projek perumahan dan surat khabar kita baca berapa projek perumahan atas bukit.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh? *How about Northern Tower? Di Northern Road Tower runtuh.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya cakap tentang alam sekitar.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

How about Pulau Pinang, kita pun ada sejarah, ada satu *Northern Tower* dibina lepas itu dia kena bom bagi semua turun.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang itu Y.B. Dato' Speaker, tidak payah tanya isu itu. Yang itu masalah *design*, masalah lain-lain itu bukan masalah alam sekitar.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Alam sekitar *I think is* dia punya air masuk macam mana?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingat tidak payah jawab itu soalan lain. Y.B. Dato' Speaker, dulu sebenarnya kita kawal pembangunan bila kita lulus pun ada had-hadnya. Dulu bila kita lulus projek perumahan lereng bukit pembangunan terhad, di kawasan pembangunan tidak melebihi paras 76 meter ataupun 250 kaki daripada paras laut, kecerunan tidak melebihi 25 darjah dan pada kepadatan hanya enam unit satu ekar ketinggian bangunan tidak melebihi dua (2) tingkat tapi Kerajaan sekarang luluskan bangunan pada paras ketinggian melebihi 76 meter, lulus pada tujuh (7) unit satu ekar dan kecerunan yang lebih daripada 25 *degree* pun okey boleh dan rumah bertingkat-tingkat 14 tingkat, 16 tingkat itu yang telah diluluskan. Contoh ada Dato' Speaker, macam ini lulus 7 tingkat 8 tingkat yang ini pula sampai 13 tingkat, 16 tingkat ini semua projek-projek di lereng bukit yang telah diluluskan sebab itu berlaku hari ini di Sungai Ara contohnya berlaku Sungai Ara ini kawasan Barat Daya dan pihak saya memang penduduk sana memang amat marah dengan Kerajaan sekarang kerana lulus di kawasan mereka. Projek atas bukit yang ini yang mungkin bawa bencana kepada mereka.

Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker bukit Pulau Pinang ini, tanah dia *loose form*, *very loose*, dia macam *span*, hujan sikit dia *absorb*, *drop*, hujan lebih lagi dia akan runtuh kena berhati-hati lebih berhati-hati, berlaku dah tanah runtuh di Jalan Bunga Cempaka Putih, dah berlaku tanah runtuh. Tanah runtuh di kuil Hindu Sri Mahamariamman, di *river side* Batu Feringghi dah berlaku tanah runtuh, kita kena elak. Ini bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk nak pastikan tak berlaku tanah runtuh lagi. Kemudahan kita tengok lagi bagaimana Kerajaan yang tak cekap. Saya tengok ini jawapan pada sidang yang lepas pada April 2011, Kerajaan telah pun memperuntukkan RM650,000 bagi tujuan pembatalan pembelian kereta EXCO yang telah di masukkan dalam akaun hasil dalam Negeri. Tapi pada tahun 2008, oleh kerana kereta itu lama Kerajaan kena belanja RM410,807.00 untuk *repair* kereta EXCO, tahun 2009 RM214,500.00

untuk *repair* kereta EXCO, 2010 RM247,000.00 ini semua pembaziran kalau Kerajaan beli kereta baru dulu kos dapat dikurang dengan drastik. Jumlah untuk tiga (3) tahun 2008, 2009 & 2010 hampir RM1 juta untuk *repair* kereta sahaja. Tapi kalau beli dulu, saya ingat kos *repair* ini takkan begitu banyak.

Saya nak sentuh lagi kan apa yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri masa kempen dulu ini dah timbul balik rakyat dan mula tanya apa yang Kerajaan Pakatan Rakyat buat. *Goodbye to traffic and public transport woes, the state should maintain total control over leasing and the operation of public transport system and to ensure quality of service.* Apa yang ada sekarang? tak buat apa pun, nak selesaikan masalah ini tak ada apa pun. Dia cuma cadangan saya, *services* saja nak buat *monorail*, nak buat *aerobus*, nak buat *train*, nak buat *tram car* nak buat jambatan bersepadu tak ada pun, tapi sebaliknya dia Kerajaan Pusat yang bagi duit RM100 juta untuk nak mewujudkan Rapid Penang ini. Saya ingat tanpa perkhidmatan Rapid Penang ini susah kita rakyat takkan dapat perkhidmatan bas, sebab kita tahu *public transport* kalau *private bus services* memang tak boleh untung, bukan untung, rugi. Banyak syarikat yang telah pun tutup dulu. Kerajaan Pusat yang bantu kita, nak adakan *public transport*, bas dahlah banyak lepas itu nak tambah lagi, mengikut fasa.

Kemudian yang saya nak kena tegur ini, Kerajaan cadang nak panggil *request of proposal* nak buat terowong di bawah jambatan, kemudian nak buat lebuh raya daripada Farlim ke Lebuh Raya Lim Chong Eu, nak buat Penang *Inner Ring Road* dan sebagainya. Ini semua cadangan yang dibuat sebelum kajian terperinci dijalankan dia umum dulu, nak buat itu, nak buat ini tapi kajian belum ada. Jadi adakah ini betul? Contohnya macam saya sebut, saya pernah sebut dan saya memang tak setuju nak buat terowong di bawah jambatan, di bawah pelabuhan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, minta laluan, terima kasih. Daripada Telok Bahang yang sebut tadi itu, kata *transport* sebenarnya seorang yang begitu *experience* di Dewan yang mulia ini, takkan tak tahu yang *public transport* itu tanggungjawab oleh *Federal Government* dan di sini kata ini, kata itu, yang janji bas pun tak sampai, janganlah merepek ini. Saya cakap yang betul-betul, jangan cakap yang putar-belit ini. Banyak yang tadi yang sebut itu, kata bas yang nak berkhidmat itu, dan yang lain-lain itu banyak di bawah tanggungjawab *Federal Government*, saya haraplah kalau tanggungjawab daripada *Federal Government* tidak diusahakan dengan baik dan masih tak malu di sini masih tunjuk kepada Kerajaan Negeri, ini tak buat, itu tak buat. Tak malu ka? Itu sahaja minta penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya sebut janji masa kempen dulu, kalau tak boleh, bagitahu tak boleh lah, saya sebut janji, janji *Goodbye To Traffic And Public Transport* janji dulu, kempen, hebatlah, sebab itu saya kata kalau nak janji janji benda yang boleh buat, jangan janji benda yang tak boleh buat. Macam inilah, bukan mudah nak adakan *public transport*, *cost* yang begitu banyak dan *private sector* pun tak boleh, buat Kerajaan Negeri pun tak boleh buat. Sebab dulu semasa saya duduk di Kementerian Kewangan dulu, bila EXCO Kerajaan Negeri jumpa di sana *I have my reservation* masa tu, Kerajaan Negeri nak pinjam duit RM50 juta nak wujudkan *public transport* sendiri di Pulau Pinang. *I have my reservation and my view* saya kata mungkin tak boleh bayar balik, jangan pinjam, pujuk Kerajaan Pusat supaya wujudkan satu lagi *bus transport* macam Rapid KL, nasib baik lah masa itu Kerajaan Pusat setuju, saya ada di sana kalau tak setuju, hari ini kita tak dapat *public transport*, sebab itu saya kata *even* Kerajaan Negeri tak mampu nak buat ini. Sebab itu, kita mahu, tak mahu kita harap Kerajaan Pusat boleh bantu kita. Bukan *Bus Transport* sahaja lah, lain-lain perkhidmatan pun kita nak Kerajaan Pusat bantu kita. Kita nak buat LRT kah? Monorel kah? Nak buat apa pun *beyond our means* tak boleh. Kita nak *advertise* tak boleh untung, kita punya *ridership* tak cukup. *Ridership* kita tak cukup. Kita bukan macam Hong Kong, Hong Kong dia boleh buat *private transport*, *privately run* sebab penduduk dia ramai, jadi kita di sini tak ramai. Kita nak buat LRT, saya ingat semua itu, kita nak buat monorel LRT daripada Tanjung Tokong sampai ke *Airport* 32 km, kos masa itu RM1 bilion, kalau sekarang tak tahulah, mungkin lebih mungkin *double* RM2 bilion jadi mana *private sector* yang boleh buat, kita nak bagi tanah kita nak bagi laut nak suruh tebus guna laut di mana? Tak ada tempat lagi dah kita nak buat *reclamation* tak ada tempat lagi dah. Sebab itu saya kata kita jangan janji, janji orang tunggu janji tu, macam janji tol Sungai Nyior lah. RM0.50 sen sahaja tapi sampai hari ini tak selesai. Y.B. Dato' Speaker saya nak teruskan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan sekali lagi. Y.B. Dato' Speaker saya minta laluan sekali lagi. Sikit sahaja lah *you* sentuh tentang tol, tol itu semua orang tahu, satu dunia tahu itu di bawah pengurusan Persekutuan, jangan lah Dato' Seri mai sini, menipu satu Dewan ini, kita semua bukan budak kecil. Dalam Dewan yang mulia ini, apa yang ditanggjawab oleh Persekutuan tanggjawablah jangan lah cakap yang bukan-bukan, *please thank you*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya ada anak lima (5), macam orang lain lah bapa kalau anak itu nakal sikit, kita ini kurang sikitlah, kalau dia bagus sikit kita bagi dia duit poket lebih sikit, begitulah jadi kalau kita kena pandailah, kita kena pandai hubungan kita

dengan Pusat kena baik, dan dalam hal ini tak apalah. Saya di sini pun hal rakyat ini kita boleh bantu, hal rakyat walau kita pembangkang sangguplah pergi berjumpa pergi bercakap, minta tolong itu boleh sebab ini hal rakyat. Tak semestinya saya duk di sana boleh bantu tak, di sini pun kita boleh tolong bercakap untuk rakyat, jadi saya nak teruskan Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Penjelasan, penjelasan,...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Banyak lagi, jadi sesi soal jawab ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Telok Bahang kata walaupun dia duk sini dan sekarang dia adalah pembangkang dan dia sedia bantu atas kemudahan dan kepentingan rakyat. Jadi mintalah dengan Persekutuan robohlah itu yang tol sedia ada itu, jangan kata ini sekarang kamu Yang Berhormat-Yang Berhormat dari masih Kerajaan Pusat, mengapa tak mahu buat sekarang? Seperti yang mereka yang duk janji iaitu *port* bebas, buat lah sekarang, tak perlu tunggu lagi rampas balik kuasa, kita akan buat lagi itu di bawah kuasa Persekutuan, buatlah sekarang kalau nak betul-betul ikhlas kepada rakyat. *Do it now, thank you.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker kita bagi *chance* kepada Timbalan Ketua Menteri ada, Ketua Menteri ada, bagi *chance* dulu. Kalau dia tak boleh buat, kita buatlah, kalau kita duk belah sana, kita buatlah. Saya cuma nak ingatkan balik isu lama, tak lama sangatlah, isu yang merugikan rakyat. Yang ini lama tapi saya nak sebut ingatkan tentang *sPICE project* ini, yang ini pun merugikan rakyat sebenarnya dan MPPP kena keluarkan *cash*, tunai RM50 juta bagi kepada *project* ini, tanah MPPP, 3.1 ekar disewa kepada hotel ini pada kadar RM100.00 kadar sebenar di situ itu ialah lebih kurang RM300.00 satu kaki persegi. Kemudian diberi kelulusan untuk membina 1,500 unit di mana-mana tempat yang dipilih oleh syarikat ini berbagai-bagailah. Ini semua merugikan rakyat. Banyak juga sesuatu perkara yang juga isu semasa ni, saya ingat kawan-kawan saya akan bercakap lebih *detail* lagi tentang Bayan Mutiara ini, dan tentu tentang harga tanah sahaja, yang saya kira pada kadar Kerajaan jual pada syarikat Ivory RM240.00 kaki persegi so dia punya nilainya RM1.1 bilion, pihak syarikat bayar RM22 juta sahaja, sekarang baru bayar RM22 juta tapi patut bayar RM100 juta tak bayar lagi dan dia bagi tempoh lima (5) tahun untuk bayar RM1.1 bilion ini. Tapi kalau kita lihat *transaction* yang berlaku YB Dato'

Speaker dekat situ, PDC Properties Sdn. Bhd. menjual sebidang tanah di Bayan Mutiara pada Tasshin Steel Sdn. Bhd. dengan harga RM628.00 kaki persegi. Kemudian *CP Land*, ini *another transaction* yang berlaku jual tanah berdekatan dengan tanah Queensbay Mall pada Asia Green Development Sdn. Bhd. dengan harga RM420.00 kaki persegi. Yang ini Ivory dia jual atau pun dia dapat harga RM240 kaki persegi 105 ekar jadi *total price* RM1.1 bilion tapi kalau kita *conclude* harga yang dijual, yang berdekatan RM648 kaki persegi kali dengan 105 ekar, dia punya nilai RM3.15 bilion.

Asia Green kita telah *conclude* harga yang dia beli RM420 kaki persegi. Tanah 105 ekar yang dijual pada *Ivory* itu sebenarnya bernilai RM2.3 bilion bermakna, di sini rakyat kita rakyat miskin dah kehilangan kewangan sebanyak RM2.4 bilion kalau ikut kadar ini lah. Hal yang ini rakyat kena fikir balik. Kita boleh baca macam-macam lah. *We don't know what is happening*, apa yang berlaku di belakang, di depan, di mana tapi rakyat mula *suspect* apa yang berlaku di atas tanah ini. Ini pun *detail*, kawan-kawan kita, kawan-kawan saya lah di depan ini dan di belakang bercakap lebih *detail* lagilah. Tentang letak kereta bersaiz Kancil, ini pun satu pembaziran. Berlaku pembaziran RM5 juta hilang begitu saja. Ini pun kerana tidak cekap. PDC tidak cekap. Pengerusi PDC sapa dia? PDC? Saya cuma nak tanya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tak payahlah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Just penjelasan tentang menyentuh tentang Kancil *Car Park*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya nak teruskan Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan saja.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan, teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Banyak lagi ni.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak cuma menyentuh tentang Kancil *Car Park*, penjelasan. Saya minta penjelasan. Mungkin Yang Berhormat boleh jelaskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Okeylah bagi *chance* sikit.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey terima kasih. Boleh Yang Berhormat huraikan projek Kancil *Car Park* tu sebenarnya diluluskan sewaktu Kerajaan mana? Soalan pertama saya dan ketika itu benarkah Yang Berhormat bahawa belum lagi projek atau pun pembentangan pelan-pelan tersebut belum lagi dimasukkan dan hanya ianya dimasukkan sebelum 2008. Projek itu sebenarnya diluluskan sebelum 2008. Boleh Yang Berhormat jelaskan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya ingat kena semak rekod, duit ini memang daripada *federal* yang mengendalikan daripada awal sehingga habis ini PDC. PDC patut tengok semualah kalau tak betul, silap, perbetullah. Katalah, katakan pentadbiran PDC dulu buat silap, kenapa teruskan juga? Buat pembetulanlah. *As simple as that* Dato' Speaker dan *construction* itu dibuat masa Kerajaan sekarang dah roboh. Rugi duit rakyat, rakyat nampak jelas dan kita lihat reaksi daripada orang tempatan yang memang teruklah. Saya ada *slide* semua.

Y.B. Dato' Speaker, Laporan Audit lagi, ini balik kepada 2010. Balik kepada tahun 2010, ini bukan saya kata, Audit kata, saya ambil satu persatu daripada Laporan Audit. Tahun 2010 sejumlah RM339.77 juta telah diperuntukkan bagi sembilan (9) jabatan daripada jumlah tersebut, sejumlah RM275.95 juta atau 59.5% telah dibelanjakan secara keseluruhannya pada tahun 2010 sebanyak lima (5) daripada sembilan (9) jabatan telah mencapai prestasi belanjawan berbanding peruntukan melebihi 90%. Dua (2) jabatan mencapai prestasi antara 50% hingga 90% dan satu (1) jabatan mencapai prestasi antara 70% hingga 79% hanya Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha

Kerajaan Negeri sahaja yang menunjukkan prestasi perbelanjaan yang rendah iaitu 54.7% kerana terdapat sebanyak 23 projek yang tidak dapat disiapkan atau pun ditangguhkan. Ini kita boleh persoalkanlah. Kecekapan, tahap kecekapan Pejabat Ketua Menteri. Belanja 54.7% saja. Hujung tahun tengok ada *surplus*. Pasal apa? Pasal tak belanja. Ini tak tahulah apa urusan kewangan ini? Patutnya, apa juga duit yang kita luluskan di Dewan ini, patut pihak jabatan-jabatan termasuk jabatan Ketua Menteri kena belanja bagi habis. Tiada maknalah kalau kita lulus, sibuk bahas sampai berhari-hari, tiba-tiba Ketua Menteri tak belanja duit peruntukan untuk jabatan beliau sendiri. Enam (6) projek yang tak buat, pembinaan masjid, sekolah agama, tiga (3) projek tapak perkuburan Islam, enam (6) projek rancangan perumahan murah, tiga (3) projek penswastan dan pembangunan ekonomi Pulau Pinang dan dua (2) projek membina mahkamah syariah dan satu (1) projek sukan dan 1 projek bangunan AICT dan 1 projek bekalan air, tak belanja.

Yang ini 2011 punya Laporan Audit, yang ini pun kita ambil daripada laporan Audit juga. Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri menerima peruntukan tertinggi sebanyak RM480.61 juta atau 6.2% dan daripada RM557.25 juta yang diperuntukkan kepada 9 jabatan untuk projek pembangunan Negeri Pulau Pinang sejumlah RM100.5 juta atau 100.37% diperuntukkan. Prestasi *very low* Dato' Speaker. *Very low*, rendah sangat ni. Tak belanja cuma belanja 30.7% untuk pembangunan. *My God*. Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri menerima peruntukan diluluskan pada tahun 2011 sebanyak RM480.61 juta tapi hanya dibelanjakan sebanyak RM101.1 juta. Tahap pencapaian cuma 21%. *My God*. Macam mana? Tak pernah jadi dulu ini. Kalau kita kata, katalah Barisan Nasional dulu *slow*, taklah sampai rendah begini. Ini terlalu rendah sangat, tak belanja. Lain kali tak payah bentang bajet hebat-hebatlah. Pasal memang kita tau tak belanja, tak nak belanja duit. Kemudian kita lihat pula laporan Audit syarikat-syarikat, anak syarikat Kerajaan. Penang Global Tourism Sdn. Bhd. rugi RM1.88 juta, rugi tapi bonus bayar jugalah. PDC Nusabina Sdn. Bhd. rugi juga, tiap-tiap tahun rugi 2008, 2009, 2010 rugi. Kerugian terkumpul RM5.16 juta. PDC Home Sdn. Bhd., anak syarikat Kerajaan juga, rugi juga RM1.62 *milion*, rugi. Tak cekaplah kena perbetullah. Saya ingat tak payahlah. Kita pergi sanalah pula, rugi.

Kemudian, isu ambil wang rakyat. Denda, ambil wang rakyat. Yang Berhormat ingat tak? Saya nak tanya belah sini dulu. Yang Berhormat ingat tak, masa kempen dulu, hapuskan kompaun? Tak bayar kompaun, sekarang ini, kena balik dah. Rakyat kena tipu selalu. Antara jenis denda Kerajaan Negeri buat kepada rakyat Pulau Pinang sehingga 16 April 2011, kompaun kenderaan, salah letak kereta, jumlah kompaun RM212,846. Nilai kompaun hampir RM4,000,000, 3.998. Tiada lesen peniagaan ada 14,066 kes. Jumlah yang kena kompaun RM1.2 juta lebih. Dah berapa dah? Dah RM5,000,000. Ini semua yang rakyat kena bayar kepada Kerajaan. Dulu hapuskan kompaun ni dah kena balik dah. Jumlah kutipan surcaj yang ini pun dendalah saya kira.

Saya pun kena yang bil baru ni RM34 surcay, surcay. Kalau kita guna air lebih, satu rumah tu guna air lebih daripada 35,000 liter sebulan, dia kena bayar lebih. Kena bayar surcay. Lain kali rumah kita kenalah ada dua tiga meter, tak kena surcay. Boleh tak? Ni saya nak sebut, sehingga Januari sampai Mac 2011 jumlah dia RM2.2 *million*. RM2.2 juta dah kutip denda pada rakyatlah. Rakyat yang tanggung denda ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Yang Berhormat minta penjelasan. Adakah Y.B. Telok Bahang boleh menjelaskan bahawa saya dengar tadi Y.B. Telok Bahang ada kata PBA ada surcay. Ini akan menambah tanggungan rakyat dan adakah selama ini Y.B. Telok Bahang tahukah mengapa Y.B. Telok Bahang tak pernah kritik TNB? TNB yang setiap tahun menaikkan harga, menaikkan surcay lebih jauh banyak daripada PBA dan boleh kata PBA walau bagaimanapun surcay pun jika guna air terlebih pun dua (2) bulan lebih kurang tak sampai berpuluh-puluh ringgit sahaja tapi bagi TNB berlainan. Hanya *normal usage* sahaja, jika *normal usage* saja ada *aircon* saja satu (1) bulan kena *charge* lebih daripada dekat RM200 sebulan. So apakah penjelasan Y.B. Telok Bahang?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya rasa tak tahulah, saya bercakap pasal Bekalan Air Dato' Speaker bukan TNB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Bagi penjelasan boleh? Lagi ada penalti kalau *you* guna lebih TNB punya karan lagi ada penalti.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Oh!, yang bekalan elektrik dapat *free* ini apa cerita? Dato' Speaker sebenarnya bila saya sebut surcay tadi mungkin tak tahulah PBA. Nampaknya pentadbiran hari inilah makin lama makin. Kita lihat keuntungan PBA 2007 RM43.9 juta setahun. 2008 turun dah RM31.3 juta sahaja. 2009 turun lagi RM14.8 juta saja untung. Jadi mungkin kerana mungkin sebab itulah nak naikan sikit aset *company*, untung sebab itu, mungkin saya kata, mungkin dikatakan surcay. Jadi tak cekaplah. Pengurus PBA sapa, tak buat apa-apa? Ketua Menteri juga.

Ahli Kawasan Bagal Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan, penjelasan, mengenai air, empat (4) tahun setengah, kami memerintah, tak pernah naik kadar air, tapi empat (4) tahun setengah adakah

gaji kakitangan PBA naik? Adakah diesel, minyak atau bahan api naik? Adakah segala-gala urusan pentadbiran naik? Jadi di sebelah sini, kita tak benarkan dia naik. Di sebelah sana dilihat perbelanjaan. Jadi keuntungannya, adalah kurang sedikit, tetapi bukan semua dikatakan rugi habis, kita cuma mementingkan kepentingan rakyat. Jadi sekiranya Yang Berhormat mencadangkan mungkin kita boleh menimbangkan untuk menaikkan kadar dan ini adalah antara desakan dari Y.B. Telok Bahang. Kita akan menjelas kepada rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Penjelasan sikit Telok Bahang. Saya keliru sikit Bagan Jermal. Sepanjang tempoh ini, kita ada hutang dengan Kerajaan Persekutuan. Jadi kalau kita gunakan hutang itu kalau kita kena bayar balik dia akan mengakibatkan satu kos, kerana Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk mengambil pengurusannya, maka akhirnya daripada tak payah bayar *interest*, tak payah bayar hutang tulah, sebab itulah membolehkan Kerajaan Negeri tak usah naik pun. Kalau tak kerana baik hatinya Kerajaan Barisan Nasional, saya ingat mungkin dah terpaksa PBA menaikkan harga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu yang popular, yang Ketua Menteri cakap di mana-mana juga dia pergi. Dia akan cakap termasuk di depan saya, depan Tan Sri Koh Tsu Koon, depan TYT, depan Dato' Dr. Teng masa di jamuan raya Cina, Chinese New Year di Chinese Town Hall Y.A.B. Ketua Menteri kata kita sudah berjaya, kita tidak rasuah, kita sudah pandai jimat wang dan kita boleh bayar hutang kepada Kerajaan Pusat berjumlah RM656 juta, hebat sungguh, pergi mana-manapun. Ketua Menteri dan kita semua tahu bagaimana RM656 juta boleh jadi silap mata ini. Sebenarnya usaha ini kita telah lama buat, kita sebut *water debt restructuring*, ini sudah lama kita buat. Pada tahun 2004, oleh sebab pentadbiran PBA ini sudah cukup baik dan bagus, jadi Kementerian semasa itu yang bertanggungjawab bahagian bekalan air, telah lama mengambil PBA sebagai model syarikat yang mentadbir bekalan air. Pada tahun 2005, *Constitution Amendments* telah dibuat jadi Akta Perbekalan Air telah di bawah *joint lists* bermakna akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Pada tahun 2006 Akta Industri Perkhidmatan Air telah pun dibentang di dalam Parlimen dan pada Januari 2008 akta ini telah di *enforced*. Sementara itu kita sudah berunding untuk *transfer* aset ini kepada Kerajaan Pusat. Pada tahun 2011 baru Kerajaan PR hendak *sign* dengan Kerajaan Pusat dan *transfer debt* itu kepada Kerajaan Pusat. Pada tahun 2011 baru Kerajaan PR *sign* untuk *transfer* aset kepada Kerajaan Pusat tetapi ada syaratnya. Syaratnya PBA di Pulau Pinang kena bayar RM14.5 milion tiap-tiap tahun selama 45 tahun. Mereka kena bayar balik dan kita Pulau Pinang bukan negeri pertama yang buat begini.

Sebenarnya Dato' Speaker, Negeri lain juga buat *transfer* yang seperti ini, contoh Melaka *transfer* bekalan aset kepada Kerajaan Pusat bernilai RM889 juta, Negeri Sembilan pada Januari 2009 *transfer* bekalan air RM1.1 bilion (RM1,211 juta) *transfer* aset kepada Kerajaan Pusat dan menghapuskan hutang mereka. Johor lagi banyak, pada 11 Mac 2009 turut *transfer* aset bernilai RM5 bilion (RM5,228 juta) *transfer* kepada Kerajaan Pusat. Pulau Pinang Negeri yang kelima sebenarnya berbuat begini, *we are not the first* dan yang terkini Negeri Perak hampir RM1 bilion. Jadi kita jangan beritahu kepada rakyat bahawa kita ini hebat, sebenarnya tidak hebat. Yang hebat kita dulu, kita nampak dulu, Barisan Nasional yang buat dulu. Kadang-kadang kita *claim credit* tak kena tempat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Penjelasan sedikit, Y.B. Telok Bahang. Terima kasih. Sepanjang awal pagi hingga sekarang saya dengar hujah Y.B. Telok Bahang tetapi agaknya hujah-hujah dari Y.B. Telok Bahang itu amatlah hipokrit sangat, saya tak tahan dengar dan hendak tambah sedikit dan minta penjelasan. Dari *point* awal hingga sekarang, semua yang Pakatan Rakyat buat itu tidak kena langsung, tidak pandai urus. Saya hendak tanya dan minta penjelasan dari Y.B. Telok Bahang, kalau ianya bersabit dengan hutang aset air ini, kalau sepertimana yang telah diujahkan oleh Telok Bahang iaitu Negeri Pulau Pinang bukan Negeri yang pertama, mengapa pada ketika pentadbiran Barisan Nasional tidak mahu mengusahakan menjadikannya ia lebih awal untuk mencapai satu perundingan yang memihak kepada Kerajaan Negeri. Ini saya rasa sangat hipokrit sangat kerana kalau ianya pada masa itu 2004 sepertimana yang disebut oleh Y.B. Telok Bahang, Negeri Pulau Pinang dan PBA telah menjadi contoh, satu model yang begitu bagus, kredit telah pun di angkat pada masa itu, sebelum aset dapat diselesaikan sudah pun mengambil kredit, mengapa kita tidak boleh juga memberi sedikit pengiktirafan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah pun menyelesaikan sepenuhnya. Saya rasa ini hipokrit sangat. Itu satu, yang kedua sepanjang hujah di mana saya tak tahan langsung iaitu berkenaan denda kepada rakyat yang mana saya rasa itu tidak betul sama sekali. Ini kerana jika mereka yang membuat silap dan melanggar undang-undang akan di kenakan saman dan duit bayar saman itu pun akhirnya sampai kepada Kerajaan Negeri. Tetapi saya hendak peringatkan kepada semua Yang Berhormat di sini kita tidak benarkan agen menjalankan tindakan penguatkuasaan dan duit kutipan saman akhirnya akan 100% masuk kepada Kerajaan Negeri dan duit itu kita membuat program-program kebajikan. Tetapi kita lihat yang hipokrit sangat Barisan Nasional telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di mana akhirnya bukan saman sahaja yang dikenakan kepada rakyat tetapi saman itu bagi komisyen kepada AES dan kroni. Saya rasa ini amat tidak adil dan mengelirukan ahli-ahli di sini.

Ada banyak lagi isu-isu yang disentuh Y.B. Telok Bahang, cakap tentang lereng bukit di mana saya berbincang dengan Y.B. EXCO Perumahan, adakah kondominium-kondominium yang begitu megah dan terletak di Batu Feringghi, itu bukannya dalam tempoh masa pemerintah Barisan Nasional, bukannya itu dibina dalam tempoh masa itu. Kalau hendak berhujah dengan hujah yang tidak logik saya hendak tanya Y.B. Bukit Bendera, bagaimana? Projek atas bukit itu, bukan Kerajaan Pakatan Rakyat yang buat, kalau hujah itu hendak digunakan untuk cuma menjejaskan kredibiliti Pakatan Rakyat saya rasa itu tidak begitu baiklah. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Bukit Tambun, kawasan ini kawasan *seafood*. Ini berkenaan silap mata, menghapuskan hutang RM656 juta, kalau boleh kita buat dulu, tapi akta itu kita baru *enforce* pada tahun 2008 dan pilihan raya pada bulan Mac 2008, tak sempat hendak buat apa pun. Jadi eloklah masa itu pada tahun 2011 buatlah, tapi janganlah kata kami ini hebat, Kerajaan PR hebat, boleh simpan duit sampai RM656 juta dan boleh bayar hutang dalam masa tiga (3) tahun. Perkara ini rakyat sudah faham, kita sudah beri penerangan dan rakyat sudah faham.

Tentang surcay, apa yang kita hendak kata tentang surcay, dalam bahasa kita surcay ini denda. Surcay tambahan, denda. Masalah berkenaan surcay ini kepada orang kampung, orang kampung anak ramai, ada yang lima (5) anak, saya sendiri lima (5) anak, ada yang tujuh anak dengan emak mertua tinggal sama guna air satu liter, bolehkah hendak jimat air. Kita tanya Y.B. Permatang Pasir, Dato' Salleh Man, kita hendak sembahyang dan sebagainya, tak boleh hendak jimat air. Kalau kita *penalised* mereka kerana menggunakan lebihan air kerana anak ramai dan sebagainya, dan kita hendak denda, perkara ini tak kena lah. Saya harap Kerajaan boleh *review* perkara ini kerana kita perlu tengok isi rumah dan fakta-fakta lain supaya tidak membebankan rakyat kerana banyak sangat kutipan. Banyak sangat terlibat ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Y.B. Dato' Speaker, minta laluan sekejap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ini saya hendak habiskan dulu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Sekejap saja. Berkenaan isu yang dibangkitkan untuk membantu dan membela rakyat, masyarakat khususnya orang Melayu. Cuma yang saya

nampak tertarik sedikit seperti kata Y.B. Telok Bahang yang kata hendak bela kepentingan Melayu, saya hendak minta penjelasan Y.B. Telok Bahang berhubung kait yang sebut tadi untuk membantu masyarakat Melayu sebagai pengguna, ada hubung kait dengan kedudukan sebagai Ketua UMNO Bahagian Balik Pulau. Soalan saya masih adakah lagi sekeping tanah yang diberikan oleh Koperasi Tunas Muda di Bayan Lepas kepada UMNO, Bahagian Balik Pulau sebab ini ada kaitan dengan beberapa kepentingan khususnya di kalangan masyarakat Melayu. Sebab tanah yang diambil oleh pemaju belum diganti untuk tanggani masalah untuk kepentingan masyarakat Melayu. Saya hendak minta penjelasan isu ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya cakap pasal lain, kemudianlah saya jawab di luar. Ini tidak ada kena-mengena, kes UMNO kita tak payah bincang di sinilah, kita bincang di luar. Saya boleh jawab, tapi saya rasa tidak perlulah, kita cakap di luar. Itu hal UMNO tak payah jawab, itu tidak ada kena-mengena. Dato' Speaker buat *ruling*.

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak mahu jawablah?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa UMNO bela kepentingan Melayu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Apa pula tak bela nasib Melayu. Sejak merdeka dulu, semua kita bela, Melayu, Cina, India semua kita bela sejak merdeka dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau begitu, saya cabar sila jelaskan. Kalau UMNO bela nasib Melayu sila jelaskan. Kalau dulu, kini dan selamanya sila jelaskan. Jelaskan kalau berani.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Soalnya kita hendak bercakap tentang bawa kereta pergi ke Kepala Batas, tiba-tiba Y.B. Permatang Pasir *corner* ke Balik Pulau tentu kita tidak boleh beri jawapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jawab, jawab tentang isu tanah orang Melayu yang dijual di Balik Pulau....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kita cakap pasal *charge* air.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanah orang Melayu, oleh orang-orang UMNO dengan pendapatan yang lumayan. Malu UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya ingat...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Malu UMNO, apa.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya bagi balik kepada Y.B. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kalau hendak cakap kita duduk di luar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Malu UMNO. Kepala otak depa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta dia tarik balik, dia kata kepala otak depa. Dia kata kepala otak depa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Siapa? Kepala otak siapa?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

You kata kepala otak depa. *You* tarik balik, *you* tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya enggan tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

You tarik balik. Dato' Speaker saya guna Peraturan 46(13). Tarik balik perkataan, kepala otak depa.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk dulu Y.B. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

You buat tafsiran sendiri. Saya tidak kata depa tu UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Depa bermaksud itu kamilah. Tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan buat tafsiran sendiri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Mana boleh tafsiran sendiri. Depa saya, *you* ulas depa siapa?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak kata pun UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

You tak kata UMNO, depa itu siapa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau macam itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

You cakap siapa depa?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenapa Yang Berhormat ini melompat-lompat?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya bukan lompat pasal *you* cakap kepala otak depa.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua dan Seri Delima, saya minta kita teruskan balik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya bukan melompat. Dato' Speaker, saya minta tolong suruh dia tarik balik perkataan kepala otak depa.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya ingat tidak perlu, dia sebut kepala otak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Dia sebut kepala otak depa, jelas. *Check*.

Y.B. Dato' Speaker:

Apa maksud kepala otak itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak tahu dekat dia. Kepala otak depa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Peraturan 46(13)(c) menggunakan perkataan yang menyakitkan hati, saya sakit hati. Sila tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria)

Saya ingat Y.B. Dato' Speaker ini....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya buat keputusan, saya buat keputusan sekarang ini Seberang Jaya. Tak apalah, Y.B. Seri Delima tarik baliklah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tidak, saya tidak kata kepala otak UMNO. Kalau saya kata kepala otak UMNO memang salah.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apalah, Seri Delima tak usah sebut perkataan itu. Saya minta Yang Berhormat tarik balik, tak usah guna perkataan itu. Nanti orang lain pula kata kepala otak kepada kita.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okeylah. Saya hormati Dato' Speaker, saya tidak kata kepala otak UMNO, Y.B. Dato' Speaker, saya hormati. Kepala otak, saya tarik balik.

Ahli Kawasan (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kepala otak depa tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Sudahla. Kita berhenti setakat ini. Y.B. Telok Bahang , sila....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Walaupun saya tidak kata kepala otak UMNO, saya tarik balik kepala otak. Saya memang tidak kata kepala otak UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Cakap betul-betul la. *You* memang tak kata kepala otak UMNO tapi *you* kata kepala otak depa.

Y.B. Dato' Speaker:

Sudah-sudahlah. Duduk, duduk, hendak keluar kah? Ni tiga (3), empat (4) orang nak kena keluarkah? Berhenti semua. Y.B. Seri Delima sila duduk. Sudah, duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, berbalik kepada isu.... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sudah Y.B. Seri Delima. Duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, kita minta diperjelaskan hal tanah di Balik Pulau. Kalau berani jelaskan.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apa, kita minta Y.B. Telok Bahang perjelaskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tanah mana? *You* kena spesifiklah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tanah di Balik Pulau.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apa, Y.B. Telok Bahang boleh jawab, kalau tidak mahu jawab boleh teruskan perbincangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tanah mana, kena spesifik. Ini cara mereka hendak *divert* isu yang saya nak cakap. Y.B. Dato' Speaker, saya pun dah keliru. Ini masih mengenai isu denda, denda *parking*, kita masih ingat lagi janji semasa pilihan raya nak hapus denda *parking*, tapi sekarang kena tambah teruk lagi. Jumlah denda kotak *parking* depa tambah, kutipan *parking* dendanya bertambah lagi, saya hendak sebut di sini kutipan parking MPPP dan MPSP. MPPP pada tahun 2009 RM5 juta lebih, tahun 2010 RM4.9 juta jumlah RM9.9 juta untuk MPPP, MPSP

kutipan tahun 2009 RM1.9 juta, tahun 2010 RM1.9 juta juga jumlah dekat RM4 juta, bertambah ini dok ceritalah ini, ini kutipan *sorry* masa pun bertambah, di kawasan Persiaran Gurney, sekarang sudah sampai, kalau mengikut laporan ini daripada 10.00 pagi hingga 12.00 malam, dahulu sehingga pukul enam (6) petang sahaja, ini kawasan *New World Park* mulai 2009.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan boleh, saya hendak tahu mengapa hendak kutip *parking*, kerana kita pun tidak mahu orang yang *parking* lama-lama di sana boleh beri peluang kepada orang lain untuk *parking* baru kutip *parking*. Oleh itu kalau tempat itu terlalu ramai yang hendak ke sana dengan itu tempat *parking* memang tidak cukup, jadi mesti kutip *parking* bagi orang yang terlalu lama dan lain-lain seperti *supermarket* serupa juga mereka mengutip *parking* sampai malam, *this not only council* kutip sampai malam sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Sungai Pinang, dahulu hingga pukul 6.00 petang sahaja, tetapi sekarang ini membebankan rakyat kutip sampai 12.30 malam, kawasan Persiaran Gurney ini banyak, jalan *services*, sepanjang Jalan Kelawai dan Jalan Lim Cheng Guan, kutip sampai 12.30 malam, kemudian *New World Park* juga sampai 12.30 malam, Penang Road banyak jalan di situ, sekarang jadi beban malam, Padang Kota Lama sampai 12.00 malam juga buat kutipan dahulu pukul enam (6) petang sahaja, berilah peluang kepada budak-budak ini, orang yang hendak pergi bersiar-siar di situ, jadi tidak tahulah, rakyat terima padah. Saya lupa, Speaker naik angin sikit tak, saya tak berapa....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak jawab soalan pun.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Kemudian ini berkenaan Kereta Api Bukit Bendera, dahulu RM2.00, saya pun lama tidak naik, Kerajaan Pusat beri RM63 juta hendak memperbaiki dan memperbaharui Keretapi Bukit Bendera, sekarang RM8.00 untuk dewasa dan RM4.00 untuk kanak-kanak, untuk pelancong RM30.00 dewasa dan RM15.00 kanak-kanak, ini semua beban kepada rakyat, berilah peluang kepada orang yang hendak naik dan melihat Bukit Bendera ini. Jadi Y.B. Dato' Speaker, janji lama pun belum diselesaikan, Sungai Nyior pun belum selesai juga, saya sebut tadi, jadi Y.B. Dato' Speaker banyak lagi yang saya belum selesai, tidak apalah saya beri peluang kepada sahabat saya untuk hendak bahas lagi, jadi saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi kepada saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, sebelum Y.B. Telok Bahang berundur, satu perkara yang diminta oleh Y.B. Bagan Dalam, tentang kuil Hindu yang telah diroboh, tolong jelaskan, kita ingin tahu Yang Berhormat tolong jelaskan, kita ingin tahu Yang Berhormat, tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ini adalah hal keluarga Penang Port Sdn. Bhd., kita ada pekerja Melayu, pekerja India ada, pekerja Cina dan kita juga ada syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan kepada Penang Port, seperti syarikat, *steel quarry* jadi pekerja India ini tidak ramai sebenarnya, di kawasan PPCT, Butterworth ini terdapat seorang sahaja pekerja India, tetapi dia adalah beberapa orang pekerja *steel quarry* yang membantu membuat kerja...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan, yang itu Yang Berhormat, yang diminta tadi di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat telah memberi aku janji bahawa kuil itu akan dibina, soalnya mengapa tidak dibina lagi dan mengikut dalam surat khabar dia akan membina dalam seminggu, itu kita minta penjelasan mengapa tidak dibina sehingga Dewan bersidang sekarang mengapa tidak dibina...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ini saya hendak jawablah ini, apa punya, bagi latar belakang dulu. Kawasan yang kuil itu adalah, saya ingat dalam....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 5 November 2012 (Isnin) dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam

Y.B. Dato' Speaker:

Ada sokongan

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk lanjutkan tempoh persidangan hari ini 5 November 2012 Isnin dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang setuju katakan “Ya. Yang tidak setuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang boleh sambung.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya sambung lagi, jadi yang asal itu, panggil apa itu, yang tiga bucu besi itu ada di situ di bawah pokok itu di dalam kawasan pelabuhan itu hampir dekat sangat paip *dangerous cargo* yang PPSB ini dia banyak paip di bawah ini, pihak PPSB mencari siapa *owner* punya benda itu, tidak ada siapa yang mengaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf cuma sedikit sahaja, masa itu memang ada bangunan yang didirikan, ada bangunan kecil, saya minta bila kita berdebat kita harus ikhlas di sini, memang ada bangunan di situ dan mereka sedang sembah di kuil tersebut, bukan satu (1) atau dua (2) hari, lebih kurang 20 tahun lebih jadi jangan memesongkan fakta, Y.B. Dato' Speaker, *this is very important* jangan memesongkan fakta, kuil itu memang ada di situ, bukan tiga (3) bulan di bawah pokok, jangan memesongkan fakta.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang tolong berikan penjelasan dan Y.B. Seri Delima nanti bila semasa memberi perbahasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, kita kena perlu ikhlas dalam memberi penjelasan, jangan pusing-pusing, pusing sana, pusing sini tidak memberi kenyataan fakta.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat ini latar belakang kita tahu, masalahnya apakah janji PPSB sama ada kuil ini telah diberi tanah, itulah soalnya sahaja, jangan beri latar belakang, kita tahu semua latar belakang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Yang lain tidak layak, tidak tahu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalannya, Yang Berhormat telah memberi aku janji, dalam hansard ada, Yang Berhormat telah beri aku janji bahawa kuil itu akan dibina dalam masa yang tersingkat sehingga, sekarang lebih kurang enam (6) bulan telah berlalu mengapa kuil itu tidak dibina.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Janganlah politikkan sangat perkara ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak politikkan perkara ini, saya minta Yang Berhormat jelaskan apa susahya untuk membina kuil yang begitu kecil dalam kawasan tanah PPC.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Kalau yang biasa, senang *very simple*, mudah sahaja bagi duit dia buat, jadi saya hendak ceritalah ini, latar belakang ini penting kena faham, ini lompat saja, kena fahamlah, saya pun ramai juga pengundi, saya ini kaum India, kawan saya ramai saya faham sangat dan mereka juga faham saya dan saya faham mereka.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf, MIC di luar mengatakan bahawa ini bukanlah masalah mereka dan mereka juga memberi aku janji bahawa kuil itu

akan dibina, mereka jadi *champion* di luar mereka jadi jaguh-jaguh mengatakan kuil ini dipecah oleh orang lain bukan pihak PPC, apa penjelasan Yang Berhormat yang sebenarnya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, biar saya bercakap dahulu, lain kali hambat keluarlah, tang mana tadi, ini Y.B. Dato' Speaker...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Apa yang dikatakan memang jelas, apabila peristiwa ini berlaku, telah dihebohkan dan PPSB di bawah Penang Port Council, Pengerusi adalah Yang Berhormat telah berjanji bahawa satu tapak kuil akan disediakan untuk kuil yang telah dirobohkan, di sini dihebohkan dalam surat khabar, saya hendak bertanya soalan kedua adakah PPSB telah menyediakan 2,500 kaki persegi untuk kuil itu, adakah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya sambung balikkah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Boleh saya dapat penjelasan sikit, saya dok nampak adakah Yang Berhormat ini yang sekarang berada dalam Dewan ini sebagai Ahli Kawasan Telok Bahang atau Yang Berhormat sebagai Pengerusi PPC, kenapa kena beri jawapan di dalam Dewan ini, Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, kita sedang berbincang tentang satu kuil Hindu yang telah dirobohkan, jangan main-mainkan hal ini, jangan sandiwarakan perkara ini, Yang Berhormat Telok Bahang telah memberi aku janji bahawa kuil itu akan dibina, saya hendak tahu mengapa sehingga hari ini kuil itu tidak dibina, kuil Hindu dipecahkan mengapa tidak dibina, beri penjelasan biar rakyat tengok.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Seri Delima cakap hendak bagi kawasan dengar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan, bukan ini isu sensitif Yang Berhormat, Barisan Nasional yang bertanggungjawab memecahkan kuil Hindu beri penjelasan, itu saya minta mengapa sehingga hari ini kuil itu tidak dibina.

Y.B. Dato' Speaker:

Biar-biar Telok Bahang cakaplah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Kalau tidak mahu penjelasan saya hendak duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Beri penjelasan kita sedang tunggu, apa ini sandiwara, pusing sana, pusing sini mengapa tidak dibina sehingga sekarang, bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Ini masalah luar biasa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Luar biasa apa Yang Berhormat, kuil itu dipecahkan, tanah PPC begitu... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Apa ini seorang duduk seorang berdiri, cukuplah *please* lah ada disiplin sikitlah saya *tired* lah *all this please sit down, please sit down...*(gangguan suara).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, *no, no*.

Y.B. Dato' Speaker:

Please sit down.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

What I am asking him...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Please, sila duduk, Y.B. Seri Delima saya akan menggunakan peraturan mengganggu sidang Dewan,

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta *explanation*.

Y.B. Dato' Speaker:

Please-please jangan gunakan ini, sudahlah cukup sekali ini sidang Dewan yang akhir.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu *no problem*, bagi penjelasan Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya minta penjelasan terus jawablah boleh ada apa keadaan tidak payah panjang, kerana Y.B. Telok Bahang dah duduk tadi. Saya minta maafiah Dewan, *please-please* janganlah ini sudah masuk tahun kelima cukup memalukan, mana-mana pihak, kedua-dua pihak kalau ada perangai macam ini lagi, hormat sikit peraturan Dewan *unfortunate* ini berlaku, Y.B. Telok Bahang sila jelaskan hendak buatlah atau tidak buat pendek sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Hendak buatlah ini cerita dia, kuil ini duduk saya ingat dalam 25 atau 30 meter daripada *dangerous* paip PCT ini dia bawa *chemical* semua dalam kita dok sibuk ini pun sudah berlaku dua kali kebocoran dan bila bocor ini *very dangerous* boleh melutup dan semua kawasan Perai itu 5 kilometer itu akan bahaya. Kita panggil semua, kita panggil bahagian *safety* kita panggil semua duduk dan berbincang, boleh kah tidak bolehkah buat di situ, saya kata buat di situ, mereka beri pandangan bahawa, pasal apabila mereka mengadakan upacara kenduri dan mereka dengan menggunakan api, jadi bahaya, baru ini terjadi lagi, panggil Bomba, panggil semua takutlah kalau tidak kawal seluruh kawasan Perai itu 5 kilometer.

Y.B. Dato' Speaker:

Mungkin satu minit jawab sajalah, panjang sangat hendak cerita.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Panggil semua pergi tengok satu tapak, kita sudah kenal pasti satu tapak tanah kawasan PPC, dia PPSB ada kawasan tapak tanah PPC yang tidak diberi kepada PPSB yang masih lagi ada dan PPC kata okey kami setuju, kami tidak ada apa halangan boleh buat dan dia beri tapak, okey kami beri 10'x10' di luar pagar PPSB tapi boleh akses daripada dalam PPSB maknanya tidak bahayalah, dia berpagar tetapi masuk melalui ini dah okey dah semua sudah setuju PPSB mengatakan tiada halangan boleh buat, kita buatlah, keluasan tanah yang diminta 10'x10'.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan Y.B. Telok Bahang minta laluan, maknanya Ahli daripada Telok Bahang ini begitu prihatin sebenarnya dengan kehendak masyarakat India, jadi untuk menjagakan keselamatan mereka juga jadi mencari jalan bagaimana cara pun diberi satu tapak.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajajai):

Kalau prihatin tak akan dirobohkan, boleh bincang sebelum roboh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Terima kasihlah kerana prihatin, jadi kita kena tolong semua.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sedikit sahaja dan Y.B. Telok Bahang mengatakan bahawa tapak ini 10'x10', baru-baru ini saya bertanyakan soalan di Parlimen minta PPC untuk terangkan berapa dia kata 2,500 kaki persegi soalan Parlimen, Parlimen BN, siapa yang betul PPC kah betul atau Barisan Nasional betul. Dia kata tapak lot 2,500 kp telah disediakan sebagai tapak alternatif kuil yang telah dirobohkan. Jadi Y.B. Telok Bahang katakan tadi 10'x10' so siapa betul, siapa tipu itu sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Tidak tipu, tidak tipu....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bila akan dibina. Jangka bila. Jangan nanti sidang Dewan Undangan Negeri yang akan datang tak bina pulak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Saya tak bagi lalu, dia tak minta pun. Yang ni yang peringkat awal di sini bila kita adakan perjumpaan dengan pihak kaum India termasuk kepimpinan Barisan Nasional di sana dengan pihak PPC dan pihak keselamatan semua. Masa itu *decision* dia diorang minta 10'X10'. Tapi kalau Menteri jawab kata 2,500 kita tengok baliklah jawapan Menteri tu. Kita *flexible*. PPC memang satu agensi Kerajaan yang memang *flexible*. Kalau Menteri jawab 2,500, 2500 lah. Kita tidak ada halangan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kenapa Menteri Pengangkutan boleh jawab 2,500 kaki persegi. Tapi sebelum dia bagi jawapan dia mesti telah menghubungi PPSP atau PPSB. Tapi sekarang ni nampaknya ada dua percanggahan antara dua jabatan satu dari Kementerian Pengangkutan dan juga dari Telok Bahang sebagai Pengerusi. Ini yang saya nampak pelik sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Terima kasih Perai. PPC yang kita minta nak guna ini adalah tanah PPC. PPC di bawah pengangkutan. Dia ada lembaga dia sendiri. Tapi kalau Menteri dah jawab, kita ikut Menteri lah. Tak ada masalah. Tetapi peringkat awal memang yang saya sebut tadi memang dia orang minta 10'X10'. Kalau Menteri jawab begitu kita ikut Menteri lah. Tak ada masalah. Tanah itu tanah PPC bukan PPSB. Tak apalah. Jadi setakat ini kalau nak pertikai kawasan ini tak apalah kita berhubung balik dengan Menteri. Kalau dia kata 2,500, 2,500 lah. *No problem*.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan. Ada satu soalan sahaja. Adakah ini bermaksud selama enam (6) bulan tak ada ketetapan, tak ada buat perancangan. Tidak ada satu perancangan yang betul. Maksudnya *you sit on it. You didn't do anything* kepada kaum India.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker. Saya kata tadi saya nak pendekkan cerita. Cerita tu panjang. Sebab masalah dia saya sebutkan tadi, kita tak boleh nak bina kuil ini sebab dia melibatkan api dekat dengan *pipe* ini. Banyak ini *pipe*. Bukan satu *pipe*. Kalau satu meletup habis semua sekali.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Telok Bahang. *You* sudah lama cakap pasal isu api-api itu. Sudah lama. Enam bulan pasti boleh cari penyelesaian. Kalau sampai enam (6) bulan pun tak dapat cari penyelesaian maksudnya *you* tidak efektif, tidak kompetitif. Adakah ini cara Barisan Nasional bekerjakah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker saya minta maaf. Telok Bahang tolonglah saya minta dengan rendah diri jangan sandiwarakan isu ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Saya tak bagi laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Isu ini bukan isu api. Saya minta penjelasan bila akan dibina. Bagi penjelasan. Itu saja. Satu minggu, dua minggu. Satu hari, bila?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Ini *style* Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

No. Bukan *style*. Ini sensitif isu. Kita cakap kuil Hindu yang akan dirobohkan. Bila akan dibina, saya minta. Rakyat Pulau Pinang nak tahu.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima. *You* sudah minta penjelasan tentang isu ini sudah banyak kalilah. Bagi dia jawablah. Bagi Y.B. Telok Bahang jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya dah jawab tadi. Cerita ini panjang. Nak cerita lagi. Ingat tak payahlah. Cerita dia hari ini PPC tiada halangan kita guna tapak dia untuk bina kuil ini. Cuma masalah ni peringkat awal PPSB.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker saya minta maaf. Saya tanya pekerja-pekerja ingin Y.B. Telok Bahang komited dalam hansard masukkan. Bila akan dibina. Mengapa takut nak lari dari perkara ini. Bagi komitmen.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seri Delima mintak laluan tak?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Nyatakan berapa lama.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Telok Bahang bagi laluan tak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Tak bagi.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan perbincangan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Bila dah selesai masalah tapak, hari nak *meeting* ini. PPC *meeting* hari ini pasal tapak.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, masalahnya enam bulan telah berlalu. Pada sidang Dewan yang lama beliau telah memberi aku janji akan membina.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima. Y.B. Telok Bahang sudah bagi jawapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma ingin beliau memberi kepastian supaya dirakamkan dalam handsard Dato' Speaker. Semua ingin tahu berapa lama akan mengambil masa. Inilah cara Barisan Nasional buat kerja. Janji ditepati. Kuil Hindu dirobohkan. Enam (6) bulan tidak dibina, janji ditepati apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Dia kerja apa tak buat di kawasan. Mai sini bising. Saya dah kata tadi, ini hari ini. *Sorry* esok PPC akan buat mesyuarat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sebab itu Dato' Speaker saya katakan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Minta laluan dulu. Ahli Seri Delima, sila minta laluan dahulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma minta panduan Dato' Speaker....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Untuk beliau memberi penjelasan. Tadi *meeting* hari ini. Sekarang *meeting* esok.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Sorry la. Kita pun kadang lupa juga. Kita manusia biasa. Tak payah jawab dah. Jadi yang pentingnya PPC akan bersidang esok dan salah satu agendanya adalah berbincang tentang tapak ini. Dan saya akan sampaikan *message* ini bahawa 10' X 10' itu kurang tepat, tapi menteri jawab 2,500. Saya akan sampaikan *message* kepada PPC dan saya harap mereka boleh luluskan. Tapak ini bersebelahan *multi community* salur. Dia tak bahaya. Jadi setakat itu sahaja kot. Lepas itu kita buatla. *No problem*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Di kesempatan ini saya ingin juga mengucapkan kepada pelajar-pelajar yang sedang menduduki ujian atau peperiksaan SPM hari ini, semoga mereka dikurniakan ketenangan di dalam menjawab segala soalan-soalan dan semoga juga mereka berjaya di dalam peperiksaan tersebut. Dan anak saya juga terlibat di dalam peperiksaan SPM hari ini. *Insha-Allah* kita pakat-pakat berdoa.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker. Saya menyokong penuh dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang atas pembentangan Bajet 2013 Negeri Pulau Pinang bertemakan Agenda Ekonomi Saksama ataupun AES untuk mengurangkan ketidaksamaan pertumbuhan ekonomi Negeri dan membolehkan pengagihan yang saksama kepada rakyat.

AES yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk keuntungan rakyat, berbeza sama sekali dengan AES Kerajaan Pusat yang mengutamakan keuntungan kroni agaknya. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, bajet yang dibentangkan oleh Ketua Menteri selari dengan prinsip yang diperkenalkan iaitulah (CAT) Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat adalah Kerajaan berjiwa rakyat selari dengan ajaran Islam sepertimana difirmankan dan terkandung dalam Al-Quran(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker. (Baca Ayat Al-Quran). "Kebenaran dari Tuhan kamu dan jangan kamu masuk di kalangan orang yang ragu."

Di dalam Islam setiap perkara yang disuruh pastinya baik, tidak ada yang disuruh melainkan semuanya baik belaka. Jadi apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pulau Pinang tidak lari dari nilai-nilai murni Islam. Mudah-mudahan prinsip ini akan dikekalkan oleh Kerajaan pada masa akan datang. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh tentang fasiliti ataupun kemudahan kesihatan yang telah dibentangkan dalam bajet dua (2) hari lepas. Saya mulakan dengan satu ungkapan iaitu kesihatan merupakan mahkota yang berada di atas kepala orang yang sihat. Namun ia hanya dapat dilihat oleh mereka yang sakit sahaja.

Oleh itu, setiap orang bertanggungjawab menjaga kesihatan diri manakala Kerajaan pula bertanggungjawab menyediakan kemudahan kesihatan. Kita mengharapkan agar Kerajaan berusaha dalam membentuk jati diri yang luhur. Guna membentuk suasana yang boleh menyumbangkan

kepada kesejahteraan rakyat dari aspek kesihatan ini. Sepertimana yang diketahui umum, kebersihan itu merupakan sesuatu yang mencerminkan keperibadian yang tinggi bagi diri seseorang dan memberikan gambaran imej positif kepada Kerajaan Negeri sejajar dengan yang digaris oleh Islam seperti mana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. ...(dengan izin), (membaca ayat Al-Quran). "Kebersihan itu sebahagian daripada iman".

Saya memandang serius kepada soal kesihatan ini, bahawa kesihatan hakiki bukanlah yang dilihat kepada kesihatan jasmani semata-mata. Sepatutnya kesihatan itu melepasi sempadan jasmani bahkan kerohanian dan spiritualnya. Secara peribadinya saya lebih suka mencadangkan kepada Kerajaan Negeri menyediakan beberapa peruntukan khas untuk pembangunan modal insan sepertimana yang telah digariskan oleh Generasi Pewaris di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Oleh demikian program pembangunan insan ini akan lebih berjaya sekiranya Kerajaan Negeri bergerak seiring dengan program-program yang dijalankan oleh Generasi Pewaris.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker. Selain daripada itu, berdasarkan sepertimana yang telah dibentangkan dalam bajet yang lalu, yang saya juga dapat maklumat sikit daripada portal rasmi e-Perolehan bahawa terdapat ramai di kalangan kontraktor kelas F yang menjadi pemangkin kepada kemajuan ekonomi. Golongan ini adalah golongan yang amat penting di dalam merencanakan ekonomi Kerajaan Negeri dan pembangunan infrastruktur. Oleh yang demikian, Y.A.B. Ketua Menteri amat prihatin terhadap golongan ini sehingga dijadikan satu tajuk khusus dalam ucapan Bajet 2013 yang lalu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak pernah dilakukan Kerajaan sebelum ini. Sepertimana yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa nilai projek yang telah ditawarkan kepada kontraktor kelas F sehingga September 2013 adalah sebanyak RM57.02 juta berbanding pada tahun 2009 hanyalah RM11.7 juta yang ditawarkan kepada golongan ini.

Saya amat berharap bahawa Kerajaan Negeri akan terus membuka ruang-ruang kepada golongan ini kerana kebanyakan mereka adalah daripada golongan masyarakat Melayu. Harapan saya agar mereka akan dapat meningkatkan kualiti dan prestasi kerja. Sebagai pulangnya mereka akan bekerja dengan penuh keikhlasan, amanah, kompetensi, integriti dan penuh dengan ketelusan. Ini bertepatan juga sepertimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran (baca ayat Al-Quran).....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Salleh Bin Man):

Yang Bermaksud, “Sesungguhnya orang yang paling baik, yang engkau ambil sebagai pekerja adalah orang yang kuat dan dapat dipercayai.”

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Okey, Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang(Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih. Y.B. Permatang Pasir yang hujah daripada tadi Yang Berhormat, kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang beri lebih peruntukan berbanding dengan zaman pemerintah daripada Barisan Nasional untuk agama Islam dan kepada semua kelas F kontraktor. Tapi selalu saya baca di surat khabar tertentu kata Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang anti Islam, anti orang Melayu, mereka diketepikan. Adakah ini semua bohong atau pun palsu. Sila tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya rasa di antara perkara yang telah pun dinyatakan disiarkan di akhbar, saya anggap itu lebih kepada isu politik dan kepentingan politik mereka sahajalah. Y.B. Dato' Timbalan Speaker iaitu kekuatan di dalam pelbagai bentuk di antara contoh-contoh yang sebutkan tadi. Jika kita perlukan kontraktor yang berkemahiran tinggi dan memiliki dana modal yang besar bagi menampung projek yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker hasrat Kerajaan Negeri mempertingkatkan taraf hidup sosial ekonomi golongan miskin amat disanjung tinggi. Pada saya, kedua-dua golongan kaya dan kurang berkemampuan termasuk juga di kalangan golongan yang dikategorikan sebagai gelandangan, yang kehidupan mereka dan bahkan di kalangan di antaranya mereka tidak mempunyai tempat kediaman khusus. Ada yang mereka tinggal hidup di kawasan-kawasan yang amat sangat menyedihkan, yang hidup mereka di bawah, kadang-kadang berlaku kita lihat di bawah kotak-kotak ada yang tidur di atas beca dan tempat-tempat yang tak sepatutnyalah mereka berada atau pun golongan-golongan yang sangat daif. Ini adalah sebahagian yang saya anggap sunnah alam, bila ada kaya miskin, ada susah senang, ada tua muda, ini sebahagian daripada sunnah alam kehidupan manusia di alam dunia ini.

Saya rasa juga mungkin kewujudannya mempunyai rahsia dan hikmah yang tersurat dan tersirat yang paling penting golongan yang berada wajar membantu golongan yang kurang berkemampuan. Golongan-golongan gelandangan ini khususnya yang ditimbulkan sebelum ini pun banyak juga

dan mereka yang terlibat khususnya di kalangan berbagai-bagai bentuk pertubuhan, NGO dan sebagainya juga mesti prihatin membantu dan melihat betapa perlunya mereka dibantu dalam untuk mendapatkan kebajikan. Di antara saya rasa penting golongan gelandangan inilah yang perlu diberikan perhatian serius atau lebih diberi *awlawiyat* di dalam membantu mereka. Semua pihak hendaklah bersama Kerajaan Negeri berganding bahu membantu golongan *mustad'afin fuqorok wal masakin*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, selain daripada apa yang saya katakan tadi, juga terdapat di dalam pembentangan bajet yang lalu penglibatan generasi muda atau pun belia yang kita lihat belia hari ini memimpin masa depan *Insyaa-Allah*. Seperti mana yang telah dinyatakan jelas dan terkandung dalam Al-Quran juga (ayat Al-Quran-Firman Allah dalam surah al-kahfi ayat 13) (dengan izin) maksudnya "Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami tambahkan petunjuk kepada mereka".

Sejarah telah membuktikan kebangkitan rakyat dipelopori oleh golongan muda yang digelar sebagai '*Rijalul Taghyir*', contoh diantara contoh-contoh yang berlaku khususnya di kalangan pemuda-pemuda '*As habul Kahfi*' telah mencatatkan satu contoh teladan yang wajar dipuji dengan semangat waja mereka telah mempertahankan prinsip bahawa sesungguhnya Tuhan yang layak disembah hanyalah *Allah* Yang Esa. Walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai ancaman yang boleh memudaratkan diri mereka, tetapi mereka menghadapinya dengan tabah walau pun terpaksa menghabiskan usia muda dengan bersembunyi di dalam gua, agar prinsip hidup mereka tidak tergadai. Pasti mereka lahir daripada suatu sistem pertarbiyahan yang telah membentuk diri mereka sehingga menjadi begitu ampuh dan teguh berhadapan dengan segala rintangan.

Oleh itu, saya berkeyakinan penuh akan peri pentingnya kita berusaha menyiapkan legasi pemimpin masa depan dengan ilmu pengetahuan yang dapat memimpin mereka untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Saya berkeyakinan bahawa pendidikan berteraskan keimanan adalah penyelesaian kepada ketempangan Sistem Pendidikan Negara pada masa kini. Justeru, kita mengharapkan seluruh masyarakat dan rakyat peka dengan pembinaan diri, keluarga dan masyarakat agar semuanya berpaksikan kepada syariat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, apa yang saya difahamkan dan sepertimana yang kita sedia maklum Pulau Pinang sebelum ini hasil pendapatan terutamanya daripada penanaman padi yang amat menggalakkan khususnya di kawasan saya kawasan Permatang Pasir dan juga di kawasan-kawasan yang lain seperti Bumbung Lima dan sebagainya. Mutakhir ini saya rasa agak membimbangkan apabila terdapat kawasan-kawasan pertanian tersebut telah didirikan dengan bangunan dan perumahan ini boleh

mengurangkan pendapatan petani dan mengurangkan hasil pengeluaran pada mereka. Kerajaan Negeri juga mengalami kekurangan hasil pendapatan negeri jika sektor ini kurang diberikan perhatian. Oleh itu, kita mengharapkan supaya perkara-perkara ini jangan terlalu membiarkan berleluasa, aktiviti pembangunan tanah pertanian yang saya nyatakan tadi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Mohon penjelasan sikit Permatang Pasir, sedarkah Ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pasir itu rumah-rumah, tanah-tanah macam Lot Lidi ini depa ada kelulusan kah? Atau pun dibiarkan tutup mata sebelah dan sebagainya, pasal banyak sangat saya pun setuju, kita pun sama-samalah dalam Parlimen yang samalah berjiran. Kita minta Padang Kota tolong-tolong sama-sama mengawasi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Jadi itulah diantara keluhan dan rasa kebimbangan seperti mana Seberang Jaya juga saya sebagai satu kawasan pertanian yang kita rasa dulu kita sebut dan kita nyatakan bahawa kawasan pertanian khususnya dijadikan kawasan Jelapang Padi, jadi bila dengan pertumbuhan pembangunan ini mengakibatkan pendapatan hasil tanaman padi ni makin berkurangan dan seperti yang dinyatakan Seberang Jaya kata tadi.

Apakah ada disebalik dengan berlakunya apa yang telah terjadi ini kita mengharapkan pihak-pihak berkenaan lah seterusnya PBT, MPSP dan sebagainya mengambil perhatian serius, apakah dengan pembangunan lot Lidi ini mendapat kelulusan.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, akhirnya saya ingin menarik perhatian Dewan, bahawa sesungguhnya kekayaan yang dikecapi tidak sepatutnya menjadikan diri kita alpa dan lalai. Ingatlah apa yang menimpa *Qarun* yang hidup pada zaman *Nabi Musa Alaihissalam*. Siapakah dia? Beliau merupakan sepupu kepada *Nabi Musa*. Beliau telah datang kepada *Nabi Musa* memohon supaya didoakan agar menjadi orang kaya. *Nabi* telah berdoa agar menjadi orang kaya. *Nabi* telah berdoa dan doanya telah dimakbulkan sehingga dia mampu menghasilkan emas dengan mudah. Tetapi *Qarun* telah memungkirkan janjinya yang ingin menyumbangkan kekayaannya kepada perjuangan *Nabi Musa*. Walau pun *Nabi Musa* cuba berdakwah agar dia insaf dan kembali ke pangkal jalan tetapi akhirnya dia semakin jauh, sebagai balasannya *Allah* telah melaknatnya dengan meneggelamnya seluruh harta kekayaannya bersama dengan dirinya berkubur tanpa nisan. Ini telah dirakamkan dan terkandung di dalam Al-Quran (ayat Al-Quran-Firman Allah dalam surah Al-Qasas ayat 76)(dengan izin).

"Sesungguhnya Qarun termasuk kaum Musa tetapi dia berlaku zalim terhadap mereka dan kami telah menganugerahkan kepadanya perbendaharaan harta yang kunci-kuncinya sungguh berat dipikul oleh sejumlah orang yang kuat-kuat. Ingatlah ketika kaumnya berkata kepadanya janganlah engkau terlalu bangga sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang membanggakan diri".

Dalam masa yang sama seharusnya kita beringat dan berwaspada agar jangan kita menyesal di kemudian hari. Sewajarnya kita mengambil pengajaran daripada sejarah *Nabi Yusuf Alaihissalam* telah menunjukkan contoh bagaimana mentadbir perbendaharaan Negara dengan cekap dan bijaksana sehingga dapat menyelamatkan Negara Mesir daripada bencana kemarau panjang. Saya menaruh harapan dan keyakinan yang tinggi dengan prinsip-prinsip yang diamalkan adalah sesuatu yang bermanfaat kepada Negeri Pulau Pinang dan tidak mustahil dengan pembuktian ini kita mampu untuk terus menuju ke Putrajaya. Pada masa itu rakan-rakan kita dari pihak sebelah saya inilah akan menjadi pengikut setia kepada Kerajaan yang berteraskan '*Baldatun Toyyibatun wa Robbun Ghofur*'. *Insya Allah* dan kita akan berjumpa lagi selepas pilihanraya umum akan datang. Y.B. Dato' Dato' Speaker dengan ini saya memohon menyokong.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi kebenaran kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua ahli yang beragama Islam, begitu juga kepada mereka yang beragama Hindu, saya ucapkan Selamat menyambut Hari Raya Deepavali, saya ucapkan kepada semua yang mana perayaan ini dijangka akan diadakan pada 13 November nanti. Syabas dan tahniah saya ingin ucapkan kepada Kerajaan Negeri PR kerana berjaya membawa satu perubahan dan perbezaan yang positif terhadap dasar pentadbiran dan sistem pengurusan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, serta melipat kali gandakan pembangunan terhadap kemajuan dalam Negeri Pulau Pinang. Ini terbukti melalui satu prinsip atau pegangan yang tepat sekali iaitu CAT. Yang Berhormat Dato' Speaker pada keseluruhannya bajet bagi Pulau Pinang untuk perkhidmatan bagi tahunan 2013 iaitu AES adalah satu bajet yang berjiwa rakyat dan mesra rakyat. Pihak pembangkang kita kalau boleh saya minta depa mengambil pendirian yang positif dan bukan mengkritik ikut pegangan politik dan keluasan perangai mereka.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Minta laluan, AES tu makna apa Agenda Ekonomi Sendiri, agenda DAP.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Agenda Ekonomi Saksama. Satu agenda...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Agenda ekonomi sendiri, Agenda ekonomi sendiri ataupun agenda ekonomi saya Ketua Menteri boleh jawab.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Mana lah *you* ni, apa *you* ni tak tahu baca kah? Ini apa jelas tertulis sini apa termaktub kat sini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

AES saya punya ni tak nampak macam Agenda Ekonomi Sendiri Ketua Menteri punya Agenda Ekonomi Sendiri DAP punya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Agenda Ekonomi Saksama

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Tak betul itu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Itu yang adil lagi apa, tepat faham kah, mana tak sama....(gangguan), *you* ini bagi saya peluang bagi untuk saya sampaikan ucapan saya.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Seberang Jaya, Ahli Seberang Jaya, tak minta pun laluan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Tak minta langsung macam apa, macam tak pernah diajar orang. Yang Berhormat Dato' Speaker.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Mintak laluan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Bagi tak?....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Apalah *you* ni....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan, sila teruskan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Okey, Y.B.Dato' Speaker sejak kebelakangan ini kemalangan jalan raya sering kali menjadi satu perkara yang dipertikaikan dan dibimbangi orang ramai dalam kawasan Jawi serta kawasan Bukit Tambun. Ia juga satu isu yang selalu dipermainkan oleh pihak pembangkang kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari pertengahan tahun lalu sampai ke hari ini beberapa kemalangan di hadapan jalan besar Taman Cenderawasih telah pun meragut sebanyak tiga (3) nyawa yang tidak berdosa secara langsung pada waktu malam. Selain daripada tu banyak kemalangan minor atau kemalangan kecil juga turut menjadi-jadi di tempat tersebut, boleh dikatakan kemalangan berlaku hampir ada pada setiap minggu di hadapan Jalan Persekutuan Taman Cenderawasih.

Y.B. Dato' Speaker, berdasarkan kepada maklumat-maklumat mengenai kemalangan yang telah berlaku di hadapan Taman Cenderawasih dan keluhan hati orang ramai dari Taman Cenderawasih melalui beberapa akhbar. Ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa ada sesuatu yang tidak kena tersembunyi di sebalik perenggan jalan Persekutuan di antara *traffic light* Taman Bukit Panchor hingga ke *traffic light* Tol Jawi. Kalau kita lihat keadaan rupa bentuk jalan dan prasarananya perenggan Jalan Persekutuan yang ada di antara Taman Bukit Panchor hingga ke *traffic light* Tol Jawi mempunyai dua (2) buah simpang keluar masuk utamanya di hadapan Jalan Persekutuan Taman Cenderawasih dan jarak bagi kedua-dua *traffic light* tersebut pula terlalu dekat dengan tempat untuk belok masuk ke taman itu dari Jalan Persekutuan dan keluar dari taman tersebut ke atas Jalan Persekutuan iaitu di bawah jarak 100 meter sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, keadaan jalannya juga adalah berada dalam keadaan sangat malap dan lampu jalannya juga selalu terputus bekalan ataupun bernyala sekali-sekali sahaja. Pendek kata, keadaan infrastruktur bagi Jalan Persekutuan di hadapan Taman Cenderawasih adalah sangat merbahaya kepada pengguna jalan yang ingin membelok masuk ke dalam taman itu mahupun sebaliknya.

Selain daripada itu, di antara ramai pengguna jalan yang membelok masuk ke dalam Taman itu sudah pastinya ada yang membuat kiraan kurang tepat ketika hendak membelok. Apa yang saya maksudkan di sini adalah kurang tepat terhadap kelajuan kereta dari jalan lurus. Begitu juga dengan sikap pemandu jalan lurus, pemandu yang datang dari jalan lurus, selalu memecut selepas *traffic light* di hadapan Taman Bukit Panchor menjadi berwarna hijau. Tidak kurang juga dengan kemalangan yang telah terjadi adalah disebabkan oleh sikap yang terburu-buru oleh pemandu-pemandu untuk membelok masuk ke dalam taman itu serta lain-lain faktor yang berkaitan seperti jalan bertakung air dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker untuk mengurangkan kemalangan jalan raya pihak JKR dan MPSP adalah dipohon supaya menutup ruangan pembahagi jalan yang sedang digunakan untuk belok masuk ke dalam Taman Cenderawasih terlebih dahulu, buat sementara kita kena tutup ruangan yang ada di atas pembahagi jalan untuk belok masuk ke dalam Taman Cenderawasih itu, sebab ia adalah punca yang dikenal pasti, kemudian baru membuat siasatan dan kajian susulan secara terperinci terhadap perenggan jalan tersebut serta mengambil tindakan segera untuk pengubahsuaian keadaan jalannya dengan memasang *traffic light* dengan memasang *traffic light* khas ber *timing* selaras dengan bertiming bagi *traffic light* yang berada di Taman Bukit Panchor dan hadapan hadapan tol Simpang Jawi atau pun menutup ruangan pembahagi jalan tersebut secara terus. Itulah satu cadangan yang saya harap boleh mengurangkan kemalangan maut yang terjadi-jadi di hadapan Taman Cenderawasih....(gangguan). Ada apa soalan, tidak ada diam.

Y.B. Dato' Speaker terdapat seperenggan jalan lagi yang selalu berlaku kemalangan jalan raya dalam KADUN Jawi, banyak kenderaan selalu terbang dan terbabas serta terpelanting di perenggan jalan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Perenggan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

You diam. Jalan yang dimaksudkan oleh saya itu adalah terletak di antara jambatan lebuh raya Jalan Changkat dan jambatan baru kereta api berkembar di jalan changkat yang baru, siap tidak berapa lama selama ini. Y.B. Dato' Speaker kemalangan jalan raya yang selalu terjadi-jadi di kawasan itu kerana jalannya yang berbengkok bengkok dan paras jalannya pula berbentuk "U" tajam di antara kedua-dua cerun naik dan turun bagi kedua-dua jambatan tersebut yang mana jaraknya adalah berdekatan di antara satu sama lain serta keadaan jalan yang hampir tiada bekalan cahaya lampu jalan pada waktu malam.

Di samping itu perenggan jalan itu juga mempunyai sebuah kilang minyak kelapa sawit yang bersaiz besar. Sebuah simpang tunggal yang digunakan oleh semua penduduk dari sebuah kampung kecil yang terletak dalam ladang kelapa sawit di sebelah kanan jalannya dari arah PBA SPS, keadaan aliran lalu lintasnya pula sentiasa sibuk dari waktu awal pagi sampailah ke larut malam. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, perenggan jalan itu juga merupakan sebahagian daripada jalan utama bagi lori sampah yang berulang alik hampir setiap hari dari Pulau Burung.

Y.B. Dato' Speaker, untuk mengurangkan kemalangan di jalan itu, pihak JKR adalah dipohon supaya membuat pengambilan tanah terhadap tanah swasta yang berada di sebelah kirinya dari arah pejabat PBA daerah SPS. Tujuan pengambilan tanah itu terpaksa dibuat adalah untuk membuat satu lagi laluan keluar yang lebih selamat kepada pemandu yang ingin keluar dari Kampung Jalan Changkat tersebut ke arah kampung Changkat ataupun Pekan Nibong Tebal, tanpa menyeberangi lorong jalan yang bertentangan. Manakala simpang Jalan Tunggal yang sedia ada pula adalah lebih selamat dan selesa untuk digunakan oleh para pemandu dari kampung tersebut yang ingin membuat perjalanannya menuju ke arah jalan pejabat PBA daerah SPS sahaja.

Di samping itu pihak JKR juga dipohon supaya memasang lampu jalan dengan secukupnya, untuk menghindari kemalangan jalan raya di perenggan jalan itu pada waktu malam serta meluruskan jalan tersebut daripada beberapa selekoh tajam, yang mana telah pun menyebabkan beberapa buah kenderaan terbabas sebelum ini. Memandangkan ia akan meragut nyawa pada bila-bila masa, pihak JKR adalah dipohon mengambil tindakan segera untuk memperbaiki segala kelemahan yang tersembunyi.

Y.B. Dato' Speaker, selaras dengan pembangunan terminal baru kereta api elektrik di tapak stesen keretapi Nibong Tebal. Kerajaan Negeri mahu pun Persekutuan adalah dipohon, ini pihak pembangkang kena dengar, adalah dipohon supaya mendesak pihak JKP Sdn. Bhd. supaya membangunkan sebuah kompleks terminal bas Nibong Tebal di atas tapak tanah kosong yang

berada di hadapan Masjid Jamek dalam Pekan Nibong Tebal. Ini sekarang mereka buat macam tempat letak kereta, bas sahaja. Ini macam satu tipu muslihat yang telah dibuat oleh pihak....(gangguan). Dia janji akan buat Kompleks Pekan Rabu betul tidak Yang Berhormat Penanti, tetapi selepas ambil orang punya tanah, lepas itu simpan sebagai harta mereka. Ini satu janji dicapati.....(ketawa). Saya harap pihak Barisan Nasional akan memberhentikan sikap....(gangguan), ini yang saya dapat dari Internet, bukan ditepati tetapi dicapati....(ketawa). Capati apa dia bikin kuih, capati.....(ketawa), ada apa soalan, kalau tidak ada saya akan teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Jelaskan capati.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Capati?, ini dia pusing-pusing untuk buat sesuatu. Ini macam cara apa, kuih India yang itu dia terpusing-pusing, tapi pada hal itu janji, janji itu telah dicapati....(ketawa). Okey, ini adalah sejajar dengan tujuan dan matlamat asalnya untuk pengambilan tanah yang telah mereka maksudkan dahulu. Dengan adanya pembangunan terminal bas tersebut. Ia dipercayai dapat merangsangkan pertumbuhan ekonomi dalam Pekan Nibong Tebal. Seterusnya membolehkan satu sistem saluran bas yang baru dan unggul dapat diwujudkan dalam kawasan Nibong Tebal.

Yang Berhormat Dato' Speaker demi untuk keselamatan, keselesaan dan kemudahan orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan kereta api karen di Nibong Tebal. Sebuah jejantas untuk menghubungi stesen kereta api karen Nibong Tebal dengan terminal bas tersebut hendaklah dibina bagi memastikan kejayaan pencapaian bagi rancangan tersebut dengan berkesannya. Ia juga dapat menggalakkan orang ramai daripada menggunakan kedua-dua perkhidmatan itu dan sekali gusnya juga dipercayai dapat membantu mengurangkan kesesakan jalan raya yang begitu membimbangkan dan diharap-harapkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya amat tertarik dengan peruntukan khas sebanyak RM500 juta yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina gelanggang futsal di seluruh Negeri Pulau Pinang. Untuk menyahut kehendak dan hasratnya, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya meluluskan empat (4) buah projek pembinaan gelanggang futsal di kawasan Jawi bagi membolehkan para pemuda pemudi yang berminat terhadap aktiviti sukan futsal di Jawi...(gangguan), hai *you* diamlah, *you* ini banyak cakap yang bukan-bukan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yang Berhormat sila teruskan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya padang MPSP yang terbiar di Taman Cenderawasih, tanah tepi Parit B2 Nibong Tebal yang saya buat lawatan dengan Y.B. Lau tempoh hari dalam kawasan Taman Bukit Panchor, padang bola dalam Taman Berjaya dan tanah lapang di tepi Dewan Warga Emas dalam perkampungan Jawi digunakan untuk tujuan pembangunan aktiviti sukan tersebut. Adalah dipercayai ia akan memimpin para pemuda-pemudi kita ke arah aktiviti hidup yang lebih sihat dan berwawasan daripada terlibat dengan aktiviti yang tak sihat.....(gangguan). Apa Sungai Acheh mahu cakap, saya bagi *you* peluang nak cakap. Apa nak cakap. Okey.

Y.B. Dato' Speaker, penjaja yang tak berlesen yang berada di tepi jalan Taman Bukit Panchor adalah sebahagian daripada ahli dalam masyarakat kita. Mereka telah pun berniaga di tempat tersebut sejak zaman pemerintahan BN lagi. Sungguhpun ia berbahaya kepada lalu lintas, dan keadaan kerja mereka agak terabai, namun kerana hidup punya pasal, mahu tak mahu mereka terpaksa juga meneruskan perniagaan tersebut untuk mendapatkan sesuap nasi bagi membiayai kehidupan mereka. Dalam mengatasi masalah keselamatan jalan dan menaikkan taraf hidup para penjaja di sana pihak MPSP, pihak MPSP adalah dipohon supaya mendirikan sebuah Medan Selera baru bagi memindahkan mereka. Ini sekali gus dapat mengatasi masalah lalu lintas dan pengesahan kedudukan perniagaan mereka. Di samping itu, Medan Selera tersebut tak boleh digunakan untuk memuatkan semua penjaja tepi jalan yang lain supaya mencari nafkah di dalam tempat yang lebih sesuai.

Y.B. Dato' Speaker, masalah membuat pengubahsuaian rumah-rumah dalam taman adalah menjadi satu masalah yang selalu dipertikaikan oleh pemohon, menyatakan ramai pemohon berasa tak puas hati tentang pengambilan terhadap bayaran tertentu, bayaran-bayaran tertentu yang mana telah pun dilaksanakan oleh pihak MPSP. Boleh katakan ramai yang berasa tidak puas hati dengan bayaran wang cagaran bagi pelan iaitu sebanyak RM500.00. Bayaran wang cagaran kebersihan itu RM250.00 yang mana bayaran tersebut tidak diamalkan sebelum ini. Ia diamalkan sejak Kerajaan BN, sejak Kerajaan PR kita mengambil Negeri Pulau Pinang ini. Diam lah, orang cakap, *you* kalau berani *you* cakap. Okey Yang Berhormat cakap, cakap.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Minta laluan. Minta laluan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yang Berhormat bagi tak, bagi tak. Bagi. Okey. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang Berhormat bagi. Kalau seperti mana yang Jawi cakap tadi, makna Kerajaan sekarang tak baguslah. Pasal sebelum ini tak buat, sekarang buat. Itu kira tak baguslah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

You jangan nak putar belit. Orang tak cakap Kerajaan tak bagus. Mana yang tak kena, kita kena betul, bukan apa yang Kerajaan sekarang. Kerajaan BN amalkan sekarang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak baguslah. Kerajaan sekarang tak baguslah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Yang Berhormat bagi dia jawab.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang mana yang tak kena, kita kena perbetulkan. Pandai-pandailah itu. Sungai Dua. Saya harap perkara ini dipertimbangkan semula oleh pihak MPSP, kerana ia membebaskan golongan yang berpendapatan rendah. Ini saya rasa agak membebaskan sebab mereka yang berpendapatan kurang mungkin mereka tak mampu nak berbuat demikian. Saya harap perkara ini diberikan perhatian yang serius oleh pihak MPSP kita terutama sekali di bawah portfolio Y.B. Padang Kota. Ya masalah banjir yang menjadi-jadi dalam Taman Saujana dan taman yang berdekatan di sana. Saya rasa perkara ini memang serius. Apa yang saya faham, setiap kali hujan lebat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Nanti, penjelasan Jawi, Taman Saujana. Jawi ada Taman Saujana? Sila.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Memang di SPT. Tapi saya mendapat aduan daripada penduduk di sanalah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Silakan. Y.B. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Oh! sudah keluar kawasan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Orang bagi perkhidmatan boleh keluar ke SPT. Sungai Acheh pun tak jalan keluar. Jangan banyak cakap...(ketawa).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasihlah itu kawasan saya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya terpaksa membawa beberapa masalah rakyat. Masalah banjir yang terjadi-jadi di Taman Saujana, dan Taman Impian ataupun taman-taman yang berdekatan sana, saya rasa masalah ini adalah satu masalah serius. Apa yang saya faham mengenai masalah ini, rupa bentuk bumi adalah perkara yang telah mempengaruhi banjir di sana. Saya difahamkan terdapat sebuah tanah tinggi yang terletak di sana, di atas sekitar Lot 1128, 1127 tak silap saya. *You* jangan tengok sayalah, *you* tengok sama orang lain....(ketawa). 1127, 1128, tanah ada tak kena sebab apa yang saya faham, tanah tinggi tersebut telahpun menghalang laluan air daripada masuk ke sebuah kolam besar yang ada di sana. Ini menyebabkan air bukit ataupun air tanah tinggi dari kawasan tersebut melimpah masuk ke dalam Taman Saujana dan taman-taman yang berhampiran.

Sungguhpun di bawah perhatian dan di bawah usaha Y.B. Bukit Tambun, projek-projek menaik taraf longkang ataupun parit akan dibuat oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa kesan ini tak begitu, saya rasa kesannya untuk kebaikan penduduk-penduduk yang tinggal di taman sekitar sana adalah, adalah tidak begitu baik, jika kita tidak mengambil cara yang tepat mengambil cara yang tepat untuk mengatasi masalahnya. Saya rasa cara yang paling tepat untuk mengatasi masalahnya adalah dengan membuang tanah tinggi tersebut sebanyak lebih kurang 30 kaki untuk membenarkan air tanah tinggi daripada melimpah masuk ke dalam taman yang berhampiran. Saya berharap perkara ini mendapat perhatian pihak Y.B. Bukit Tambun dan pihak MPSP kerana banjir sebagai mana yang telah kita sedia maklum, banjir boleh mengakibatkan kerosakan banyak harta orang ramai seperti perabut dan lain-lain benda yang tak patut terjadi, yang mana telah pun terjadi sebelum ini.

Y.B. Dato' Speaker, saya tak mahu cerita panjang lebar, saya faham apa masa tidak mengizinkan kepada kita, saya akhiri ucapan saya dengan memohon sokongan terhadap ucapan saya. Terima kasih itu sahaja.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Okey. *Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam Satu Malaysia. Jawilah. Y.B. Dato' Timbalan Speaker dan rakan-rakan, Ahli Dewan yang mulia ini, pertama saya nak mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali pada rakan-rakan kaum India, yang kedua, saya juga hendak mengambil kesempatan menyatakan selamat mengambil peperiksaan SPM pada anak-anak yang sedang mengambil peperiksaan. Semoga mereka dapat menjawab soalan dengan penuh ketenangan dan akhirnya nanti dapat keputusan yang lebih cemerlang sekali. *Insyallah*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, dalam pembentangan bajet 2013, baru-baru ini oleh Y.A.B Dato' Seri Mohamad Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, telah mengumumkan untuk terus memberi bantuan rakyat 1Malaysia (BRIM), kepada rakyat seluruh Malaysia yang berkelayakan sebanyak RM500.00 kepada keluarga yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Dan kepada yang bujang berumur 21 tahun ke atas, berpendapatan RM2,000.00 ke bawah akan diberi sebanyak RM250.00 Terima kasih kepada Y.A.B Dato' Seri Mohamad Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ah... tolong bagi laluan. Boleh? Sungai Aceh? Ini, pasal saya minat dengan, hujah yang telah disampaikan oleh Y.B. Sungai Aceh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sungai Aceh bagi laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Baru mukadimah, boleh, Jawi tak apa.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Setujukah Y.B. Sungai Aceh bahawa segala peruntukan yang telah diumumkan ataupun diberi oleh Kerajaan Pusat adalah mengikut langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kalau tak ada contoh dari Kerajaan Pulau Pinang, adakah pihak BN akan memberikan satu sen pun kepada rakyat. Saya percaya benda ini tak akan wujud, betul kah? Betul kah? Tak betul okey. Saya pun mahu duduklah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, jawapannya tak setuju dan tak betul. Terima kasih kepada Y.A.B Dato' Seri Mohamad Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana memberi bantuan rakyat 1Malaysia kepada rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, di Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2012 seramai 242,119 orang telah menerima bantuan tersebut, yang berjumlah sebanyak RM121 juta lebih. Sekarang saya nak sebutkan perbandingan di antara anugerah kepada Warga Emas Kerajaan Negeri dan BR1M oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri bagi RM100.00 kepada Warga Emas tanpa mengira kaya atau miskin, tetapi hanya untuk pengundi yang berdaftar di Pulau Pinang sahaja, sementara Kerajaan Pusat pula beri RM500.00 kepada keluarga yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah dan kepada warganegara Malaysia, tidak kira, sama ada pengundi atau tidak dan tidak kira muda atau tua asalkan, ada tanggungan. Kepada Warga Emas tinggal sebatang kara, kita juga beri walaupun tidak ada tanggungan, Sementara borang-borang boleh didapati dari Pusat Khidmat, Jabatan Hasil Dalam Negeri atau Jabatan-jabatan yang berkaitan. Sekiranya permohonan ditolak ada peluang pula untuk buat rayuan. Sementara penerimanya adalah dari kalangan pelbagai fahaman politik termasuk Ahli PAS. Y.B. Dato' Speaker, ini gambar Ahli PAS, berjanggut kita pun bagi juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Boleh, boleh.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

Kalau pakai baju hijau, dia itu ada janggut, dia Ahli PAS, mana ada bukti.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

ADUN mana? ADUN Batu Uban, tak apa ADUN Batu Uban, Y.B. Dato' Speaker, dia duduk Batu Uban, sampai beruban pun tidak tahu, yang ini Abang sepupu saya, dia PAS, dia Ahli PAS, tak usah pertikailah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Y.B. Ahli Kawasan Sungai Aceh, uban, uban tak usah la sebut, sensitif.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia bersama saya berdakap selepas terima bantuan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Ahli Kawasan Sungai Aceh, Itu saudara *you*, *you* berani cakap di dekat sini, cakap apa..awak cakap ini wayang, keluarga *you*...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ini bukan wayang.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Ini satu perkara lagi, saya rasa tak puas hati pasal apa yang Y.B. Ahli Kawasan Sungai Aceh cerita tadi, dia cakap apa, Kerajaan Pusat bagi seluruh rakyat Malaysia, tapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi apa? Bagi pengundi dalam Negeri Pulau Pinang sahaja. Y.B. Ahli Kawasan Sungai Aceh saya rasa dia ini tak tahu kira-kiralah, kalau kita bagi sama rakyat Negeri lain Pulau Pinang boleh bankrap. Betul tak?, kalau kita, saya ingat Y.B. Ahli Kawasan Sungai Aceh dia kurang waras, dari sini nampak. Dia sepatutnya kena sayang kepada Negeri Pulau Pinang, Negeri Pulau Pinang kepada(gangguan), Kerajaan Pusat, itu apa?, okey, itu saja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tarik baliklah kurang waras itu, dia bahasa pandai sikit saya tahu, dulu dok ajar dah, *you* pakai kamus mana?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Bahasa Melayu lah, *you* ini apa, *you* ini sekolah mana? Sekolah Cina kah?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya bagi *you* duduk, *you* bercakap. Tak apa lah, Kemudian kita juga bagi kepada Pemimpin PKR, saya ingat Y.B. Ahli Kawasan Sungai Bakap, dia kenal, Setiausaha JKKN Simpang Tiga, Sungai Bakap dan ini ada lagi, banyak saya nak buktikan.

Y.B. Dato' Speaker, dalam sidang yang lepas, saya masih ingat Y.B. Ahli Kawasan Pantai Jerejak ada pertikai kerana bantuan ini disampaikan oleh Ketua Bahagian, sebenarnya ianya disampaikan oleh ADUN dan Penyelaras Barisan Nasional. Dalam hal ini teringatlah pula saya akan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam satu isu berkaitan dengan surat kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS), ada penerima yang memaklumkan kepada saya, bila beliau mendapat surat kelulusan LPS dan pergi ke Pejabat Tanah untuk membuat pembayaran, di situ, penerima tadi dinasihat supaya berjumpa dengan ADUN atau Penyelaras KADUN Pakatan Rakyat terlebih dahulu bagi mendapatkan kebenaran atau pun pengesahan, baru boleh buat pembayaran. Zaman pemerintahan Barisan Nasional, dahulu tidak pernah berlaku semacam ini, ini seolah-olah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak ada keyakinan kepada penjawat awam. Bagaimana pula komen Y.B. Ahli Pakatan Rakyat akan perkara ini?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan, saya pun nak tanya Yang Berhormat adakah bukti dokumentar yang boleh mengesahkan perkara ini? Sama ada laporan Polis di buat atau pun apa-apa laporan oleh pihak yang terlibat secara langsung. Sama ada beliau ada membuat aduan pada Pusat Khidmat Yang Berhormat atau pun laporan Polis atau mengadu tentang perkara ini. Adakah apa-apa bukti yang boleh dikemukakan oleh Yang Berhormat untuk pertimbangan Dewan? Atau pun nama orang yang membuat aduan, i/c, alamat dan nama penuh? Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima, Seri Delima ini dia peguam, di mahkamah macam itu lah, tapi saya nak perelaskan, kalau dalam bahasa ikut kaum Cina, saya boleh sebut potong ayam lah, sebab orang itu jumpa saya, surat itu tunjuk dekat saya, saya pun berhubung dengan pegawai berkenaan. Itu sahaja.

Terima kasih. Tak ada siapa nak bertanya lagi? Sebagai salah seorang rakyat Negeri Pulau Pinang, saya juga berhak membuat penilaian tentang prestasi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan PR Negeri Pulau Pinang. Saya tak tahu nak sebut, PR ka atau PSR, PR maknanya Pakatan Rakyat, PSR maknanya

pula Pakatan Segelintir Rakyat atau sebahagian Rakyat kerana bukan semua rakyat Negeri Pulau Pinang menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Kalau ikut penilaian prestasi Kerajaan Negeri sekarang. Saya boleh terjemahkan PR itu sebagai pembohong rakyat, salah satu bukti ada kaitan dengan Projek Rumah Mampu Milik di Batu Kawan yang dimuatkan beritanya dalam Buletin Mutiara keluaran 16 hingga 31 Mac 2012 yang menyebut 590 unit rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menerusi PDC sejak 2008.

Sebenarnya ianya mula dibina sebelum tahun 2008, masa pemerintahan Barisan Nasional lagi, cuma ianya disambung oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebelum ini banyak diperkatakan Utusan Malaysia akhbar yang tidak betul, rupa-rupanya Buletin Mutiara pun lapor tak betul, tak mengapalah, kita perjuangan kebebasan akhbar. Satu lagi Buletin Mutiara keluaran 1 hingga 15 September 2012, tajuknya rumah terbengkalai 16 tahun era Kerajaan Barisan Nasional selesai di Sungai Bakap, yang berlaku di Taman Sungai Duri Permai, betul kah ini? Sila nyatakan dengan sebenarnya bila pembinaan rumah ini bermula....(gangguan). Saya ingat Y.B. Sungai Bakap pun, tiba-tiba sampai 16 tahun, maknanya ini lagi Buletin Mutiara menipu. Penilaian saya berasaskan kepada satu isu yang berlaku baru-baru ini dan beberapa perkara yang telah saya bawa sejak 2008 hingga sekarang tidak diambil tindakan.

Pertama, isu Pelantikan Yang DiPertua Majlis Agama Islam, Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 mengaku tersilap, pelantikan Y.D.P. Majlis Agama Islam, bila mengaku silap itu maknanya silaplah, bila dah silap prestasi tak bagus. Kemudian mesyuarat pertama Majlis Agama Islam pula dipengerusikan oleh Timbalan YDP, macam ada benda yang tidak kena sedangkan YDP yang sah dah ada. Satu sebab lagi prestasi tak bagus. Mula-mula dulu selepas Pakatan Rakyat menang, saya jangka Y.B. Ahli Kawasan Sungai Bakap akan jadi Yang DiPertua Majlis Agama Islam, sebab dia kawasan saya, sebab dia pun ada kelulusan agama dan banyak pengalaman, pernah bertugas di Pejabat Pelajaran Daerah dan seorang ustaz mengajar agama di merata-rata masjid. Kemudian apabila bekas Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I berhenti daripada menjadi TKM ramai orang menjangka sahabat saya yang saya kasihi ini, Y.B. Ahli Kawasan Batu Maung akan mengambil alih jawatan tersebut, sebab beliau juga ada kelulusan dan pengalaman banyak dalam politik, lebih-lebih lagi sama-sama dengan saya dalam UMNO sebagai Ketua Pemuda.

Selepas tamat tempoh Ustaz Idris menjadi YDP di Majlis Agama Islam, ramai ramalan kawan-kawan bahawa Y.B. Ahli Kawasan Permatang Pasir akan menjadi YDP pula kerana beliau juga ada kelulusan dalam bidang agama Islam dan pengalaman, lebih-lebih lagi pada ada janji pemimpin besar atasan semasa pilihan raya semula di Permatang Pasir, tak jadi juga, kesian. Walau bagaimanapun tak apa sekarang dah jadi, tahniah sahabatku Y.B. Ahli Kawasan Permatang Pasir. Tetapi lani nampak celaru sikit isu pilihan raya

masjid, surat keluar macam-macam, taklimat, keluar surat, lepas itu tangguh pula lepas pilihan raya pada 14 April tak silap saya. Di antara perkara yang saya bawa dalam Dewan sebelum ini seperti berikut:

Y.B. Ahli Kawasan Bukit Tambun maklum hasil padi 5.4 satu hektar, *target* dia 6 tan satu hektar, macam-macam usaha dan program dilakukan untuk mendapatkan hasil yang disasar, tapi malangnya masih ada kelapa sawit dalam lot sawah, masih ada bangunan burung walit dalam bendang, bagaimana kita boleh mencegah kalau kita asyik hanya main wayang. Sudah dua kali saya bawa perkara ini dalam Dewan ini. Mencadangkan supaya lot-lot tanah tersebut diwartakan supaya dapat menghalang wujudnya tumbuhan lain atau bangunan di atas tanah tersebut. Tetapi sampai sekarang saya pun tak tahu kedudukannya yang sebenar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, terdapat lebih kurang 240 kolam ikan di Sungai Udang, semasa *harvest* gelodak kolam dibuang di dalam parit JPS nombor 2. Parit tersebut menjadi cetek akibat gelodak tersebut. Akhirnya bila hujan lebat, banjir berlaku di kawasan kelapa sawit tanah kebun dan sebahagian sawah di sungai itu. Perkara ini juga masih belum selesai. Isu banjir Kampung Surau Sungai Udang berpunca daripada parit sebelah Sungai Udang mulai bangunan bomba sukarela, di atas parit banyak dibina titi yang tak sesuai keadaannya menjadi sempit dan semak, menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan laju.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, Program *Cleaner Greener* ini nampaknya hanya ditumpu di tempat tertentu sahaja. Pintu masuk ke Pulau Pinang dari Negeri Perak belum diindah dan diceria. Sedangkan sebelah Negeri Perak indah bersih dan ceria sekali. Kawasan yang dimaksudkan ialah Permatang Keling dan Taman Sempadan Nibong Tebal. Dalam KADUN Sungai Acheh. Katanya Pulau Pinang terhebat, indah khabar dari rupa. Perkara ini juga sering kali saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu isu lagi berkaitan dengan Perumahan Taman Residensi Merbok. Sebuah taman dalam KADUN Jawi, namanya Residensi Merbok. Kedudukannya di Jalan Persekutuan menuju ke tol Jawi. Tanda nama taman tersebut yang besar dan cantik dibina di atas bahu Jalan Persekutuan. Sudah dua kali saya timbul dalam Dewan ini. Kali pertama Y.B. Padang Kota telah maklum, sudah ambil tindakan dengan menghantar notis 14 hari. Kali kedua, dalam sidang pula Y.B. Padang Kota beritahu dalam tindakan Pengarah Tanah Galian dan menjawab kepada soalan bertulis saya. Apakah yang sebenar berlaku ini? Macam ada benda yang tidak berapa telus. Apakah ianya mendapat kelulusan atas kes keutamaan? Kalau ianya diluluskan, eloklah gerai-gerai yang sedia ada berselerak di atas bahu jalan, dihalalkan dan diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan, barulah adil dan saksama namanya.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, isu tanah perkuburan Islam, Masjid Putih Seri Ampangan Nibong Tebal belum ada apa-apa. Dah banyak kali saya timbul perkara ini. Termasuklah isu perkuburan berpusat yang dijanjikan belum ada permulaan. Berkaitan dengan isu pembinaan Jambatan Tanjung Berembang. Pusat dituntut RM20 juta bina jambatan rakyat Sungai Acheh. Saya hendak jelaskan kepada EXCO terutamanya yang jaga bahagian JKR ini. Jambatan ini adalah menghubungkan Tanjung Berembang di Sungai Acheh, sebelah Tanjung Berembang KADUN Jawi. Dalam buletin Mutiara kata RM20 juta. Jadi dia macam ugut rakyat di sini juga, (sambil menunjukkan keratan akhbar).... (dengan izin), saya baca sikit. Buletin ini boleh di bawa dalam Dewan? Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh terus didesak supaya menuntut peruntukan Kerajaan Pusat sejumlah RM20 juta bagi membina jambatan rakyat dari kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakilinya. Sepatutnya saya mendesak Kerajaan Negeri, tapi saya lebih hebat daripada Kerajaan Negeri.

Kemudian Y.A.B. Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng berkata demikian, semasa melawat tapak cadangan membina jambatan tersebut dekat Kampung Tanjung Berembang. Ketua Menteri kata "Jika menang, minta maaf, kalau rakyat saya sokong menang maka nak buatlah jambatan. Hendak buat jambatan, sebab itu saya sebut awal kelmarin, yang sebelah sana Jawi, oleh kerana Jawi dah menang, buktikanlah buat, buatlah sekerat dulu. Supaya rakyat yakin, yang pelik pula hendak buat saya dok ingat Y.B. Dato' Timbalan Speaker, baik buka buku bajet, dia ada tulis tajuk, paling tidak pun dia ada tulis membina jambatan Tanjung Berembang, sekurang-kurangnya *token* RM10.00 baru *gentlemen*. Ini dalam teks ucapannya sebut RM50 juta pula, bagi alasan minta di bawah RMKe-10 lebih kurang macam itulah, tak apa. Janji dengan rakyat bukan ambil duit sendiri, nak minta duit kat orang. Jadi esok katalah menang, tak boleh buat. Jadi macam isu Tol Sungai Nyior. Yang ini dulu janji menang pilihan raya, kita pasti tidak kena bayaran tol Sungai Nyior. Betul kah? Tapi bila dah menang, tak boleh buat, bagi alasan ini bidang kuasa Kerajaan Pusat. Maka ini akan berlaku semula kepada rakyat Sungai Acheh. Walaupun dalam nota ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri sebut "sekiranya memperolehi keyakinan rakyat yang tidak berbelah bahagi". Saya hendak jawab bagi pihak rakyat. Sebenarnya rakyat tidak yakin sama sekali kerana telah menipu di tahun yang lepas. Ini nampak main wayang lagi, masih main wayang. Itulah keadaannya. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi isu penguatkuasa undang-undang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan. Pernahkah Y.B. Sungai Acheh menyuarakan perkara ini kepada Kerajaan Pusat atau telah memohon kepada Kerajaan Pusat mengenai projek ini?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih, pernah menyuara. Saya pernah melihat dalam buku Kerajaan Negeri masuk dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dua-dua saya telah menyuara dan melihat, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Maksud saya, pernahkah Yang Berhormat pernah memohon kepada Kerajaan Pusat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya pernah menyuara dan saya pernah melihat dalam Buku Kerajaan Negeri tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh yang diminta. Jelas, okeylah itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Maksud saya, pernahkah Yang Berhormat pernah memohon kepada Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi kata memohon.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Menyuara, memohonlah. Memohon secara lisan atau bertulis, format tunjuk surat kepada Kerajaan Negeri baru kita tahu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dalam mesyuarat tertentu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Boleh tunjukkan surat tertentu itu?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tidak, bukan surat. Menyuarakan dalam mesyuarat tertentu. Saya tak tipu, potong ayam lah, tapi surat tak buat. Terima kasih. Menunjukkan Y.B. Bagan Jermal nak ambil berat, tapi tak begitu serius, kalau serius mesti masuk dalam bajet negeri. Paling tidak token RM10.00 hendak membina jambatan itu.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, isu penguatkuasaan undang-undang mengenai isu bendera ini. Bendera milik Barisan Nasional dibuang tapi kalau milik Pakatan Rakyat dibiarkan begitu sahaja, adil dan saksamakah ini? Saya ingat Y.B. Dato' Mansor bin Othman pergi pun depa rai yang inilah (sambil tunjuk poster gambar). Saya tak tahu kena permit atau pun tak kena permit. Yang paling menarik ini Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Dato' Mansor dengan Y.B. Dato' Malik, yang syoknya, undilah calon PAS N21 Sungai Aceh, kawasan ini PKR. Sebelah itu ada pula, undilah calon Parti Keadilan Rakyat PKR untuk DUN Sungai Aceh. Itu dia, tak apa berebutlah dua-dua, bila berebut senang saya nak ambil, ini hendak masuk Pusat Khidmat dia.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini bermakna PKR pun mahu kawasan itu, PAS pun mahu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sejarah dulu kalau ikut DAP pun pernah tapi kalah, lepas itu PAS pun kalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Pakatan, bermakna mereka tidak ada pakatan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak ada, mereka tidak ada pakatan, dah retak, habis dah DAP sama DAP pun, itu depa berkekelahi masing-masing nak tunjuk kata depa menang, nampak, terima kasih. Yang lain tak tahulah, jadi buatlah biar adil. Janganlah hak kami ini di buang, saya tahu kenapa Y.B. Dato' Mansor sebagai Timbalan Ketua Menteri 1 dan Timbalan Ketua Menteri II bersembang sebab mereka ada masalah. Tak apalah, itu kelmarin saya pesan. Y.B. Timbalan Ketua Menteri I pun ada masalah juga, Timbalan Ketua Menteri II pun ada masalah. Jadi itu mereka ini dok kata siapa yang hebat memperjuangkan masing-masing. Jadi tolong lah ya, ini....(gangguan)

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Isu lain, EXCO akan beri jawapan dalam penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Baik, ini saya merayulah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam):

Saya minta penjelasan. Y.B. Sungai Aceh tahukah bahawa kawasan saya di Sungai Dua, Batu Uban. Semasa hari raya, bendera apa yang dikibarkan, tiada ucapan *banner* mengatakan Selamat Hari Raya, tetapi mereka meletakkan seluruh kawasan itu dengan bendera UMNO. Jadi nak ucapkan Hari Raya, jadi ini menunjukkan siapa yang bermain politik? Itu adalah isu yang dibangkitkan oleh pihak UMNO. Semasa Hari Raya mereka mengibarkan bendera UMNO, jadi ini menunjukkan mereka ketandusan isu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya ingat yang nampak bermain politik adalah penguatkuasa. Kerajaan sekarang, sepatutnya merekalah bagi runtuh buang. Kuasa mereka, baiklah terima kasih. Seterusnya isu berkait dengan lalat, tak selesai lagi, minta selesaikan. Kemudian isu mengecat flat, jadi baru-baru ini kita dapat peruntukan Kerajaan Pusat nak mengecat flat-flat di Nibong Tebal, RM2 juta Perdana Menteri lulus, kemudian kita pun mula nak buat kerja nak mengecat flat di Jawi. Flat ini di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Tetapi yang malangnya kontraktor tak dibenarkan menggunakan air. Stor nak simpan cat pun tak boleh. Pemimpin kami nak mai buat pelancaran pun tak boleh, adilkah? Saksamakah namanya? Fikir-fikirlah anda. Tak apa kita tolong. Kemudian isu miskin sifar pula. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri umum itu *top up* sahaja maknanya tak adalah miskin betul kah cara ini. Kita Kerajaan Barisan Nasional selain daripada bagi duit kita bagi juga barang-barang dan peralatan kepada yang miskin untuk mereka meningkatkan pendapatan mereka dan dapatkan mereka keluar dari kategori miskin. Bagi saya pengertian miskin ini bukan miskin duit sahaja, miskin pemikiran, miskin riang dan tenaga, termasuklah miskin anak-anak dan tidak keterlaluan kalau saya sebut ini miskin isteri kalau hanya seorang isteri.

Kalau kita bagi *top up* sahaja sampai bila si miskin itu akan jadi malas, tidak berdaya maju dan tak mahu bekerja maka dia tetap miskin kerana sifatnya yang malas. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang saya sebutkan di atas maka sesungguhnya dengan ini tanpa dipengaruhi emosi dengan dukacita saya nilaikan seperti berikut. Pertama PR bukan Pakatan Rakyat sebenarnya Pembohong Rakyat. PKR bukan Parti Keadilan Rakyat sebenarnya Penipu Kepada Rakyat. PAS pula merupakan Parti Apa Sahaja atau Pusing Apa Sahaja. DAP diterjemahkan sebagai hanya Di Alam Penipuan.

Akhir sekali, Dato' Timbalan Speaker,...(gangguan), ada undang-undang bila saya bercakap mereka bercakap dua orang boleh hantar mereka keluar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan Yang Mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Polis DiRaja Malaysia yang telah berkhidmat begitu baik untuk menjaga keselamatan di negara kita. Teruskan khidmat baktimu PDRM masih ramai rakyat menyayangimu hanya segelintir mereka sahaja membencimu, tapi mereka lupa dalam masa mereka membencimu keselamatan mereka juga dibawah kawalanmu. Sabarlah wahai PDRM, kamu sebenarnya kamu berada di pihak yang benar, yakinlah bahawa kami tetap bersamamu. Hidup Barisan, Menang Barisan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang hari ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.35 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan disambung semula. Saya minta Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada Jumaat yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua kaum India di mana Hari Deepavali akan sampai pada minggu depan dan juga Selamat Maju Jaya kepada semua pelajar yang menduduki Peperiksaan SPM dan juga STPM yang juga akan diadakan tidak lama lagi.

Dalam ucapan Bajet 2013, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan aktiviti galakan untuk sektor-sektor baru yang berpotensi bagi menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan baru. Ia sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa salah satu faktor yang dapat menyakinkan pelabur untuk melabur adalah rangkaian pengangkutan

yang sempurna terutamanya rangkaian jalan raya utama. Dalam KADUN Bukit Tengah terdapat beberapa jalan Negeri yang bukan sahaja merupakan laluan utama kepada kenderaan-kenderaan kilang tapi ia juga merupakan laluan harian kepada banyak kawasan perumahan dan juga pusat perniagaan. Sehubungan itu saya memohon agar Kerajaan Negeri dapat menaiktarafkan dengan melebar jalan daripada sekurang-kurangnya dua (2) lorong dalam sehalu kepada jalan-jalan Negeri berikut. Pertama Jalan Negeri yang bernombor P17 bermula daripada simpang Auto City ke simpang empat lampu isyarat Ladang Juru yang mana ia lebih dikenali sebagai Jalan Kangar.

Kedua, Jalan Negeri yang bernombor P183 bermula daripada Simpang Empat berlampu isyarat Ladang Juru tadi ke Tapak Taman Sains Pulau Pinang "Penang Science Park" jalan tersebut sekiranya dapat dinaik taraf ia merupakan satu laluan alternatif yang sempurna bermula daripada Jambatan Pulau Pinang melalui Jalan Perusahaan Kawasan Perindustrian Perai sehingga ke *Penang Science Park* (Taman Sains Pulau Pinang) dan buat masa sekarang kalau seseorang itu hendak ke *Penang Science Park* dari Jambatan Pulau Pinang ia perlu menggunakan Lebuh Raya Utara Selatan dan keluar tol Bukit Tambun dan belok kanan Simpang Empat yang menuju ke Stadium Batu Kawan. Laluan tersebut kini juga menjadi laluan harian kepada banyak kawasan perumahan dan sekitar itu pun banyak projek Taman Perumahan kian membangun. Bahagian jalan Negeri ketiga yang perlu dinaiktarafkan ialah Jalan Negeri P176 bermula daripada Simpang Jalan Persekutuan 1 ke Simpang Empat berlampu isyarat ladang Juru tadi dan jalan ini lebih dikenali sebagai Jalan Juru yang juga merupakan laluan harian kepada banyak kawasan perumahan. Sekarang banyak kenderaan menggunakan ketiga-tiga jalan tersebut dengan pembangunan kilang yang pesat di *Penang Science Park* dan juga bangunan perumahan dan pusat perniagaan di sekeliling jalan-jalan tersebut saya pasti bilangan kenderaan akan semakin bertambah kian hari. Jadi saya memohon agar jalan-jalan negeri tersebut dapat dinaiktarafkan secepat mungkin.

Selain daripada menaiktarafkan jalan-jalan Negeri saya menyeru Kerajaan Negeri agar peruntukan khas disediakan khas untuk meningkatkan infrastruktur kawasan luar bandar. Buat masa kini saya percaya tiada satu peruntukan khas untuk tujuan meningkatkan kualiti infrastruktur di kawasan luar bandar. Kerja-kerja seperti menurap jalan tar dalam kampung, membina kampung itu bergantung kepada peruntukan di bawah P16-02 projek-projek kecil. Walau bagaimanapun untuk, KADUN yang melingkungi kawasan luar bandar yang luas itu peruntukan di bawah P16-02 itu sememangnya tidak cukup untuk pembangunan peningkatan infrastruktur di kawasan luar bandar tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, Pulau Pinang telah menjadi jaguh pelaburan untuk dua (2) tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2010 dan 2011 dan kini Kerajaan Negeri masih giat usahanya untuk menarik pelaburan baru namun demikian pelaburan dalam sektor perkilangan tentu memerlukan tenaga kerja yang tinggi di mana masa sekarang ini banyak bergantung kepada tenaga pekerja warga asing. Susulan daripada itu, isu penempatan pekerja warga asing masih saya rasa saya guna perkataan tertunggak terdapat pelaburan akhbar pada awal tahun ini yang melaporkan bahawa di Pulau Pinang ini dianggarkan mempunyai 70,000 pekerja warga asing yang sah yang berkhidmat dalam sektor perkilangan. Kebiasaannya pekerja-pekerja warga asing ini tinggal di rumah kediaman yang disewa oleh majikan mereka ataupun agen-agen pekerjaan dan atas faktor logistik, biasanya rumah kawasan perumahan yang berdekatan dengan kawasan perindustrian menjadi tumpuan tempat tinggal pekerja-pekerja warga asing. Bilangan ramai pekerja-pekerja warga asing yang menetap dalam kawasan perumahan telah menimbulkan perasaan kurang selamat dan kurang selesa di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan bukan sahaja itu budaya hidup harian yang berbeza di kalangan pekerja-pekerja warga asing ini juga membawa satu kejutan budaya kepada penduduk-penduduk tempatan.

Baru baru ini semasa Hari Raya Aidiladha, saya sendiri terima beberapa aduan yang mengatakan bahawa pekerja-pekerja warga asing yang beragama islam mereka melakukan korban di hadapan rumah kedai yang didiami oleh mereka dan darah-darah lembu yang dikorban itu, mengalir ke dalam longkang tanpa begitu sahaja dan tanpa membersihkan longkang berkenaan dan saya percaya ia adalah satu kejutan budaya dan perlu dialami penduduk-penduduk tempatan. Dengan itu sebarang penyelesaian isu penempatan pekerja-pekerja asing itu dengan membangun kuarters pekerja harus diteliti dengan terperinci memandangkan isu ini banyak melibatkan aspek sosial, maka aspek sosial dan perlulah diambil kira terutamanya perasaan orang yang selamat di kalangan penduduk tempatan, yang berjiran dengan pekerja-pekerja warga asing. Selain itu saya difahamkan bahawa dari segi definisi zon industri itu, di mana kuarters pekerja dianggap sebagai kediaman ataupun perumahan dan ia tidak biasanya zon industri tu tidak membenarkan kediaman ataupun perumahan dibina di dalam zon industri. Oleh yang demikian, saya menyeru agar langkah yang diambil untuk mengubah peraturan perancangan bagi membolehkan kuarters pekerja dibina di dalam zon industri itu sendiri.

Y.B. Dato' Speaker, saya pernah bangkit isu berkenaan dengan perancangan bandar yang membawa kepada masalah di mana zon pemampatan iaitu *buffer zone* yang tidak cukup luas diantara kawasan perindustrian dan kawasan perumahan di antara kawasan penternakan dengan kawasan kediaman yang membawa pelbagai masalah seperti bau busuk, habuk dan juga masalah lalat. Walau pun draf rancangan tempatan telah dipamer pada pertengahan tahun ini untuk mendapatkan maklum balas awal. Saya

difahamkan bahawa tidak ramai ataupun tidak banyak, bukan banyak maklum balas terutamanya yang diterima melalui maklum balas daripada individu-individu lebih banyak adalah mungkin daripada pihak pemaju dan juga *stake holder* yang lain.

Berhubung dengan itu saya memohon pihak-pihak berkenaan membuat program kesedaran terhadap betapa pentingnya peranan dalam draf rancangan tempatan ini agar lebih banyak individu-individu boleh mengambil bahagian dengan memberi maklum balas, yang penting dan bernas agar rancangan tempatan yang dimuktamadkan ataupun dihasilkan ini adalah betul-betul menggambarkan kehendak penduduk tempatan. Akhir sekali saya berharap dan saya yakin pengurusan baik yang tersusun dan teratur yang ditunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat boleh diteruskan dan dikekalkan pada masa yang akan datang demi kebaikan rakyat Negeri Pulau Pinang. Dengan ini saya pohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh, Y.B. Dato' Speaker saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian enakmen perbekalan tahun 2013 dan usul anggaran pembangunan 2013. saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat Hari Deepavali dan selamat mengambil peperiksaan STPM dan SPM kepada pelajar kita yang mengambil peperiksaan mulai pada hari ini.

Y.B. Dato' Speaker yang pertama, kita hari itu bincangkan verbatim di *manipulate* dan sebagainya dan tak boleh diubah tetapi saya nampak dalam hansard ada berlaku kesilapan dalam hansard berlaku kesilapan, di mana ada sepatutnya Y.B. Timbalan Ketua Menteri II tapi Y.B. Ketua Menteri II, makna hansard pun silap, manusia biasalah hansard pun silap, kalau kata hansard silap macam mana kata verbatim tak boleh silap, jadi saya ingat oleh sebab itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Itu di *manipulate*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini pun di *manipulate* ...(gangguan), pasal kenapa di bubuh kata Yang Berhormat,...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Dato' Speaker, dia kata tuduh hansard ini dimanipulasikan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ya, saya kata tulisan tidak betul.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tulis kata tak betul, boleh berlaku, dimanipulasi itu bermakna... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ada fakta....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya minta satu keputusan Dato' Speaker.... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua, kita dah gantung seorang Ahli kerana menuduh manipulasi. Saya nak terangkan di sini, duduk! duduk! Manipulasi ini maknanya kita buat yang mana yang betul diterbalikkan itu maksud manipulasi. Yang jadi maksud dia lain dah maknanya daripada baik kepada buruk, itu manipulasi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Dato' Speaker saya minta Y.B. Sungai Dua tarik balik... tarik balik manipulasi! Tadi kata manipulasi hansard tarik balik...(gangguan), tarik balik!

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Boleh kena gantung.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Gantung juga.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Tarik balik manipulasi.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua tarik balik sajalah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, mungkin ada kesilapan perbahasan bercakap tapi saya(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta maaf dan tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya kata tadi, oleh sebab ini pun mungkin berlaku begitu maknanya bahawa sana pun tak betul, ini pun tak betul, hansard pun tak betul, apabila Y.B. Ketua Menteri II bermaksud tak ada *person* siapa yang bercakap benda ini?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Sekarang Y.B. Sungai Dua nak tarik balik? *make it short* ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Manipulate saya boleh tarik balik tetapi apa yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta maaf dan tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apa Pantai Jerejak saya tunggu dulu, Y.B. Sungai Dua tarik balik manipulasi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya dah kata, sat sat saya dah tarik balik. Kalau saya kata *manipulate* saya dah cakap saya dah timbul orang tak faham okeylah. Saya nak bagi kefahaman kalau itu tak betul ini pun tak betul lah, benda tak betul. Jadi adakah siapa-siapa nak minta maaf kata benda ini tak betul...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sudah kata tak betul boleh berlaku, tetapi manipulasi adalah maksud yang berlainan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Okey, saya dah cakap saya dah tarik.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya minta satu perintah dari Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker saya pun kata saya dah tarik balik, kalau kata tak faham okey, duduk...(gangguan), sekarang ini siapa nak minta maaf nak tarik balik hansard ini? ...(gangguan), saya minta Y.B. Dato' Speaker, siapa nak tarik balik tentang hansard ini? ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Kesilapan *typing*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya minta ada orang bertanggungjawab minta maaf kata kesilapan *typing*, minta siapa dia? Okey saya minta sekarang, siapa dia? yang nak minta maaf sekarang?....(gangguan), pasal ini dokumen rasmi Dewan. Siapa dia? Ahli Bagan Jermal nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terdapat apa-apa silap dalam hansard, siapa-siapa yang mengeluarkan kenyataan ini perlu memberitahu kepada Setiausaha, katakan ada satu verbatim di atas meja kita untuk dipinda, disemak dan dipinda, selepas dipinda beri kepada urus setia untuk diperbetulkan, jadi Yang Berhormat apa yang masalah itu siapa yang salah, apa tujuan itu, sila memberitahu kepada urus setia dan dia akan membetulkan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini bukan verbatim lagi, ini dah hansard...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Baca peraturan baik-baik, sekiranya tidak dipinda dianggap betul... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ini betullah tidak dipinda, makna dalam Pulau Pinang sekarang ada Y.B. Ketua Menteri II....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Ini peraturan kalau tidak dipinda, tidak diminta pinda dia adalah betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kita menganggap ini betul, saya nak tanya siapa dia Y.B. Ketua Menteri II tengok hansard muka surat 41 Persidangan Dewan Undangan Negeri 2 Mei 2012. okey, Yang Berhormat Padang Kota kata betul, kerana tak minta untuk dipinda, sekarang ini siapa dia? Y.B. Ketua Menteri II di Pulau Pinang? Siapa nak minta maaf ini?

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua, dua perkara yang berbeza, tadi kalau nak dibawa manipulasi saya dan kata tarik balik...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yang itu sudah selesai saya setuju.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak perlu, mungkin boleh *highlight*, tetapi kalau hendak dikaitkan, dipanjangkan buang masa, buang masa Dewan...(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sekarang, saya bukan nak panjang, cuma saya nak minta siapa benda ini diperbetulkan dan ada orang minta maaf, itu sahaja, minta maaf, saya minta memang saya minta....(gangguan)

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Dato' Speaker adakah Y.B. Sungai Dua ini, tengah cari pasal? (gangguan), Dato' Speaker sudah terangkan ...(gangguan), prosedur pun sudah diterangkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Minta laluanlah ini, peraturan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Jadi sekarang Y.B. Sungai Dua masih mencari pasal? Kalau mencari pasal, kita halau dia keluar, sebab dia membazirkan masa ini perbincangan.... (gangguan), kalau ini bukan perbincangan, ini pasal perbincangan ekonomi, bukan pasal perbincangan *typing* itu semua..... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya hendak perbetul, kata benda ini tidak betul. Hansard kena betul, itu saja. Saya hujah...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua, terima kasih, cuma *highlight* sahaja cukup... (gangguan). teruskan dengan tajuk yang lain. (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tolong jangan kaitkan dengan yang awal.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya tak kaitkan...(gangguan), saya kata? Nak panjang lagi kah? Y.B. Dato' Speaker suruh saya, saya hormat Y.B. Dato' Speaker ini...(gangguan). Yang kedua Y.B. Dato' Speaker, dalam persidangan yang lalu, minta yang Y.A.B. Ketua Menteri bagi kata surat daripada Jabatan Penilaian yang menyatakan penilaian tanah Bayan Mutiara Y.A.B. Ketua Menteri mengaku akan beri kepada saya, semua orang dengar, tetapi enam (6) bulan berlalu sampai sekarang, tak ada surat, tak diberi, siapa tipu, PR penipu rakyat, bukan tipu ka? Tak bagi kat saya, bukan tipu ka?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kadang-kadang kalau dia tak sampai, mungkin dia kirim tak sampai... (gangguan) susuli dengan tindakan jangan datang sini enam (6) bulan baru bangkit, satu telefon pun boleh cukup....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Surat tak sampai , janji nak bagi pada Dewan persidangan juga, tak bagi macam janji nak bagi soalan tak bagi. Jadi saya harap benda ini seriuslah, dalam dewan kita kena bercakap yang betul, jawapan kena betul. Ini kata nak bagi, tak bagi, kita nak ambil nak tubuh Jawatankuasa Hak dan kebebasan ambil tindakan Ketua Menteri, pasal tak cukup saya tak boleh bawa usul, penipu, sikit punya hal pun dia tipu, mana boleh tipu, itu sikit punya hal, ini besar punya hal.....(ketawa).

Saya tanya dalam Dewan ini baru soalan lisan Y.B. Timbalan Ketua Menteri II jawab saya punya soalan soalan no. (3), sila nyatakan tanah-tanah Kerajaan Negeri PDC, MPSP, dan MPPP yang telah dijual sejak tahun 2008 hingga kini? Jawapan yang bagi, bukan tanah yang dijual, senarai permohonan tanah yang telah diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Jawapan tak betul. Kemudian saya tanya, saya tanya lagi. Berapa tempoh bayaran yang hendak dibayar oleh syarikat-syarikat yang beli tanah ini? Jawab ada lampiran, saya semak tak ada lampiran, tak ada lampiran. Siapa yang nak bertanggungjawab ini? Ini tipu tak tipu? Penipu rakyat! Siapa kata tak tipu? Soalan lain?(gangguan) jawapan lain. Saya minta tanya tanah mana yang jual? Jawab tanah yang diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang telah diberi kelulusan bagi tempoh lain. Soalan lain jawab lain, tanya lain jawab lain. Minta laluan kah?....(ketawa).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Ini ada dua cara, satu cara kalau siapa-siapa minta tanah Kerajaan dia boleh melalui pemberimilikan *alienation*, itu *you* masuk borang permohonan di Pejabat Daerah atau Tanah masing-masing dan akan bawa ke Kerajaan untuk ditimbangkan. Lagi satu kalau Kerajaan kata tanah ini sudah tidak guna dan ada lot nombor, ada lot nombor yang penting dan dia akan tawar secara tender terbuka, itu jual beli, itu bolehlah. Jadi kalau Yang Berhormat minta, mana tanah yang dijual, kalau dia beli diberi jawapan pemberimilik tanah itu tak jauh dari mana pun, sebab dia itu kena premium bukan?...(gangguan) premium itu, akan mengikut tafsiran atau penilaian daripada Jabatan Pengurusan Harta dan Penilaian ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Berbeza. Saya tanya tanah Kerajaan Negeri yang dijual. Itu saja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kalau tidak tepat pemberimilikan tanah itu, kita ambil balik, kita bagi yang jual punya....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bagi yang tepat, tak betul.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Jangan kata, nanti kita bagi yang sudah jual, nanti *you* balik pula pusing cakap mana itu surat pemberimilikan tanah itu tak termasukkah? Ini kalau mahu pusing, pusing boleh seperti peribahasa Mandarin dalam telur ada tulangkah? Telur ada tulangkah dalam? Kalau tak ada tulang *you* sengaja mahu cari-cari tengok ada tulang ke tak ada?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya tak cari tulang, saya buang tulang....(ketawa). Saya tanya tanah yang dijual, bukannya susah, berapa banyak tanah yang dijual, tanah tang mana yang dijual.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kita beri jawapan ini bukan niat untuk tipu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Yalah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Apa *you* kata kita tipu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tipulah lain tanya, lain jawab...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Yang Berhormat memperkecilkan kewibaaan pegawai Kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya bukan memperkecilkan pegawai Kerajaan, saya memperkecilkan orang yang menjawab soalan, kenapa dia tak buat *homework*, nak tengok dulu jawapan, semakkah? Tak semakkah? Dia pun mai tak ada apa, di lampiran, di lampiran, tak betullah. Jadi saya ingat dia tipu, kemudian Y.B. Dato' Speaker, satu lagi kita tengok, kalau kita tengok dalam bajet, kita punya belanjawan-belanjawan, kita tengok selalunya peruntukan yang disediakan, terutamanya dalam soal pembangunan, peruntukan itu disediakan besar, tetapi belanja itu kecil. Dalam tahun 2010, kita tengok sedia peruntukan RM328.26 juta, tapi belanja cuma RM179.54 juta, makna dia baru 54.7%. Bagi tahun 2011, peruntukan yang disediakan RM557.25 juta yang dibelanjakan baru RM171.05 juta. Ini bermakna baru 30% perbelanjaan. Lemah, kita senaraikan pembangunan untuk pelaksanaan projek-projek, tetapi kita belanja baru 30%. Kita bagi harapan dalam bajet.

Y.A.B. Ketua Menteri pong pang, pong pang, begitu hebat bagi tahu nak buat ini, nak buat ini, nak buat ini tapi buat sikit. Awat tak belanja? Kita pun heran melihat keadaan ini. Bukan kata tahun ini, tahun 2010 pun macam itu, tahun 2011 macam itu. Tak tahulah tahun 2012 ini tak habis lagi, kita tak tahu macam mana perbelanjaan yang akan diuruskan nanti. Yang paling menyedihkan pula, yang belanja kurang ini Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri, peruntukan disediakan RM480.61 juta, belanja RM101.10 juta, peratusan perbelanjaan hanya 21%. Sedih nak teriak, rakyat menangis, penipuan yang dibuat. Tak belanja besar, tak belanja kecil, kita pun hairan macam mana dan kita tengok prestasi-prestasi lain-lain jabatan semua bagus, pegawai Kerajaan semua bagus tapi prestasi Pejabat Ketua Menteri lemah, baru 21.0%. Satu prestasi, saya ingat nak bagi "D" pun bubuh "F" sajalah. *Failed* lah.... (gangguan).

Butiran? Jadual 5.2, Laporan Ketua Audit Negara bukan saya kata, Ketua Audit Negara kata. Eh kita tidak pernah mempertikaikan Ketua Audit Negara. Padang Kota bila kita pertikai? Saya tak pernah pertikaikan. Siapa pertikai? Yang syok ini pula, projek-projek yang tak dapat diluluskan RM1.3 juta untuk Dewan Undangan Negeri, atas alasan belum ada keputusan Kerajaan Negeri, EXCO tak buat keputusan. Bajet ada keputusan tak buat. Untuk Kereta Api Bukit Bendera belum ada keputusan. Nampak itu asrama penuntut di Kaherah belum ada keputusan. Banyaklah belum ada keputusan. Nak bercakap satu-satu, pembinaan Dewan Undangan Negeri belum ada keputusan. Pembinaan kuarters Kerajaan baru belum ada keputusan.

Maknanya tidak bincang, bajet ada, kita nak buat bajet sepatutnya lepas bajet itu kita bincang dalam EXCO. Bajet ada bincang tapi tak bincang. Tak tahu, apa dibuat tak tahu. Mungkin yang tak datang ini tidur. Yang ada okeylah. Ini saya tak tahulah. Di sebelah sini tak apalah, satu pasal dah kena gantung. Jawablah memang kita tanya untuk jawab, tapi jawab yang betullah. Jawab, jangan jawab tak betul.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kalau tak ada nanti sana bangkitkan sesuatu sini jawab sesuatu. Nanti sana bangkit satu soalan sini jawab satu soalan sampai esok tak habis. Jadi Yang Berhormat, sila kemukakan semua pertanyaan-pertanyaan dan belah sini akan jawab dalam kurungan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Memang kena jawab. Inilah Dewan Undangan Negeri. Tanya, jawab, jawab pula jawab yang betul bukan jawab yang lain. Y.B. Dato' Speaker, sikit saja bukan banyak mana. Kita tengok kalau kita lihat bahawa dalam bajet juga Y.A.B. Ketua Menteri telah bercakap tentang miskin tegar, tadi kawan saya pun ada bercakap tentang miskin tegar ini. Di Pulau Pinang masih ada miskin tegar. Walaupun Kerajaan Negeri kata kita hapuskan miskin tegar pada tahun 2009 yang lalu. Hapus, tapi bila tanya soalan perangkaan masih ada 700 lebih miskin tegar. Tak hapus, apa Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan belanjawan pada hari Jumaat hari itu kata ada lagi 700 orang lebih dan nak hapuskan pula 2013. Yang mana satu angka betul ini?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Minta penjelasan. Yang Berhormat tahu tak apa maksud miskin tegar dan apa maksud ucapan belanjawan Ketua Menteri yang mengatakan menghapuskan kategori miskin? Miskin dan miskin tegar ini lain Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.A.B. Ketua Menteri kata miskin tegar. Dia pula bagi angka 700 lebih miskin tegar. Kalau kata miskin lebih ramai angka dia. Ini miskin tegar, dulu kata dah hapus miskin tegar, sekarang kata nak hapus miskin 2013. Bacalah. miskin tegar dan kita punya cara dan kaedah untuk hapuskan miskin tegar ini *Allah* berbelit-belit. Kita cuma main sistem macam kawan saya kata tadi, sistem *top-up*. Dia ada RM500.00 tak cukup lagi nak bagi tak jadi miskin tambah lagi RM150.00 jadi RM650.00 habis dia tak miskin tapi bulan depan dia miskin pula tambah pula. Bulan sekali lagi tambah sampai bila nak habis? Tak habis. Sistem ini tak betul. Tak pa nak *top-up*, *top-up* tapi program peruntukan khas

untuk membangunkan mereka mesti ada, baru hilang miskin tegar itu, kalau tidak sampai bila dok miskin 700 orang itu. Saya jangka 700 orang ini sejak tahun 2008 hari itu, 2009 sampailah sekarang dok 700 lebih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Ni muka surat 18. Baca.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Miskin tegar. Angka 700 lebih orang tu miskin tegar. Adakah Kerajaan Negeri juga kalau kata macam itu nak bagi bantuan nak *top up* kepada orang miskin? Adakah *top up* kepada orang miskin, gulung. Kena gulung. Kita tengok kalau kata yang miskin tegar ini kata masih ada lagi di Timur Laut dok ada 47 orang, Barat Daya 126 orang, SPU 318 orang, SPT 387 orang, SPS 86 orang....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kawasan UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bukan, ini ikut daerah. Di DTL kawasan UMNO kah?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Kami semua ada butir-butir semua dari kawasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

DTL ada kawasan UMNO kah? DTL? Tak ada. Di SPT ...(gangguan). Tak usahlah. Janganlah tipu, jangan tipu sudahlah penipuan-penipuan yang dibuat. Sudah. Sudahlah ralit tipu ja. Jangan, kita cakap yang betul. Betul tak Ustaz Saleh?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Lain tak dak ka? Hari-hari tipu-tipu saja kah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Betul tak Ustaz Saleh? Asyik tipu saja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker minta laluan. Sungai Dua, saya minta laluan boleh?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ya sila.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Angka yang Sungai Dua sebut tu, kita mula-mula dengan kata garis kemiskinan tegar RM500.00 tahun 2008, 2009. Lepas tu, kita *revise* angka itu, kita naik bagi jadi RM600.00 dan nombor itu tentu lain, ada tambahan. Kemudian tahun lepas, oleh kerana kajian dikemas dan garis kemiskinan di Malaysia ini RM763.00 jadi Kerajaan Negeri murah hati, dia bagi lebih lagi dia jadi RM770.00. Betul tak? Jadi angka dia itu tentu berubah, sebab *base data* itu lain. Itu Sungai Dua kena faham elok-elok.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sebenarnya saya faham. Saya faham tetapi saya terima kasih kepada Timbalan Ketua Menteri I kerana dia bercakap benar. Dia cakap benar, saya terima kasih pasal saya kata Ketua Menteri angkuh, sombong, dia bercakap benar. Betullah yang itu bercakap benar. Kita sokong orang yang cakap benar. Memang kita mahu betul. Jangan dok tipu bukan lain betul.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Sungai Dua. Banyak sangat tipu itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sekarang ini isu perumahanlah. Saya pun tak nampak angka yang menyatakan peruntukan disediakan RM500 juta untuk bangunkan rumah-rumah mampu milik, tang mana angka RM500 juta ini? Ikut dulu punya persidangan, ucapan dulu kata nak ambil duit daripada penjualan tanah di Bayan Mutiara. RM500 juta. Bayan Mutiara baru bayar berapa? Sampai bila nak buat rumah ini? Bayan Mutiara baru bayar, saya rasa baru RM110 juta. Baru bayar la saya rasa. Baru bayar RM110 juta. Itu pun saya ingat. Macam mana nak buat rumah ini? Kita punya dok bercakap nak buat 18,000 rumah mampu milik, yang hat belah sini pong pang, pong pang tepuk, seronok tapi hampa kena tipu. Tak dak angka kosong. Mana ada. Macam ni bila rakyat nak boleh duduk rumah mampu milik ni? Duit tak dak nak buat macam mana? Masuk dalam Buletin Mutiara, Buletin Mutiara beritahu kata nak buat 18,000 rumah. Tipu tak rakyat? Tipu tak?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta penjelasan Sungai Dua. Tahu tak Sungai Dua yang *reserved* kita ada RM1.9 billion. Tahu tak? Jadi ini duit *reserved* itu kita boleh guna. Ini RM500,000,000.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tapi pasal apa tak masuk bajet? Masuk dalam bajet RM500 juta. Masuk untuk perumahan rakyat. Tidak ada dalam bajet. Ni Timbalan Ketua Menteri cakap tak betul. Yang lain semua, saya kata dia betul. Tadi betul dah, yang ini tak betul. Tidak ada dalam bajet. *Check* lah. Baca buku ini. Buku ini tidak tulis RM500 juta. Tidak ada jangan tipu. Sudahlah penipuan yang sudah, sudahlah. Taubat. Ini tak dak. Jangan dok main lagi, sudahlah.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan. Teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tadi ahli mana nak minta penjelasan? EXCO-EXCO perumahan tadi nak minta penjelasan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Sebenarnya, wang itu bukan dibelanjakan sekali gus, kena berperingkat-peringkat perbelanjaannya. Kita bukan macam Sungai Dua yang ada idea-idea boleh *create* projek. Kita tidak pandai buat perkara-perkara macam itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Kalau macam itu, tak apalah kalau hendak buat peringkat-peringkat, bagi tahulah dalam Bajet iaitu bagi RM50 juta tahun 2013 kita hendak buat berapa unit, itu sahaja. Bukan kita minta masuk RM500 juta buat 18,000 terus. Kalau hendak masuk berapa juta masuk la dulu, tetapi mesti ada. Sekarang ini kalau kita tengok bajet, peruntukan yang disediakan untuk rumah RM12 juta, itupun untuk penyelenggaraan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Wang itu *under* PDC, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. PDC akan uruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

PDC kah, *argument* saya tadi RM500 juta itu belum ada. Baru dapat RM110 juta.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ada, ada. Kita sudah buat pengumuman-pengumuman sebelum itu, sudah ada pengumuman sedemikian, dari tahun 2000 hingga tahun 2008 di bawah PDC. Di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdahulu tidak ada peruntukan langsung untuk pembangunan perumahan dari tahun 2000 hingga tahun 2008. Tidak ada.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tolong semak dulu. Ada, Rumah Murah di Padang Cempedak, Rumah Murah Kampung Besar, Tasek Gelugor, ada dalam Bajet...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Itu di bawah pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Under State, dulu dia bekas EXCO Perumahan, saya tahu kerana saya bersama dia. Ini maklumat betul dan kita bercakap tentang perkara yang betul, yang tidak betul, kita kata tidak betul. Timbalan Ketua Menteri betul kita kata betul, tidaklah yang dia kata betul itu iaitu Ketua Menteri sombong, angkuh. Dato' Speaker, minta maaf.

Y.B. Dato' Speaker:

Sekali lagi kalau melalut, saya akan berhentikan *on the spot*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Okey Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu ialah kita buat beg plastik, isu kempen mengurangkan penggunaan beg plastik. Kita buat kempen tapi dalam masa yang sama kita kutip duit, kita kata jangan guna beg plastik tapi bila orang pergi *supermarket* kita surah orang beli beg plastik. Kempen apa ini? Ini kempen kah? Mana ada beg kertas, dia bagi beg plastik juga. *You* tak pernah pergi *supermarket*, kami orang susah kena pergi *supermarket*, orang senang tak tahu dia pergi mana. Pasar malam pun guna beg plastik. Kemudian Majlis

Perbandaran Seberang Perai kalau kita buang sampah depan rumah, kita kena bubuh dalam beg plastik hitam juga, ikat-ikat kena bubuh dalam tong baru dia angkut, guna plastik, kalau kita tak bubuh dalam plastik dia tak mai dan tak mahu ambil. Macam mana kita hendak hapuskan beg plastik.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Pelan, pelan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Oh pelan, pelan. Sudah tiga tahun masih pelan-pelan lagi. Kita jangan cerita pasal dulu-dulu, orang dulu-dulu memang tidak mahu hapuskan beg plastik, itu cerita 50 tahun dahulu *you* pun tidak ada lagi, *you* cakap apa. *You* cerita apa *you* mana ada 50 tahun dulu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan sedikit. Kalau program pengurangan penggunaan beg plastik itu begitu teruk sekali, mengapa Kerajaan Pusat pun *copycat* juga. Mengapa? Jawaplah, tipu juga, inilah cakap tak serupa bikin.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bukan, kita bercakap pasal apa, kita setuju dengan penggunaan beg plastik, sebab itu Kerajaan Pusat pun buat. Tetapi yang kita kata tidak setuju sekarang ini kenapa digalakkan rakyat beli beg plastik di *supermarket*, kena bayar 0.20 sen, itulah. Kalau kita betul-betul hendak buat kempen kita kena galakkan *supermarket* ini sediakan beg kertas, tak apa pun kita jual beg kertas 0.20 sen, tidak jadi masalah. Ini jual beg plastik juga.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Penjelasan. Ini adalah untuk *educate* orang ramai, kalau ianya perlu baru bayar, kalau tak perlu orang ramai bawa beg sendiri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Betullah, tapi kenapa kita tak galakkan *supermarket* untuk bagi beg kertas, kenapa suruh jual beg plastik. Kalau kita hendak *educate* suruh bagi beg kertas, jual beg kertas 0.20 sen tak apa. Saya orang susah, beli di pasar malam sahaja. Ini kerana ada kawan saya datang dari Kuala Lumpur dia tanya kenapa di Pulau Pinang kena bayar duit untuk beg plastik. Dia beritahu dia beli di Parkson, KOMTAR, dia kena bayar. Beg plastik bayar 0.20 sen.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Parkson bagi beg kertas, saya selalu pergi sana, dia bagi beg kertas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Beg plastik, nanti saya bawa Timbalan Ketua Menteri pergi beli, sekarang tak boleh pergi, sekarang hendak cakap.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Koid Teng Guan):

Dia bagi beg kertas bukan beg plastik. Jangan tipu. Silap *supermarket*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak tipu. Saya tak tipu.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Pinang kalau hendak cakap, sila berdiri, kalau hendak minta laluan untuk cakap.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya bagi laluan, siapa dia yang minta laluan?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Sungai Dua kalau hendak tipu bukan cara macam itula, saya pun pelanggan Parkson. Kalau hendak tipu sama orang, kena munasabah sedikit. Nanti saya punya laluan belum habis lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tidak, saya tak mahu bagi...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi dia habis cakap dulu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

You ini budak lelaki ke budak perempuan...(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Budak lelaki....(ketawa).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya pelanggan Parkson dan selalu pergi sana, mereka bagi beg kertas *you* kata bagi beg plastik pula. Hendak tipu orang bukan cara macam itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Bukan tipu. Saya ingat saya beli memang saya dapat beg plastik. Saya tidak tipu, saya yang bernama Jasmin Bin Mohamed tidak pernah menipu... (ketawa). Sesungguhnya. Bohong pun tidak, saya cakap yang betul, tak percaya jom ikut saya sebentar lagi.

Y.B. Dato' Speaker, kita tengok lesen-lesen mengenai rumah urut di Pulau Pinang makin meningkat. Kenapa perlu kita meningkat dan tambahkan lesen-lesen rumah urut ini, ia bertambah dari tahun 2009 sebanyak 14, tahun 2010 tambah lagi 11, 2011 bertambah lagi. Begitu juga dengan lesen hiburan pun bertambah dengan banyak sangat, 59 tahun 2009, 2010 tambah 70 lesen. Kenapa kita perlu tambah lesen-lesen macam ini, lesen rumah urut, siapa yang hendak urut?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Urut tradisional kut?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak tahu sama ada tradisional atau tidak tradisional, tetapi berlaku pertambahan lesen. Sebab itu dalam bajet Kerajaan Negeri, ini lagi susah, bertambah lesen-lesen kedai minuman keras dijangka dapat mengutip hasil RM1 juta pada tahun 2013. Amal Makruf Nahi Mungkar. Uztaz Salleh tolong perbetul Uztaz, ini perkara serius. Kemudian, lesen *snooker* dan *billiard*, tak apalah itu hendak main, sukan. Yang ini saya tak faham, kalau sesiapa boleh tolong bagi faham, lain-lain pusat hiburan. Lain-lain pusat hiburan, saya tak tahulah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Banyak pusat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak tahulah, lain-lain pusat hiburan, pusat di mana saya pun tak tahulah. Mungkin Y.B. Batu Maung, EXCO Agama boleh beritahu tentang lain-lain pusat hiburan. Hiburan lain, yang ini lesen lain-lain pusat hiburan, itu lain. Hiburan lain, lesen hiburan lain. Dia bertambah dari RM110 ribu tahun depan hendak kutip ini. Cuma bagi penjelasan sedikit kenapa tambah lain-lain itu. Belum habis, ada sedikit lagi. Saya tidak pernah main wayang.

Y.B. Dato' Speaker, pegawai Kerajaan kita semakin bertambah tetapi kita tidak diperuntukkan untuk pembinaan kuarters baru Kerajaan, bukan sahaja kuarters tetapi kuarters-kuarters Kerajaan yang lama pun tak dibuat, tak diselenggara, tak diperbaiki, bocor bila hujan kelmarin, orang yang tinggal di kuarters di Butterworth, sebelah flat Polis. Dah bagi tahu bocor, dah lama *report* tetapi tak buat, kesian kepada pegawai Kerajaan kita. Tak akan dalam beberapa tahun kebelakangan ini tak boleh perbaiki, dulu masa Kerajaan Barisan Nasional tak henti-henti perbaiki tiap-tiap tahun. Kita juga merasa hairan sekarang ini perkhidmatan penyelenggaraan parit-parit dan longkang-longkang di kawasan taman perumahan terutama taman perumahan di kawasan saya, tak buat. Cuci dua minggu dan sekarang tiga minggu sekali baru datang cuci. Itu tanggungjawab MPSP, sudah buat *report*, *everyday* orang buat *report*. Macam mana *you* tahu, *you* duduk dalam MPSP kah? *Everyday* orang komplain, JKN komplain, JKKK pun komplain tetapi tidak ada tindakan. 3 haribulan, hari Sabtu yang lepas dan 4 haribulan, kelmarin, hujan lebat, hari ini di Telok Ayer Tawar, 160 buah rumah banjir kilat kerana longkang-longkang tidak diselenggarakan. Di Sungai Dua Taman Desa Murni, Rumah Murah Pengkalan Machang juga banjir kilat, air masuk rumah kerana parit tidak diservis. Saya pergi tengok dalam longkang penuh dengan tanah, punya tinggi dan tidak dikorek. Macam mana keadaan ini?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Penjelasan. Di Sungai Dua taman perumahan ini memang banjir, tapi dia orang beritahu kepada saya sebab punca projek wakil rakyat dulu di situ yang terbengkalai.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Projek mana yang terbengkalai ini? Di Taman Desa Murni mana ada projek baru.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh minta ulangi Yang Berhormat, beritahu projek yang mana Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tak apalah, kalau tidak ada fakta jangan bangkit.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Nanti saya bagi tahu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Maknanya di Taman Desa Murni mana ada projek ...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Di Kampung Tambang, Pengkalan Tambang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Pengkalan Tambang bukan kawasan saya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1:

Kampung Senangan, sebab Yang Berhormat sebut Kampung Senangan semalam. Saya ada di sana semalam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Taman Senangan projek lama. Tadi kata Sungai Dua.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya cakap Taman Senangan. Kalau hendak maklumat itu saya boleh bagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya tidak tipu, saya cakap betul tapi belah sanalah. Tidak bohong tapi PR memang Penipu Rakyat. Y.B. Dato' Speaker, satu lagi masalah berkenaan dengan prestasi perbelanjaan Kerajaan juga, kalau kita tengok prestasi Kerajaan untuk Bajet Negeri Pulau Pinang 2013, muka surat 11, pelbagai terimaan daripada lain-lain agensi Kerajaan. Kita cuma hendak tanya bagaimana dan kenapa jumlah anggaran meningkat secara mendadak daripada RM5 juta kepada RM315 juta, bermakna peningkatan sebanyak 6,200%. Lihat muka surat 11 juga, jumlah terimaan bukan hasil bagaimana dan

kenapa jumlah anggaran terimaan meningkat ketara. Jumlah 2013 meningkat sebanyak RM415.80 juta berbanding dengan tahun 2010 RM100 juta meningkat dan Jabatan Audit Negara melaporkan dalam tahun 2011 jumlah terimaan mencapai sebanyak RM272.61 juta bagi tahun 2011, bagi pejabat Y.A.B. Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kenapa jumlah anggaran perbelanjaan bagi kedua-dua jabatan ini meningkat lebih RM10 juta maknanya iaitu sebanyak RM10.2 juta, Jabatan Kewangan Negeri kenapa perbelanjaan bagi jabatan meningkat daripada RM283.35 juta kepada RM648.94 juta, Pejabat Setiausaha Kerajaan di bawah faedah-faedah kewangan yang lain, kenapa jumlah anggaran perbelanjaan meningkat daripada RM24,950 kepada RM113,000.00 jumlah peningkatan sebanyak RM88,050.00 atau 352.96% jumlah perbelanjaan di pejabat adalah terdapat empat (4) jawatan sahaja.

Y.B. Dato' Speaker, kalau kita melihat kepada prestasi atau pun laporan daripada Jabatan Audit, kita nampak bahawa sistem e-Tanah masih lemah, beberapa perkara telah pun ditegur oleh Audit antaranya surat peringatan tidak dikeluarkan kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan, di bawah Pejabat Tanah SPU pemberian milik tanah tidak memuaskan, terutamanya aspek pemantauan proses pemilikan hingga penyelenggaraan hak milik muktamad antaranya, pemberian tanah tidak berdasarkan penggunaan tanah yang menyumbang kepada kehilangan hasil sebanyak RM261,000.00. Kelewatan penyediaan kertas jawatankuasa tanah daripada dua (2) hingga dua puluh enam (26) bulan.

Di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bahagian pelesenan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Bahagian Pelesenan yang diperuntukkan sebanyak RM17.10 juta untuk menaik taraf dan penyelenggaraan kompleks makanan dan pasar awam 62 kompleks awam yang dimaksud oleh MPPP, dia pecah kepada tiga (3) zon, 32, 18 dan 17 tidak berjaya diuruskan. Tiga (3) kompleks yang dibina tidak digunakan, terdapat kerosakan dan vandalisma yang menyebabkan MPPP tanggung sebanyak RM334,738. 25% daripada lot-lot niaga yang ada tidak disewakan, tunggakan sewaan lot-lot niaga sebanyak RM0.81 juta. Pasal PDC Yang Berhormat tadi telah bercakap, anak-anak syarikat PDC juga mengalami kekurangan hasil atau pun rugi. Y.B. Dato' Speaker, saya sekali lagi hendak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Deepavali, Selamat Hari Krismas dan selamat menghadapi Pilihan Raya Umum 2013

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Minta penjelasan sikit, sebelum Sungai Dua habis, tadi Y.B. Sungai Dua membangkitkan isu *affordable housing fund* sebenarnya Sungai Dua tidak bacakah, tidak baca dengan teliti ucapan bajet, muka surat 20 *paragraph* 57 bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta

untuk tempoh lima tahun bagi merealisasikan skim perumahan mampu milik tersebut, muka surat 20 *paragraph* 57 jelas menunjukkan dan kita telah dibajetkan di bawah Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri pada tahun 2012 sebenarnya kita telah memberikan secara terus kepada PDC RM100 juta, kemudian di bawah Jabatan Kewangan juga kita telah *reserve* satu jumlah *sum* lebih kurang RM306 juta untuk tahun hadapan, tetapi ini juga secara peringkat-peringkat dalam masa 5 tahun kita sebut, bukan kita bagi sekali gus itu sahaja, jadi saya harap, Sungai Dua tidak buat *home work* buat tuduhan, Sungai Dua menipu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya bukan menipu, saya kata tidak dibajetkan dan perancangan itu tidak nampak ada, okey memang kata RM500 juta, 5 tahun, tetapi duit mana, okey berapa untuk tahun pertama, hendak buat berapa untuk tahun pertama.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Kan saya telah jawab tadi tahun 2012 RM100 juta, tahun hadapan sejumlah RM306 juta sahaja jawab, secara berperingkat-peringkat *depend on progress of work* janganlah memesongkan, kita sudah jawab semua, silakan boleh ucap terima kasih lagi atau pun *festival greetings*, okey.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya cakap tentang berperingkat-peringkat itu berapa, berapa maksud dia, tahun hadapan berapa tahun 2013 berapa, tahun 2014 berapa, 2015 berapa, tidak payah marah, jadi Y.B. Dato' Speaker, dengan ini saya mohon terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya, Padang Lalang

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Huat):

Terima kasih, kepada Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 Negeri Pulau Pinang dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri kerana telah menjaga dan menjamin kebajikan serta kesejahteraan rakyat amat baik sekali. Berasaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus, iaitu CAT ...(dengan izin), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan dasar-dasar yang saksama dan ini telah banyak membawa kemakmuran kepada rakyat tanpa mengira kaum,

agama dan jantina. Saya yakin, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan lebih prihatin dan selalunya dalam dasar-dasar yang digubal dan dilaksanakan, kepentingan dan kebaikan rakyat akan sentiasa diutamakan. Nasib rakyat akan sentiasa dibela. Kemajuan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa dititikberatkan.

Y.B. Dato' Speaker, dan rakan-rakan seperjuangan, saya merasa bangga dan suka hati kerana Negeri Pulau Pinang bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah berjaya mentadbir dan menguruskan kewangan negeri dengan cekap dan berhemat sehingga Negeri Pulau Pinang mendapat kepujian dari banyak pihak, pelabur antarabangsa pun sudi memilih Pulau Pinang untuk melabur sebab mereka mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Usaha dan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa akan diteruskan, walaupun kita menghadapi halangan dan rintangan yang datang dari Kerajaan Pusat, kami tidak akan berundur dan akan merancang dan mencari cara-cara untuk merealisasikan mimpi kita demi masa depan yang lebih cerah dan makmur rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya yakin Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil tindakan-tindakan yang berkesan untuk meningkatkan sektor pelaburan dan perindustrian supaya rakyat mempunyai lebih peluang untuk bekerja dan menambahkan pendapatan peribadi dan saya berharap Kerajaan Negeri akan memberi lebih tumpuan kepada pembangunan perindustrian yang bermesra alam semula jadi, supaya impian untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang lebih bersih hijau dapat dicapai. Saya juga berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil inisiatif untuk merencanakan sektor pelancongan dan warisan di Seberang Perai amnya dan khususnya di Bukit Mertajam, misalnya di Jalan Pasar, Jalan Stesen dan Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng terdapat banyak bangunan-bangunan kedai yang lama dan sebuah tokong yang berusia lebih 100 tahun. Gereja St. Anne, perkampungan Sungai Lembu dan banyak tempat lagi boleh dibangunkan untuk menarik perhatian pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri untuk menjana lebih pendapatan kepada peniaga-peniaga di sekitar Bukit Mertajam.

Y.B. Dato' Speaker, yang saya hormati, kualiti kemudahan awam dan infrastruktur merupakan bahagian yang penting, rakyat akan menilai prestasi sesebuah Kerajaan berasaskan tahap atau mutu kemudahan awam dan infrastruktur yang disediakan. Saya berpendapat, sejak Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri, banyak kerja-kerja penambahbaikan telah diambil dengan peruntukan-peruntukan yang berjumlah besar yang dibelanjakan, bukan seperti Y.B. Sungai Dua kata kita tidak berbelanja, itu tidak betul tipu. Saya berharap, agensi-agensi dan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan dengan perkara ini akan lebih gigih dan berhati-hati supaya peruntukan dibelanja dengan berkesan untuk membawa manfaat yang paling tinggi kepada rakyat.

Di Bukit Mertajam, saya berpendapat masih terdapat banyak infrastruktur yang harus diberi tumpuan. Misalnya Jalan Kulim yang semakin sesak memerlukan kerja-kerja pelebaran. Jalan-jalan yang sempit di Pusat Bandar Bukit Mertajam harus diberi perhatian, kawalan lalu lintas dan trafik di sesetengah kawasan juga harus dikaji semula, misalnya di ROB yang menghubungkan Jalan Song Ban Kheng dan Jalan Maju yang dibawah MMC-GAMUDA, sampai hari ini masih tidak dapat disiapkan sepenuhnya dan telah menyebabkan kesesakan trafik yang menjadi kemarahan pengguna-pengguna jalan raya di sekitar Bukit Mertajam. Saya berharap pihak MMC-GAMUDA mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam masa terdekat untuk menyelesaikan masalah ini. Di kawasan Padang Lalang, kerja-kerja pelebaran Jalan Song Ban Kheng sedang giat dijalankan. Saya akan sentiasa meninjau dan memastikan kerja-kerja pembinaan dijalankan boleh mengikut jadual dan tidak menyusahkan pengguna-pengguna jalan yang sibuk ini. Saya juga berharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang telah diberi.

Y.B. Dato' Speaker, modal insan memang penting untuk sesebuah negeri supaya ia maju ke hadapan, tanpa modal insan yang mencukupi, pembangunan akan menghadapi rintangan dan keputusannya adalah kita tertinggal di belakang. Saya merasa amat bangga kerana Kerajaan Negeri di bawah pucuk pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng telah berjaya menarik minat institusi-institusi pengajian tinggi terkemuka untuk membuka universiti di Pulau Pinang. Sejak Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan Negeri, peruntukan yang banyak telah dikhaskan untuk membantu pembangunan di Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh. Setiap tahun bukan seperti Kerajaan Pusat, lima (5) tahun sekali dan kadang-kadang tak datang dan kadang-kadang bohong. Sekolah-sekolah dalam KADUN Padang Lalang dapat menambah baik kemudahan-kemudahan asas dalam sekolah masing-masing dan mereka berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang memang prihatin dan mementingkan pembangunan modal insan walaupun pendidikan merupakan tanggungjawab oleh Kerajaan Pusat. Tapi tidak beri tanggungjawab dengan baik-baik.

Y.B. Dato' Speaker, satu sektor yang amat saya merasa bangga adalah peningkatan kualiti alam sekitar di Negeri Pulau Pinang. Berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, dalam 4½ tahun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendahului Negeri-negeri lain untuk berjayaan mengadakan mengurangkan beg plastik percuma setiap hari. Walaupun Y.B. Sungai Dua mungkin memang tak setuju, tapi saya amat bersetuju. Pengurusan sisa pepejal di Pulau Pinang juga diuruskan dengan baik sekali. Tahap kebersihan dan telah dipertingkatkan dengan inisiatif positif yang telah diambil oleh kedua-dua PBT iaitu MPPP dan MPSP masing-masing. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kedua-dua PBT, khasnya MPSP di mana prestasi yang ditunjukkan amat memberangsangkan dan cukup berkomitmen. Saya harap MPSP dapat meneruskan kerja-kerja yang bagus ini,

malah lebih baik lagi supaya rakyat dapat menikmati suasana dan alam sekitar yang lebih selesa didiami. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat, kebajikan rakyat tidak kira kaya atau miskin selalu dijaga dan diberi tumpuan. Kita semua sedia maklum, banyak program-program kebajikan tahunan telah dijalankan setiap tahun yang mendapat sambutan baik dan kepujian dari rakyat berbilang bangsa sehingga Kerajaan Pusat UMNO-Barisan Nasional pun dipaksa belajar tiru dari kita dan program-program kita.

Y.B. Dato' Speaker, satu sektor yang amat memerlukan perhatian adalah keperluan sektor perumahan, terutamanya perumahan mampu milik di mana isu ini telah dimainkan oleh pihak Barisan Nasional, UMNO terutamanya dan mengelirukan rakyat kita. Saya merasa amat kesal dan marah apabila pihak pembangkang ataupun daripada pihak UMNO membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap Kerajaan Negeri. Berpuluh-puluh tahun pihak Barisan Nasional telah memerintah Negeri Pulau Pinang. Masalah perumahan tidak dapat diselesaikan dengan baik supaya setiap rakyat dapat membeli rumah yang mereka mampu milik. Pihak Barisan Nasional ini, tidak berasa malu malah berani menuduh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dengan memutarbelitkan fakta sebenarnya dan mereka ini sengaja tidak mahu ambil tahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah merancang untuk membina berpuluh ribu buah rumah mampu milik diseluruh negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Tahukah Y.B. Bahawa dalam bajet tahun depan yang diumumkan oleh Perdana Menteri di Pulau Pinang hanya diperuntukan untuk membina 70 unit sahaja rumah PPR di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Memang tau. Itulah merupakan rang-rang mereka mengatakan rakyat diutamakan. Tapi nampaknya rakyat Negeri Pulau Pinang diketepikan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit penjelasan Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat beri pendapat berkenaan dengan liputan luas dalam media massa. Kita lihat selalu

sahaja ada liputan dalam berita TV3, dalam majalah-majalah, surat khabar di mana khususnya pemuda-pemuda GERAKAN, MCA, MIC selalunya mempersoalkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat ataupun boleh saya menjemput.

Yang Berhormat untuk memberi ulasan berkenaan dengan satu percanggahan dalam permintaan daripada pemuda Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang yang tidak sepadan dengan tindakan Perdana Menteri di mana seperti yang diumumkan Yang Berhormat Bagan Jermal tadi hanya 70 unit rumah sahaja diperuntukkan ataupun kewangan diperuntukkan bagi pembinaan. Adakah ini sandiwara semata-mata menjelang pilihan raya akan datang? Terima kasih, saya minta pandangan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih. Sebenarnya apa yang hari-hari berada di surat khabar cakap yang bukan-bukan daripada pemuda Barisan Nasional itu merupakan mereka tidak dapat sebenarnya apa sokongan daripada Barisan Nasional. Jadi mereka sini kata, kita tak buat rumah mampu milik. Tapi sebenarnya apa yang dituduh seperti di Taman Manggis, semasa mereka memerintah memang tidak langsung ada sebarang cadangan pun. Tapi sekarang mereka kata mereka ingin. Mereka ada duit beberapa puluh juta, ribu-ribu juta dan mereka nak beli dengan *cash*. Itu saya rasa kalau betul mereka berkeras buatlah. Ini menunjukkan bila mereka jadi Kerajaan mereka tidak boleh uruskan. Sekarang mereka jadi parti pembangkang, mereka ingin nak buat untuk bina rumah. Jadi kalau dengan kata-kata ini kita harap merekalah selama-lamanya jadi parti pembangkang. Baru mereka boleh berkhidmat untuk rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sedikit Yang Berhormat. Nak menambah. Ada juga satu lagi persepsi kawan-kawan saya daripada parti pembangkang mungkin boleh menjelaskan yang tinggal di Dewan ini, bahawa tindakan mengumumkan hanya 70 unit sahaja yang akan dibina rumah kos rendah, menunjukan tindakan balas dendam Perdana Menteri terhadap rakyat Pulau Pinang yang tidak memberi sokongan kepada Barisan Nasional kerana bajet yang telah dibentangkan di Parlimen rupa-rupanya negeri-negeri lain telah pun diberikan peruntukan yang jauh lebih banyak berbanding dengan Pulau Pinang. Apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah ini tindakan Perdana Menteri yang membalas dendam kepada rakyat Pulau Pinang disebabkan keputusan pilihan raya tahun 2008. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya memang ada pandangan yang sama dengan Y.B. Seri Delima. Tapi takpalah jikalau kata ini adalah satu balas dendam, saya yakin dan percaya rakyat Pulau Pinang akan membuat keputusan pada PRU Ke-13. Y.B. Dato' Speaker. Saya teruskan bahas saya. Saya mengecam mereka ini yang tidak bertanggungjawab dan tidak tahu merasa malu kerana sudi memfitnah untuk memancing undi dan menipu rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, kawasan Padang Lalang adalah kawasan hitam yang selalu mengalami banjir kilat. Sebelum saya dipilih sebagai wakil rakyat KADUN ini, saya selalu menerima aduan-aduan dari rakyat setiap kali hujan turun dengan lebat di mana kediaman-kediaman mereka telah dimasuki air. Saya memang memahami kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh mereka. Oleh itulah sejak saya menjadi ADUN, saya memberi tumpuan utama kepada masalah banjir kilat. Dengan kerjasama yang diberi oleh pihak MPSP dan peruntukan yang banyak dari Ahli EXCO tebatan banjir, masalah-masalah banjir kilat telah semakin hari semakin kurang, khasnya di sekitar kawasan Desa Damai, Taman Makok, Taman Sri Rambai dan lain-lain. Banjir kilat jarang berlaku, hanya tinggal Taman Sungai Rambai dan Taman Sri Jaya di mana peruntukan telah disalurkan hanya menunggu kerja-kerja pembinaan dan dapat dimulakan dalam masa terdekat.

Y.B. Dato' Speaker berkenaan dengan banjir kilat, saya berpendapat perhatian harus diberi kepada kawasan rakan saya seperti Machang Bubuk di mana pembangunan perumahan yang pesat telah mengakibatkan sering berlaku banjir kilat di situ. Sistem saliran yang sedia ada tidak mampu lagi menampung kapasiti air yang kian bertambah. Pembangunan Bukit D.O. Di KADUN Padang Lalang telah dirancang dengan teratur dan mendapat sumbangan kewangan dari PBA. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada PBA kerana mereka telah membantu merealisasikan impian rakyat Bukit Mertajam supaya Bukit D.O. Dikekalkan sebagai *green lung*(dengan izin). Saya akan memantau projek pembangunan ini dan berharap projek-projek pembangunan dapat dimulakan dengan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Speaker, masalah keretakan rumah-rumah di Taman Sri Rambai dan Tama Kota Permai berikutan Projek JPP maksudnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan masih belum diselesaikan oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu Kerajaan Pusat. Walaupun laporan IKRAM membuat kesimpulan keretakan-keretakan rumah-rumah kediaman ini tidak diakibatkan oleh projek JPP, tapi satu fakta yang tidak dapat dinafikan dan diketepikan adalah sebelum projek JPP, keretakan kediaman tidak berlaku. Semua keretakan-keretakan bermula dari tarikh kontraktor JPP menjalankan kerja-kerja pembinaannya. Saya berpendapat kerugian penduduk-penduduk harus

dipandang berat dan tindakan positif untuk membantu harus diadakan. Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya menyahut rayuan rakyat-rakyat dan sejumlah wang pampasan diberi kepada mereka supaya mereka boleh memperbaiki rumah masing-masing. Dato' Speaker saya menyokong sepenuhnya Kerajaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Mengenai penjelasan hal tuntutan penduduk-penduduk di Taman Sungai Rambai mengenai projek pembetulan yang dijalankan oleh JPP dan sekarang IKRAM telah mengesahkan bahawa keretakan ini bukan punca dari projek tersebut. Adakah Yang Berhormat memberi tahu kepada penduduk-penduduk di sana bahawa ini adalah satu penemuan atau satu *result* yang dikaji oleh IKRAM dan Kerajaan Negeri pun tak boleh buat apa-apa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. Bagan Jermal. Sebenarnya kita sudah banyak kali mesyuarat dan satu *press conference* pun sudah diadakan pada dua (2), tiga (3) minggu lalu dan pegawai penyelaras daripada MCA iaitu Tan Teik Cheng pun datang untuk bagi penjelasan. Dalam isu ini, saya kena mengambil sedikit masa untuk buat penjelasan. Sebenarnya ketika keretakan jadi dan pihak JPP dan kontraktornya pun sedang berbincang dan mereka capai satu janji minta pihak IKRAM masuk buat *survey*. Dan jikalau ini adalah *impact* dari kerja JPP, mereka bersetuju akan dibayar. Tapi selepas bulan Mei ini, laporan sudah keluar daripada IKRAM dan memang saya tahu dari segi undang-undang Jabatan Perkhidmatan Pembetulan memang boleh tolong sehabis-habisnya. Mereka tidak perlu bertanggungjawab. Tapi pada sebelahnyanya tidak kira Kerajaan Pusat atau Negeri kita perlu prihatin sebab rumah mereka sudah retak dan rosak. Itu adalah hakikatnya. Saya akan tulis sepucuk surat kepada Menteri Y.B. Peter Chin dan menunjukkan gambar-gambar, sebab dalam laporan IKRAM, mereka cuma korek lima (5) meter dalam lubang itu. Tapi pada halnya Pegawai Penyelaras Tan Teik Cheng pun tidak bersetuju kerana pada masa itu, dia memang selalu pergi. Mereka mengorek lubang lebih daripada 30 meter dalam dan 50 meter pun ada. Saya ada mengambil gambar dan Tan Teik Cheng Pegawai Penyelaras MCA malangnya tak ambil gambar. Tapi saya ada mengambil gambar itu dan saya akan *attach* gambar itu dengan surat kepada menteri Y.B. Peter Chin supaya dia boleh tengok laporan IKRAM itu bukan seperti sebenarnya. Pada tahun yang lalu saya memanggil *surveyor* iaitu air *survey* dan menjalankan dua kali kajian *survey* untuk mengkaji berapa banyak tanah itu sudah mendap dan pelan itu sudah disertakan dan diberi kepada Y.B. Peter Chin. Itulah penyelesaian ini.

Bolehkah saya teruskan. Y.B. Dato' Speaker saya menyokong sepenuhnya Kerajaan Negeri memperkenalkan Agenda Ekonomi Saksama iaitu AES dalam Bajet 2013. Tapi saya memang tidak sokong iaitu *Automatic Enforcement System* yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat (AES). Ketidaksaksamaan dalam banyak bidang telah memecahkan perpaduan rakyat berbilang bangsa dan agama negeri ini di mana UMNO-Barisan Nasional telah mengamalkan dasar *divide and rule* ...(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker dasar ini telah banyak membawa kerugian kepada Negara dan rakyat. Saya berharap dalam Bajet 2013 yang berpandukan AES Negeri Pulau Pinang akan terus maju, rakyat akan terus dapat menikmati kehidupan yang boleh baik lebih baik dan bermutu. Y.B. Dato' Speaker sebelum saya akhiri ini ucap saya juga mengucapkan Selamat Hari Deepavalli dan semua rakan-rakan boleh berjumpa di selepas PRU Ke-13. Dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Salam sejahtera dan dalam bajet 2013 Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ini saya akan berbahas dalam beberapa bidang. Pertamanya saya, terima kasih mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya Pejabat Ketua Menteri dan TKM I untuk menangani isu Kampung Tanjung Tokong yang selama 40 tahun tidak diselesaikan terutamanya dari 1974 sehingga sekarang di mana UDA telah mendirikan rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah dengan beberapa fasa-fasa dan sebuah Balai Polis oleh Kementerian di atas sebahagian tanah asal kampung 48 ekar. Ini ada sikit latar belakangnya, perpindahan besar-besaran ke rumah-rumah pangsa ke atas sebahagian daripada penduduk-penduduk Tanjung Tokong, juga dilakukan 80-an dengan suatu *protest* yang sangat membara pada masa itu, dan dari 90-an dan hingga masa ini UDA pihak UDA telah mengalih fokus dari membangunkan sebahagian lagi kawasan Kampung Tanjung Tokong mengikut setakat syarat khas kepada perkara-perkara yang tidak jelas kepada penduduk.

Jadi, setelah sekian beberapa perbincangan demi perbincangan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak UDA dan juga penduduk-penduduk, Persatuan Penduduk-penduduk, maka satu penyelesaian telah dicapai untuk penempatan fasa 4A untuk kemas kini isi bancian dan apa itu syarat-syarat dalam surat perjanjian dan ini adalah satu prestasi yang bagus yang dijalankan oleh Kerajaan PR dalam lima (5) tahun ini. Tetapi adalah satu lagi yang perkara yang penting penduduk kampung iaitu penduduk Kampung Tradisional Tanjung Tokong juga mengalu-alukan kesediaan UDA melaksanakan pembangunan warisan tapak kampung dan namun apa yang

ditawarkan UDA tidak lebih daripada sebuah galeri dan replika, beberapa Rumah Tradisional yang dapat kita anggap sebagai warisan bukan warisan sebagai zon warisan di atas tanah seluas 0.16 hektar saja. Saya fikir masa ini lah di mana Kerajaan kita harus juga dapatkan UDA bersama-sam Persatuan Penduduk Tanjung Tokong dan penduduknya membincangkan sedalam-dalam konsep dan visi, misi Kampung Warisan yang dihasratkan. Untuk tujuan itu saya fikir usaha untuk menjamin kelestarian kampung ini yang diperlukan adalah satu warisan hidup dan merombak sedikit pelan pembangunan semula Kampung Tradisional Tanjung Tokong. Ini selaras dengan pengisytiharaan warisan ke atas Kampung Tradisi Tanjung Tokong dan juga dengan sekatan syarat nyata pemberian tanah kepada UDA pada tahun 1974 yang menyatakan(dengan izin). *The land here by alienated shall be use only for the rehabilitated to construction and renewed of Tanjung Tokong Village.*

Jadi sokongan Kerajaan Persekutuan dan UDA bukan saja untuk membandarkan penempatan dengan rumah pangsa, rumah teres, kondominium dan pusat perniagaan tetapi melaksanakan(dengan izin) *built and culture heritage* yang perlu dipelihara dan dipulihara demi satu sejarah bangsa dan budaya yang tidak perlu dihapuskan sepenuhnya. Jadi penduduk-penduduk kampung selepas menyelesaikan masalah yang pertama itu, inilah satu harapan di mana meletak sepenuh harapan terhadap semua pihak terutamanya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga supaya ada satu perbincangan untuk merealisasikan zon warisan Kampung Tradisi Tanjung Tokong itu dikekalkan. Jadi juga dicadangkan satu kertas oleh penduduk Kampung Tanjung Tokong supaya zon warisan Kampung Tradisi Tanjung Tokong ini dilaksanakan oleh pihak yang berwajib. Y.B. Dato' Speaker, seterusnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, minta penjelasan. Saya tertarik dengan subjek yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat telah pun membawa perkara ini ke Dewan banyak kali menunjukkan bahawa Yang Berhormat prihatin dan mengambil berat tentang Kampung Tradisi tersebut. Saya cuma nak tanya, pertamanya Kampung Tradisi ini adakah kampung-kampung Melayu atau kampung India atau kampung Cina yang dipimpin ketika itu banyak banyak juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang terdiri Parti UMNO yang selalunya melaung-laungkan perjuangan Melayu dan sebagainya tidak mengambil sebarang tindakan untuk memastikan Kampung Tradisi ini nasib mereka dibela dan Kampung tradisi ini kekal.

Adakah ini bermaksud hanya selepas 2008 dengan inisiatif Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I dan Yang Berhormat sendiri, langkah-langkah telah diambil walaupun selalu terdapat tuduhan bahawa DAP ini adalah parti anti Melayu dan sebagainya, adakah Yang Berhormat boleh

menjelaskan dengan terperinci lagi sama ada, ada atau tidak sebarang tindakan diambil oleh Parti Barisan Nasional dan ADUN-ADUN UMNO untuk membela nasib kampung ini? Soalan pertama saya adakah kampung ini kampung Melayu, India atau pun Cina? Sila Yang Berhormat jelaskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Seri Delima. Memang ini satu kampung yang dimaksudkan adalah Kampung Tanjung Tokong Tradisi Melayu di mana berjiran dengan kampung Cina selama lebih kurang 200 tahun berdiri di kawasan Tanjung Tokong sana dan kalau nak memberi satu latar belakang yang terperinci memang ia makan masa sedikit sebanyak saya boleh berikan latar belakangnyalah. Kampung Tanjung Tokong adalah sebuah kampung tradisional yang wujud sejak sebelum era penjajahan. Kajian terperinci jelas menunjukkan kampung ini telah ada sebelum tertubuhnya Bandar Raya George Town.

Tanjung Tokong adalah salah satu mukim ketika George Town ditubuhkan pada tahun 1839 dan di antara bukti-bukti sejarah yang menunjukkan kampung ini telah wujud lebih 225 tahun dapat di kesan daripada peninggalan-peninggalan sejarah yang ada di atas tanah kampung dan juga kawasan Tanjung Tokong terdiri daripada dua (2) penempatan iaitu kawasan kampung asal di jalan lama Tanjung Tokong yang tidak tersusun dan padat serta kawasan penempatan baru yang tersusun dan berpuluh. Menjawab soalan yang kedua di mana adakah sebelum 2008 iaitu isu Tanjung Tokong ini. Adakah di ambil berat di beri prihatin oleh pentadbir yang dahulu?, memang itu tidak ada. Kalau ada isu ini tak kan ditangguh-tangguhkan sampai hari ini. Selama 30 tahun ini memang persatuan dan lain-lain penduduk di Kampung Tanjung Tokong memang memperjuangkan untuk mendapatkan satu penempatan yang sewajar yang seperti yang disyaratkan. Jadi kerana UDA pada masa ini lebih mementingkan *commercial value* jadi adalah tukarlah tujuan mereka untuk membangunkan Tanjung Tokong sebagai satu bandar yang dikatakan *concrete jungle* yang ini adalah satu perjuangan di mana kampung penduduk-penduduk kampung minta supaya kampung yang tersusun dipelihara.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya minta penjelasan lagi. Apakah kena mengena masalah Kampung Tradisi Melayu ini dengan UDA atau UDA Land? Bukankah UDA atau UDA Land adalah merupakan ini satu agensi Kerajaan Persekutuan dan kalau ia adalah agensi Kerajaan Persekutuan bukannya masalah ini sepatutnya diatasi dan masalah penduduk di situ di beri perhatian dengan segera. Di mana saya memang pasti bahawa beberapa pengarah-pengarah UDA Land juga ketika ini memang tidak ada di Dewan tetapi memang ada kita

gunakan istilah *direct cable* di mana masalah ini boleh diselesaikan, boleh. Yang Berhormat sila jelaskan sedikit apa yang Yang Berhormat maksudkan dengan UDA yang lebih mementingkan keuntungan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Memang UDA pada mulanya harus adalah satu agensi untuk menjaga *development urbanization development* agensi menjaga kampung-kampung tradisional, tetapi pada masa tahun kebelakangan ini dia telah jadi satu badan GLC di mana kepentingannya di tumpu kepada *commercial*, pembangunan *commercial* dan juga ada berlakunya pemindahan dalam struktur UDA ini dan juga ada kroni yang terlibat yang selalu difahamkan kroni UMNO lah, maksudnya kemudian Tanjung Tokong ini dijadikan satu mangsa kroni supaya pembangunannya seharus diberikan ditumpukan tidak diberikan sepenuh dan sewajarnya itulah sedikit sebanyak...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Mintak penjelasan sikit ya, saya ingat kes UDA ini, kalau nak cakap pasal UDA ini patutnya dibuat di Parlimen, Parlimen paling sesuai, saya cakap pihak UDA tiada siapa yang lembaga di sini sebagai Lembaga Pengarah. Kita tidak ada lembaga pengarah Yang Berhormat yang ada PERDA betul tapi UDA *is not* jadi tiada siapa yang Lembaga Pengarah dan tuduhan-tuduhan yang Yang Berhormat, bangkitkan tadi yang saya tahu lah, semasa saya di EXCO kalau nak terang, kita biasa buat perjumpaan dengan penduduk-penduduk biasa bergaduh dalam perjumpaan itu, 400 orang dia saya kami ada empat orang dalam itu orang maki hamun itu biasalah tetapi nak tuduh UDA saya ingat elok bangkit di Parlimen kalau saya nak terangkan di sini boleh terang tetapi saya rasa tidak sesuai sebagai contohnya penduduk kampung itu sebagai contoh penduduk Kampung Dusun.

Kalau tuan-tuan tahu tidak rumah yang saya jumpa di sana pun dia buka kampung tradisi dia tanah UDA dan pada peringkat awal daripada awal lagi. Kalau Yang Berhormat, Orang Pulau Pinang Yang Berhormat kawasan itu kawasan laut, tanah itu asal laut orang kampung, asalkan duit keluar, orang asal Pulau Pinang dia tahulah. Jadi memendekan cerita UDA telah jumpa penduduk kampung di situ dan menawarkan tiap-tiap satu keluarga yang meninggal, yang tinggal di rumah itu, ditawarkan sebiji rumah percuma rumah asal, rumah *owner* tu ditawarkan dengan rumah sebiji dengan *built up area* yang lebih besar. *Existing family* orang panggil *standard family* itu, kalau ada tiga (3) kelamin yang tidur di dalam rumah itu tiap-tiap satu kelamin diberi satu rumah percuma tidak ada tawaran yang paling bagus yang boleh kita jumpa. Sejarah 1Malaysia tapi ini memanglah yang pertikaikan ini, saya tahu Mat Saleh itu sahaja itu pun dia bukan orang sini dia orang situ. Tetapi tidak

mengapalah dipendekkan cerita perkara ini sebaiknya dibangkitkan di dalam Parlimen supaya UDA boleh jawab dengan lebih jelas lagi. Jadi tuduhan yang tidak ambil tahu itu tidak berasas sangatlah pasal kita tahu yang *extended family* pun dibagi, cuma yang penduduk itu minta tadi untuk maklumat Yang Berhormat, tiga adik beradik duduk dalam rumah itu dapat rumah sebiji, tapi abang Yang Berhormat duduk di Kuala Lumpur, abang punya rumah sebiji juga tidak dapat juga itu masalah, yang ini yang jadi masalah ini, isu yang timbul yang dibangkitkan kepada Yang Berhormat, yang ini yang masalah timbul. Tetapi tawaran kepada setiap rumah ada, tetapi rumah yang ada di kawasan tradisi tu salah satu daripadanya tiang elektrik dalam rumah, macam mana kita kata rumah tradisi kalau tiang elektrik dalam rumah betul tak Yang Berhormat?

Ada satu rumah ada satu tiang elektrik dalam rumah pergi jalan tak tengok? Ada. *I can take you around, no problem okay serious!*. Bawa pergi, ada satu rumah ada satu tiang elektrik ada dalam rumah. Jadi sekarang ada tiga (3) keluarga dengan keluarga yang asal empat (4) keluarga duduk sekali dalam satu rumah dengan rumah keluasan katakanlah 1200 kaki persegi kalau ditawarkan kepada setiap satu keluarga bayangkan, kalau kita *combined* empat (4) keluarga dalam satu rumah 700, 700, 700 dah 2,100 campur yang asal tu 850 jadi berapa 3000 kaki persegi dan untuk pertama kali yang *extended family* itu ada kebebasan untuk nak peluk bini dia tengah malam kalau tidak dia kena peluk dekat luar. Jadi kena ambil kira juga jadi ini Yang Berhormat kena lihat betul-betul jangan kita lawan benda yang tidak betul tidak betul. Ini sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, Tanjong Tokong bercakap dah 20 minit, so kita ada ada lagi 5 minit sahaja.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Saya henti sini, jadi saya minta Kerajaan teruskan isu zon warisan yang harus dibincangkan untuk menyelesaikan isu Tanjong Tokong pada masa akan datang.....(gangguan). Seterusnya saya hendak....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Minta penjelasan, kalau warisan pun dia mudah sahaja Yang Berhormat hantar surat Jabatan Warisan minta dijadikan kawasan itu sebagai kawasan warisan. *You have to start from there.*

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Seterusnya adalah isu di mana selepas beberapa tahun kita memperjuangkan *no high rise* di lereng bukit di mana akhirnya kita dapatkan Kerajaan Negeri menubuhkan satu *guide line* iaitu *Safety Guide Lines For Hillside Development 2012*...(dengan izin), ini adalah kita mengalu-alukan mengucapkan terima kasih supaya satu langkah hebat sudah diadakan untuk memantau pembangunan di lereng-lereng bukit. Di samping itu saya fikir PBT harus juga menggunakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, iaitu dengan pindaan 34(a) tentang pendaftaran konsultan yang layak dan juga tentang *physical plan* yang perlu diikuti kalau ada langgaran dengan larangan itu maka perintah larangan atau *stop work order* boleh dikeluarkan dan juga satu tambahan satu seksyen 34(a)(a), harus digunakan dan dikuatkuasakan supaya pembangunan lereng bukit dapat dikawalkan dengan tambahan 34(a)(a) ini ia mana-mana orang yang melanggar seksyen ini akan dipenjarakan selama tidak lebih daripada tempoh lima (5) tahun atau kedua-keduanya bermaksud dengan denda tidak lebih daripada RM500,000.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di mana satu isu lagi iaitu Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, untuk Koridor Sekunder Tanjung Bunga, Telok Bahang, tentang kesilapan pada rajah 4.2 mengenai sempadan Tanjung Bunga Telok Bahang, supaya diberi pertimbangan yang serius agar selaras dengan pernyataan bertulis DSU5L1. Ini memang adalah satu proses telah diadakan JPBD dan di mana dijangkakan akan dimuktamadkan pada tahun 2013, tetapi pihak saya meminta bangunan bertingkat di lereng bukit dan rezab pantai dibekukan sebelum isu ini diselesaikan pada tahun depan, ini adalah untuk menjamin keselamatan orang ramai di kawasan lereng bukit.

Yang Berhormat, satu isu lagi saya hendak minta bahawa isu, *Organic Farming Certifications*, ...(dengan izin), di mana seperti *Halal Certification* ini adalah satu bidang baharu untuk kemajuan Negeri untuk mencapai satu status Negeri Hijau dan juga memupuk *culture go vegan* ...(dengan izin), untuk kesihatan dan juga mengurangkan *global warming*. Isu *certification* ini adalah satu yang saya fikir Kerajaan Negeri harus mempertimbangkan supaya kita mempertingkatkan bidang pertanian Negeri ini misalnya di Negara India, walaupun teknikal dan mesin atau kewangan tidak diperuntukkan oleh Kerajaan tetapi kebanyakan ini adalah diprogramkan oleh NGO mempromosikan *Organic Farming* ia juga bagi sistem peningkatan pemasaran dan peluang-peluang lain dengan ini bukan saja dia boleh menambahkan pendapatan pengusaha tetapi juga memberikan lebih banyak kesedaran tentang pertanian organik dan cara pengawalan alam sekitar kepada orang ramai, misalnya ada satu kes di mana ada satu kes dinamakan Inba Seva Sangam Farm ia dikenali sebagai *bio-dynamic Farms*.

Dengan projek ini komuniti *organic farming* seluas 300 ekar telah ditubuhkan dan diedarkan kepada 160 keluarga. Projek ini ia menganjurkan kursus organik memberikan maklumat dan lain-lain kepada pengusaha dan dengan ini Kerajaan juga digalakkan diseru, Kerajaan juga harus memberikan kebenaran untuk menjalankan projek *Organic Farming* ini untuk keuntungan yang lumayan. Walaupun ada lagi ramai petani menjalankan pertanian sedia ada yang banyak menggunakan kimia melalui pertanian tradisional, di samping itu NGO itu juga turut memainkan peranan dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar yang kurang di beri perhatian Kerajaan. Justeru ini saya fikir Kerajaan Negeri kita dengan kerjasama NGO mampu menubuhkan satu model yang berkesan untuk mempromosikan *Organic Farming* termasuk program secara pendidikan dan tentang *Organic Farming* dan visi *Organic Farming* boleh dicapai melalui kerjasama di antara agensi-agensi *stakeholder* seperti Kerajaan, petani, *traders*, *institutions*, NGO dan PBT juga. Kerajaan memang memainkan peranan yang mustahak dalam perkembangan *Organic farming* ini dan tingkatan lagi peluang pemasarannya saya cadangkan seperti Sistem Pensijilan Halal, Sistem Pensijilan Organik Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga ditubuhkan supaya pengusaha *Organic Farming* yang ingin bersaing dengan pemasaran *international* dapat satu pensijilan yang boleh memberikan mereka satu jaminan untuk bersaing dengan mereka daripada antarabangsa.

Y.B. Dato' Pengerusi, saya memang mengalu-alukan satu kejayaan inisiatif berbasikal dijayakan oleh Kerajaan Negeri yang kini dapat perhatian daripada seluruh Negara dan pelbagai pihak juga kini aktif melaksanakan pelbagai sukan berbasikal. Satu soalan di mana apakah inisiatif idea baharu yang dalam sektor pelancongan yang membanggakan Kerajaan Negeri sejak 2008. Saya fikir Kerajaan boleh selain daripada inisiatif berbasikal ini untuk *Family Ride* untuk kesihatan atau untuk *sport* atau untuk pengangkutan sekarang adalah satu trend di mana berbasikal itu menjadi satu *tourism*. Adalah satu idea baharu yang baik untuk mempertingkatkan ekonomi pelancongan. Ini adalah satu *trend* baharu di mana Negeri kita boleh menjadikan ia satu *trend* untuk pelancongan di mana pelancongan kita dapat dipertingkatkan dengan *bike tourism*. Ini bukan satu pelancongan baharu di Negara lain tetapi ia memang satu pelancongan baik, produk yang baik untuk Negeri kita ini.

Oleh sebab itu saya fikir Negeri kita sudah mengarahkan dua (2) PBT untuk menjalankan kajian supaya *bicycle track* diadakan dan cadangan projek itu memang sangat perlu dijalankan untuk mempertingkatkan keselamatan pengguna-pengguna di jalan raya oleh basikal. Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal di Pulau Burong, walaupun diurus dengan lebih berkesan walaupun Kerajaan Negeri telah melantik syarikat PLB dengan kontrak selama 20 tahun. Saya berpendapat bahawa selain daripada pengurusan sisa pepejal ini Kerajaan Negeri harus juga mengadakan satu sistem untuk *recovery items*, yang boleh dikitar semulakan di bawah satu sistem yang diberi nama *Waste diversion System* ...(dengan izinnya). Di mana di dalam sistem ini, item-item

sampah yang boleh di kitar semula diitemkan dengan sistem ini membuktikan ia akan mencapainya kadar kitar semula 40% sehingga 80%, ini telah terbukti di Negara Canada, Ontario di mana mereka juga telah menggubalkan satu enakmen iaitu *Waste Diversion Act item*, di mana *recycle item* ini dijadualkan supaya semua institusi perumahan, kilang juga dikawal dalam akta ini dan *item-item* yang sudah dikutipkan distatiskan supaya satu statistik yang betul benar-benar dapat dikawal dapat dikajikan bahawa kadar kitar semula dapat dikawal *landfield* yang sedia ada ini akan dipanjangkan umur penggunaan tahunnya. Jadi ini adalah satu sistem yang kita baru beri betul-betul membuat kaji dan jalankan dengan menggubalkan enakmen itu. Dalam sistem ini memang ada kotak-kotak atau bin yang tertentu digunakan untuk kitar semula barang-barang yang dipilihkan atau di *itemized* kan untuk digunakan misalnya botol plastik, iaitu botol air mineral, kertas, kaca, tin-tin logam dan aluminium.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga tertarik oleh penubuhan *Penang Woman Development Cooperation* (PWDC), yang ditubuhkan pada tahun 2011 untuk menunjukkan komitmen dan keutamaan Kerajaan untuk memperkasakan peranan wanita dalam masyarakat. Jadi saya di sini juga ingin menyeru pihak berkenaan juga memberi tumpuan kepada isu Mak Nyah yang masih belum diselesaikan dan diberi perhatian. Ini bukan adalah isu baharu, ini adalah isu sosial di mana hak asasi manusia sebagai seorang *gender* juga harus diberikan perhatian.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Tanjong Bunga saya hendak tangguhkan persidangan ini dan kita mula semula selepas sidang Dewan disambung pada pukul 4:50 petang... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer Al Rajaji):

Saya ada soalan mengenai isu Mak Nyah, nanti....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Kita berhenti di sini.

Dewan ditangguhkan pada jam 4:30 petang

Dewan mula bersidang pada jam 5:00 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Timbalan Speaker masuk ke Dewan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Okey, Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta laluan. Terima kasih Y.B. Tanjong Bunga subjek terakhir yang dibahas oleh Y.B. Tanjong Bunga tadi adalah berkenaan dengan Mak Nyah, saya pernah dengar Yang Berhormat mengguna istilah *transgender*. *Now*, pertamanya Yang Berhormat telah berbahas berkenaan dengan *Woman's Development Corporation*. *Now*, sebelum ini dalam sidang-sidang DUN yang lepas, Y.B. telah pun berbahas tentang berbagai topik berkenaan dengan *transgender* dan saya percaya ketika itu untuk memastikan hak-hak mereka terlindung. Soalan saya kepada Yang Berhormat, sejak kebelakangan ini terdapat satu, banyak atau banyak salah faham, salah anggap tentang *LGBT short form Lesbians, Gay, Bisexual* dan *Transsexual....* (dengan izin).

Now, pendapat saya, secara peribadi memang banyak yang di Pulau Pinang terdiri daripada kumpulan ini, dan sebagai Kerajaan walaupun terdapat macam-macam kenyataan dikeluarkan, mengkritik mereka, tanggungjawab memberi perlindungan, dan kepekaan Kerajaan kepada kepentingan mereka juga tidak boleh diabaikan. Persoalan saya bagaimanakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa kita boleh mencapai satu kata sepakat, *meet midway* ...(dengan izin) Y.B. Dato' Timbalan Speaker, di mana kedua-dua perkara ini harus diberi pertimbangan. Kerana pada satu, di tahap nasional kita lihat bahawa sokongan terhadap Pakatan Rakyat juga menerima tempelak disebabkan persepsi bahawa kita menyokong *LGBT*. Pada masa yang sama saya juga prihatin dan juga memahami pendirian Yang Berhormat sendiri bahawa kumpulan ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja.

Jadi macam mana kita ingin mencapai satu *mid-span* ...(dengan izin) satu-satu cara di mana kedua-dua perkara ini boleh diatasi dan hak mereka dijamin pada masa yang sama. Dalam masa yang sama kita juga perlu faham kedudukan undang-undang di mana dalam undang-undang Negara, walaupun seseorang itu menjalani pembedahan di mana beliau menukar jantina, di sisi undang-undang beliau dikenali sebagai seorang lelaki atau pun wanita berdasarkan kepada jantina beliau sewaktu beliau dilahirkan. Dan perkara ini adalah perkara yang saya rasa kita perlu selalu fikirkan, apabila kita berbincang tentang isu *transgender* dan Mak Nyah....(dengan izin) adakah soalan saya

terakhir adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa kita menubuhkan satu institusi khusus bagi menjaga kepentingan pihak-pihak *transgender* atau Mak Nyah.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B Seri Delima. Terima kasih mengambil prihatin tentang isu Mak Nyah dan LGBT, LGBT biasanya ada satu (1) konsep perhubungan antara manusia dengan manusia, tidak kira jantina. Yang kita nak tegaskan di sini adalah *gender*, *gender* iaitu di mana seseorang itu, dia sudah menjadi *transgender*, *transfer* dari satu *gender* ke satu, terutamanya dari lelaki ke perempuan. Ini adalah satu *facts*, isu sosial di mana kita tak dapat nafikan selama ini. Ia juga *exist* sebelum *circular* FATWA 80-an. Jadi isu ini, tiada isu sosial dan di sini kita nak bincangkan isu sosial, di mana satu juga hak asasi manusia harus dipelihara, di mana kebebasan untuk memilih dan di mana juga Mak Nyah ini bukan sahaja isu di Negeri kita atau Negara kita. Ini adalah satu isu *international* sedunia.

Kita selalu dalam hidupan kita akan juga menghadapi *transgender* sebegini, di mana akan memberikan kekeliruan dan juga diskriminasi selalu diadakan antara kita, sebab kita tak faham tentang kewujudan Mak Nyah atau Pak Nyah, di mana *scientific proof* dengan *DNA proof* juga ada membuktikan bahawa ini bukan dipengaruhi kemudian. Dengan itu, sedikit sebanyak konsep keperluan Mak Nyah dan di sini harap selama dua (2) dan tiga (3) tahun ini, memohon supaya satu jawatankuasa ditubuhkan supaya jawatankuasa ini boleh mengkaji, mengumpul data-data dan juga memberi sokongan dan juga pendidikan dari segi *medical* dan juga dari segi sosial dan juga dari segi perlembagaan dan peruntukan kepada komuniti ini supaya mereka boleh hidup saksama dengan yang lain dan tidak lagi diganggu atas mereka. Mereka juga boleh hidup sebagai seorang manusia yang biasa dengan jantina yang dipilihkan.

Ada satu masa di mana saya diberitahukan, satu pandangan yang tidak cukup sedap bahawa dikatakan Mak Nyah atau Pak Nyah bukan manusia. Jadi pandangan ini memang sangat-sangat salah. Mereka ini benar-benar di depan kita sebagai seorang manusia. Bagaimana digelar bukan manusia, dan kita cuma tak mahu menghadapi apa yang ada di depan kita yang benar-benar ada di depan kita. Jadi walaupun menghadapi tentangan selama beberapa tahun ini, saya fikir ini adalah satu tanggungjawab sebagai seorang wakil rakyat juga untuk mempertahankan hak asasi manusia. Mungkin minoriti tetapi jangan lupa nampaknya minoriti tetapi kalau dikira antara dua (2) *gender*, dia adalah di antara *spectrum genderism* ini mungkin 1/3, 1/3, 1/3. Jadi saya harap Kerajaan, pada masa depan dengan minda yang terbuka boleh *consider* lah permohonan saya ini supaya menubuhkan jawatankuasa ini untuk menjalankan tugas-tugas yang ditentukan. Jangan kita tuduhkan sesuatu komuniti yang menyebabkan

isu sosial sebaliknya kita tidak memberi mereka peluang untuk menjalankan atau kehidupan dengan lebih bebas dan saksama. Itu yang penting saya fikir sebagai satu negeri pentadbiran yang baru, yang berminda terbuka kita harus menubuhkan jawatankuasa itu untuk menjaga keperluan hak asasi mereka. Itu sahaja yang dimintakan. *Right*. Jadi saya harap ini boleh jadikan satu perkara yang benar pada masa depan. Satu lagi saya nak juga, sebelum saya akhiri saya hendak juga memperingati PBT bahawa selain daripada sisa pepejal yang biasa sebelum saya terlupa bahawa satu lagi sisa pepejal di mana kita harus juga mengambil perhatian iaitu sisa pepejal *pharmaceutical* atau sisa pepejal perubatan daripada hospital-hospital atau klinik-klinik di mana kita sedang menggalakkan pelancongan perubatan dengan bertambahnya hospital-hospital baru sisa-sisa dari hospital itu akan menjadi satu *bio-hazard* ...(dengan izinnya), di mana kita semua mungkin tidak faham macam mana hendak menangani sisa pepejal ini dengan baik kalau tidak alam sekitar kita memang akan dicemari juga dengan virus-virus yang kita tidak tahu akan mungkin merebak di mana-mana sahaja.

Akhir sekali, saya juga memberikan satu contoh bahawa di Negeri China penduduk kilang baru PX iaitu satu kilang kimia macam Lynas yang boleh membawa pencemaran ke alam sekitar telah di tolak atas bantahan kuat daripada penduduk-penduduk sekitar bandar-bandar di Negeri China seperti pada tahun 2007 penduduk-penduduk Xiamen telah menolak satu kilang baru iaitu PX satu kilang kimia dan 2008 lebih kurang di talian juga menolak kilang baru PX itu juga dan baru-baru saja kilang PX ini hendak berpindah ke Ningbo juga di China dan juga menghadapi bantahan yang kuat daripada penduduk-penduduk sekitar dan bandar itu. Difahamkan berkemungkinan kilang baru PX kimia itu akan di tolak juga. Jadi kilang yang membawa pencemaran alam sekitar dan mengancam kesihatan orang ramai seperti Lynas juga patut di tolak atas pembantahan orang ramai. Itu juga termasuk logi *rector nuclear* di negara kita. Saya juga sokong agenda ekonomi saksama yang dibentangkan dengan tiga angka yang tiga langkah itu iaitu bersaing insentif yang disasarkan dan mengurangkan. Ini adalah juga dapat mencapai satu Negeri yang hijau yang disasarkan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, dengan itu saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana berpeluang untuk menyertai dalam sesi perbahasan bagi Bajet Negeri Pulau Pinang 2013 yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh isu kes berkenaan tapak yang bersebelahan PPR Taman Manggis iaitu juga soalan lisan 14 saya. Saya ada tanya perkara ini. Berapa bulan yang lalu sampai sekarang masih tidak berhenti-henti Barisan Nasional mereka kata hendak hasrat mereka untuk membeli tanah tersebut untuk pembangunan rumah kos rendah. Mereka yang kononnya ingin memajukan tanah tersebut seolah-olah telah lupa bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, projek rumah PPR Taman Manggis ini dibina selaras Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Namun tanah yang seluas 1.1 ekar tersebut telah dibiarkan kosong sejak tahun 2003. Barisan Nasional yang kononnya ingin berlagak seperti pihak pemaju bukan sahaja menguar-uarkan cerita ini di media tempatan malah dengan angkuhnya membawa wang bernilai RM224,073 dalam bentuk tunai siap dengan mesin mengira kertas wang lagi pada 3 Oktober bulan yang lepas. Saya berasa amat hairan berkenaan dengan isu ini. Kenapa ketika Barisan Nasional memerintah Pulau Pinang, Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan sesen pun untuk tujuan pembangunan projek perumahan mampu milik bukannya Barisan Nasional adalah lebih baik jika mereka dapat mengeluarkan wang yang begitu banyak jika mereka dikekalkan sebagai pihak pembangkang. Namun peristiwa yang amat mengecewakan adalah pihak Barisan Nasional telah gagal untuk menepati syarat yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setelah lebih daripada 82 hari sejak Barisan Nasional mengemukakan hasrat untuk membeli tanah tersebut. Mereka telah gagal membayar jumlah yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, inilah satu contoh yang amat baik bahawa janji sekali lagi telah dicapati.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, adalah amat besar perbezaannya di antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat bukan sahaja memperuntukkan kawasan melebihi keluasan 200 ekar di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi tujuan projek pembangunan perumahan malah telah melantik...(dengan izinnya) *Housing Board of Singapore* iaitu pembina rumah mampu milik yang terbaik bagi memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang dapat menikmati projek perumahan yang selesa dan mampu dimiliki. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan inisiatifnya bertekad untuk membantu golongan berpendapatan rendah, walau mereka tidak kaya-raya mereka tetap berhak untuk menikmati keadaan hidup yang baik dan bermaruah. Kenapa ini tidak pernah dipertimbangkan oleh pihak Barisan Nasional, jika mereka sekadar mengharapkan rakyat mengenang budi. Budi apa yang patut dikenangi rakyat tidak berhutang kepada Barisan Nasional.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, selalu kita pun tahu daripada surat khabar, daripada rakyat, mereka beritahu Barisan Nasional bagi RM500.00 mereka keluar (BN), keluar ucap pergi ke kawasan saya mereka (BN) pergi Bukit

Dumbar tambah ucap bagi RM500.00 kena terima kasih kepada mereka (BN). Mesti mahu tahu terima kasih kepada mereka bagi RM500.00, tapi mereka sudah lupa kalau Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang tidak bagi RM100.00 macam mana mereka boleh bagi RM500.00. Kena terima kasih siapa.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang satu situasi di Muara Sungai Pinang. Jabatan Pengairan dan Saliran telah memulakan kerja mengorek selut dari muara Sungai Pinang hingga ke Jejambat JEWay pada dua bulan yang lalu mereka sudah mula. Jarak bagi kerja mengorek tersebut adalah lebih kurang 1 kilometer, namun pengendalian kerja mengorek tersebut oleh kontraktor JPS adalah amat mengecewakan. Selut-selut yang dikorek itu dibiarkan sahaja di tebing sungai tanpa dikendali dengan berkesan. Akhirnya, tumbuh-tumbuhan di persekitaran tebing Sungai Pinang seperti pokok bakau, *mangrove tree* telah terjejas ditimbun oleh selut-selut yang mereka korek itu.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, di tebing Sungai Pinang saya sebut kawasan itu memang dia ada batu-batu besar tersusun dengan cantiknya, *then* selalu ada banyak orang boleh turun pergi ke batu besar yang cantik itu dan jalan di sana, tapi sekarang di tutup oleh selut-selut. Oleh itu, saya rasa sangat sakit hati. Ekosistem di persekitaran tebing sungai ini telah terjejas dengan serius, bukan sahaja tumbuh-tumbuhan ini dimusnahkan. Selut-selut yang dibiarkan sahaja akan mengalir ke dasar sungai ketika air laut pasang. Ketika air laut pasang selut ataupun bila cuaca hujan ia pun akan balik, *that means* korek selut taruh di tebing sungai bila air laut pasang dia turun balik atau hujan turun dia pun turun balik *I mean* korek selut itu. Oleh itu saya terima banyak aduan daripada NGO dan penduduk-penduduk di kawasan seperti *Summer Place*, Pinang Court dan Desa Pinang. Selepas saya buat sidang akhbar pada Oktober atas isu ini, Barisan Nasional telah mengancam dan memfitnah bahawa Kerajaan Negeri telah melantik kontraktor yang tidak sah dan tidak sesuai untuk menjalankan kerja-kerja mengorek selut ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta maaf Yang Berhormat. Berkenaan balik kepada isu tadi berkenaan wang yang kononnya ingin dibayar bagi pembelian tanah. Walaupun topik subjek tersebut telah pun lalu dan Yang Berhormat telah pun berdebat atas isu tersebut. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu perkara yang lebih kurang sama berlaku iaitu ketika kita sedang bergolak dengan isu Kampung Buah Pala di kawasan saya. Di mana pada tahun 2009, ketika Kerajaan Negeri Pulau Pinang cuba menggesa dan menyeru penduduk di situ untuk menandatangani sesuatu perjanjian di mana mereka akan diberi pampasan rumah dua tingkat, tiba-tiba datangnya anasir-anasir, saya tak mahu gunakan perkataan syaitan, tetapi makhluk-makhluk dari MIC mengatakan

bahawa tanah itu akan diberi balik dengan jumlah RM3 juta ataupun RM30 juta ketika itu. Ini jelas menunjukkan apa yang berlaku sekarang adalah suatu sandiwara menjelang pilihan raya. Kerana ketika tanah itu diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebelum 2008.

Ahli-ahli Majlis yang menyandang dalam jawatan *one stop centre* saya namakan mereka ini Mahalingam daripada MIC, dan Nyanasegaran dari MIC telah meluluskan pelan untuk mendirikan pangsapuri mewah di kawasan lereng bukit di Kampung Buah Pala. Tetapi bila Kerajaan Negeri baru mengambil alih dan cuba menyelesaikan masalah penduduk India di kawasan itu, tiba-tiba syaitan besar dari MIC, Samy Vellu, syaitan besar saya katakan, kerana dia telah memperdayakan orang-orang India dengan mengatakan Kerajaan parti MIC akan membeli balik tanah itu dengan jumlah bayaran sebanyak RM3 juta atau RM30 juta. Tetapi wang itu walaupun sudah diberi masa selama tiga (3) bulan, tidak kedatangan.

Kita lihat balik kepada isu ini, saya rasa rakyat Pulau Pinang harus mengetahui sandiwara yang dimainkan oleh Barisan Nasional ini yang selalunya cuba mendapatkan *media attention*...(dengan izin), untuk mendapatkan perhatian media massa kononnya mereka prihatin, kononnya mereka ini prihatin dan mengambil berat tentang rakyat yang menghadapi masalah perumahannya dan sebagainya. Tadi kita dengar Yang Berhormat daripada Tanjung Bunga menyuarakan tentang masalah-masalah yang membelenggu orang-orang Melayu di kampung tradisi di kawasan beliau. Mana pergi UMNO ketika itu? 13, 14 orang di Dewan. Tak pernah perkara ini dipersoalkan, begitu juga MIC di Kampung Buah Pala. Jadi saya rasa balik kepada isu ini cukuplah Yang Berhormat. Kita tahu bahawa kalau bercakap tentang komitmen menjaga rakyat, membina rakyat, PR sahaja yang boleh. UMNO, MIC ini saya muak, buang masa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih kepada Ahli dari Seri Delima. Boleh saya balik kepada selut, bukan saya punya selut. Saya ingin mendapatkan maklumat tentang kontraktor yang bertugas di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran ini. Adakah benar kontraktor ini tidak sah. Jika tidak sah, siapakah yang melantik kontraktor tersebut. Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Saya mahu tahu kerana Barisan Nasional sudah nampak surat khabar sedikit, mereka sudah hentam. Ini Y.B. Sungai Pinang tanya sendiri Kerajaan Negeri mengapa melantik satu kontraktor yang tidak sah. Oleh itu, Y.B. Dato' Timbalan Speaker, kita tahu Barisan Nasional hanya tahu memainkan politik sahaja kerana pilihan raya mahu sampai, mereka yang sudah tidur empat (4) tahun di Kuala Lumpur baru balik pun ada. Surat khabar pun ada keluar, baru mahu jadi *super hero*.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas inisiatif Kerajaan Negeri dalam pengiktirafan jasa baik penjawat-penjawat awam Negeri Pulau Pinang, selaras dengan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seperti mana yang termaktub di dalam laporan Ketua Audit Negara yang dikemukakan selepas pembentangan perbelanjaan Persekutuan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, tetapi takut untuk berbahas dengan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, selaku Ketua Pembangkang Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencapai keputusan yang cemerlang dan ini diiktiraf oleh Ketua Audit Negara. Pengorbanan penjawat-penjawat awam ini sememangnya menyumbang kepada pencapaian cemerlang ini.

Bagi tahun yang akan datang, insentif kewangan bagi jabatan dan agensi yang mengekalkan prestasi cemerlang akan ditambahkan lagi dari RM10,000.00 yang sedia ada ke RM15,000.00. Saya berharap agar dengan dorongan dan gerakan yang memberangsangkan ini, penjawat-penjawat awam di Negeri Pulau Pinang dapat menjalankan tugas mereka di Negeri Pulau Pinang dengan berkesan dan dapat bersama-sama mencatat keputusan yang lebih baik lagi pada tahun yang akan datang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, wanita juga merupakan penyumbang yang amat penting, khasnya terhadap sektor ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pakatan Rakyat yang prihatin telah mewajibkan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang atau pun *Penang Woman Development Corporation* (PWDC) sebagai sebuah platform khas untuk membantu wanita. Namun saya berasa sangat kecewa dengan kenyataan PM di mana beliau berasa tidak memerlukan pergerakan bagi hak wanita. Selaku Menteri Wanita juga, Y.A.B. Perdana Menteri berasa tidak kekal dengan keperluan kaum wanita, khasnya dari segi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tertarik dengan subjek ini, minta penjelasan. Mungkin Yang Berhormat boleh jelaskan apakah keupayaan yang ada pada Y.A.B. Perdana Menteri yang membolehkan beliau menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal Wanita atau pun kita gunakan dalam Bahasa Inggeris *qualification outstanding* yang membolehkan beliau, tidak ada kena mengena dengan kes Altantuya, tetapi isu ini boleh memberi penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Kita memang tahu wanita memang ada wanita punya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf ini, saya tanya penjelasan apakah keupayaan luar biasa pada Y.A.B. Perdana Menteri yang memberi beliau menjawat jawatan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Kerana kita tahu wanita punya masalah memang kita sebagai jantan, Y.A.B. Perdana Menteri, dia pun lelaki tak tahu macam mana *this*.... (gangguan), oleh itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta tarik balik jantan itu, tak boleh, di Menteri, menyindir perkataan itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Minta penjelasan. Saya hairanlah inilah mutu perbahasan yang ditunjukkan oleh *backbenchers*. Bukannya ditumpu kepada masalah pokok, tetapi sentiasa menyindir-yindirkan seseorang itu, bersesuaianlah dengan apa yang Air Putih mengatakan, iaitu AES adalah Agenda Ejekan Sesama *backbencher*, merekalah semua, janganlah kita memperkecilkan keupayaan seseorang, kerana PM walaupun menjadi Menteri Pembangunan Wanita sebagainya, tetapi penasihatnya mempunyai semua. Ramai wanita-wanita dari berbagai komponen Barisan Nasional. Tak kiralah siapa pun, kalau isteri daripada Ahli Kawasan Batu Maung yang boleh memberikan idea-idea kepada Y.B. Batu Maung untuk menyatakan sesuatu, membuat sesuatu, kadangkala sentuhan isteri itu juga boleh memberikan pandangan yang bernas. Kita terima, kita kena menghormati termasuk isteri dan anak perempuan kita. Jadi janganlah tunjukkan mutu perbahasan yang begitu rendah di kalangan *backbenchers*.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Y.B. Sungai Pinang. Mungkin Y.B. Seberang Jaya boleh menjelaskan soalan pertama saya, apakah keupayaan yang begitu luar biasa pada Y.A.B. Perdana Menteri kita yang melayakkan beliau menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal Wanita berbanding dengan banyak lagi wanita yang berkaliber dalam kabinet. Boleh Yang Berhormat bantu tak, kita mantapkan lagi mutu perbahasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Saya nak tanya kepada Y.B. Seri Delima. Apakah yang membuatkan supaya penyelenggaraan-penyelenggaraan rumah-rumah bertingkat yang saya minta berapa lama dahulu untuk yang bukan milik Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan. Apa dia? lalah kuasa kelulusan peruntukan. Jadi Y.A.B Perdana Menteri memegang portfolio Pembangunan Wanita, maka lebih mudahlah diperluluskan peruntukan tersebut. Dengan penasihat-penasihat daripada cerdik pandai intelektual wanita. Itulah kelayakan kerana dia mempunyai keupayaan kelulusan yang lebih pantas, maka agenda perjuangan untuk wanita akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima, sila beri Ahli Kawasan Sungai Pinang teruskan perbahasannya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu lagi, adakah ini bermaksud Y.B. Seberang Jaya bahawa tidak ada wanita yang berkelayakan....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Seri Delima, jika ingin meminta penjelasan, minta kepada Y.B. Sungai Pinang. Ini bukan *floor* Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Adakah Y.B. Sungai Pinang setuju bahawa tidak ada wanita yang berkelayakan dalam Barisan Nasional untuk menjawat jawatan itu? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Sebelum itu, minta laluan. Saya ingat Ahli dari Sungai Pinang pun tidak boleh jawab. Ini semua Parlimen punya hal, *Parliament level*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Mengapa Ahli Seberang Jaya kata saya tak boleh jawab....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ini hal Parlimen mana boleh.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Teruskan, teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Mungkin Y.B. Seri Delima mungkin Perdana Menteri kita kurang rasuah, dan bekas Menteri mungkin ada banyak rasuah, mungkin skandal besar adalah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Di dalam amalan demokrasi, *a person is innocent unless proven guilty* tetapi di dalam amalan-amalan komunisme, *a person is guilty unless proven innocent*. Maknanya Y.B. dari Sungai Pinang telah menjatuhkan hukum ke atas sesuatu keputusan mahkamah yang belum dijatuhkan hukuman ke atas sebarang keputusan rasuah berlaku dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Mungkin sahaja, saya kata mungkin. Di Dewan kita boleh bangkitkan. Mengapa nak tukar topik lain. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, wanita sememangnya memainkan peranan penting namun banyak isu khususnya hal dan kebebasan mereka sering kali ditindas dan tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Saya ingin mencadang bahawa PWDC dapat mengambil langkah yang lebih proaktif untuk menangani isu tersebut. Dengan latihan dan kursus yang dijalankan sekarang saya berasa PWDC juga boleh menganjurkan program yang melibatkan kaum lelaki, khususnya dari segi kesedaran tentang hak-hak kaum wanita.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PWDC di mana baru-baru ini mereka telah mengadakan satu program di flat PPR Jalan Sungai. Program ini sedikit sebanyak telah menyedarkan penduduk di situ tentang betapa pentingnya kebersihan dan keselamatan. Menyedarkan mereka tentang kesedaran sivik kerana pernah terjadi sebelum ini satu kes di mana seorang pemandu kereta teksi sapu mati disebabkan sebiji batu yang terjatuh dari tingkat atas flat PPR Jalan Sungai. Ini semua dapat dielakkan sekiranya kita ada kesedaran sivik.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker juga saya nak cadang PWDC kalau saya harap PWDC boleh bantu untuk setiap komuniti setiap kawasan seperti di KADUN saya. Oleh itu tubuh pusat jagaan kanak-kanak dan ibu mereka boleh terus bekerja dan boleh dapat lebih *income*. Dia punya pendapatan untuk bantu dia punya keluarga memang kawasan saya di rumah PPR Jalan Sungai ada

banyak keluarga miskin. Mereka tinggal di sana. Kalau boleh tubuh pusat penjagaan kanak-kanak di flat PPR Jalan Sungai mereka boleh ada orang jaga anak mereka boleh keluar. Ibu mereka boleh pergi atau orang punya isteri pun boleh pergi kerjalah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin membangkitkan satu iaitu *Penang Badminton Academic* bernilai RM4 juta yang akan dibangunkan di Kampung Buah Pala, tadi Seri Delima kata itu tanah yang. Ini hasil sumbangan dari Yayasan ECM Libra ini memang dia satu badminton akademi. Kita punya budak sekolah, dia dari sekolah rendah mungkin dia akademik boleh pergi ke sekolah, pilih mana murid yang lebih bagus bermain badminton masuk ke akademik. Kita pun tahu *Penang is a power house* bagi sukan punya atlet dari Penang punya seperti Dato' Lee Chong Wei, Dato' Nicol Ann David dan ramai lagi. Ini badminton sukan boleh diberi untuk kita punya generasi baru mereka boleh dapat main sukan, mereka pun kurang pergi *internet cafe*, saya bukan cakap *internet cafe* tak bagus kita pun faham masuk ke dalam kerana mereka nak main dalam sana mungkin ada banyak itu judi dan apa barang lagi. Yang banyak masuk mesti dia *because of that* dia masuk *internet cafe* kalau ada sukan. Dulu bila saya muda, generasi saya memang tidak ada *internet cafe*. Lepas sekolah kita *we will play* main bola sepak di padangkah di tapak bola keranjang kita pun main bola sepak taruh satu *goal post* kecil, kita tendang-tendang. Memang kita pun faham Kerajaan Negeri pun ada peruntukan untuk membina futsal. Memang ini futsal ada untuk bagi membina gelanggang futsal ini memang juga baik untuk masyarakat komuniti di semua KADUN. Kita harap ini futsal sama ini, sukan semua Ahli-ahli Berhormat dalam Dewan yang mulia ini boleh sokong ini sukan. Saya selalu pergi ke SUKMA, saya selalu nampak lain-lain Negeri punya atlet mereka lebih yang ada lebih bagus daripada Negeri kita tetapi kita pun tahu kita pun dalam meningkat.

Last satu isu berkenaan dengan pagi tadi. Ahli Telok Bahang ada kata membuat aduan kutipan *parking* yang mana masa kutipannya terlalu diperpanjangkan sehingga ke pukul 12.00 tengah malam. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan yang mulia salah satu sebab mengapa tempohnya diperpanjangkan kerana hendak mengelakkan dari kutipan *parking* yang haram kutipan yang sedang berleluasa. Saya ada bertemu dengan banyak pemandu kenderaan mereka kata kutipan parking haram ini memang mereka tak mahu. Kalau kawasan ada *parking* meter ataupun ada kutip *parking* kutipan haram, memang mereka tak boleh pergi sana kutip. *If* kalau kawasan itu yang ada kutipan, you punya masa tamat pada pukul 6.00 lepas itu kutipan haram masuklah. Masuk kutip *parking* kereta adalah RM2, ada yang dia kata you selalu *park* masa panjang kena RM8.00, RM10.00. Saya pernah bersama saya punya kawan pergi ke satu tempat dan saya punya kawan selalu *park* di sana dan kena bayar sampai RM8.00, RM10.00 pun dia kena. Kutipan kita pun tahu MPPP punya *parking* kutipan setengah jam hanya 0.40 sen di bandar dan lebih jauh sedikit daripada bandar 0.30 sen...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan berkenaan dengan saman MPPP saya telah bawa ke sidang Dewan sebelum ini dan sebelum itu. Saya berkongsi pendapat bahawa berkenaan denda RM50.00 bagi ...(dengan izin). Y.B. Dato' Timbalan Speaker *car clamping* oleh pihak MPPP itu terlalu keterlaluan. RM50.00 untuk mereka mengeluarkan kunci keterlaluan dan saya telah membawa perhatian kepada Ahli-ahli Berhormat sebelum 2008 amalan ini tidak diamalkan dan kita mengamalkannya siapa yang menanggung akibat tindakan-tindakan penguatkuasaan oleh MPPP Kerajaan kita.

Kalau saya adalah warga emas dan saya membawa kenderaan itu pergi membeli barang-barang runcit di tempat berdekatan dan usia saya 80 tahun tak dapat parking di kawasan berdekatan dan letak seketika untuk pergi beli barang-barang runcit dan kereta dikunci tayar dan perlu bayar RM50.00. Saya menjemput Yang Berhormat untuk memberi ulasan perkara ini dan sebagai *backbenchers*, saya memang tak bersetuju, dan tindakan penguatkuasaan ini yang diambil sepatutnya lebih berhemah lagi, kalau kenderaan luar Negeri dan mereka sahaja meletakkan kenderaan tersebut dan menyebabkan kesesakan lalu lintas mungkin tindakan perlu diambil. Jika kita melihat mereka adalah Warga Emas ataupun seorang ibu tunggal, keadaan di mana anak-anaknya dalam kenderaan dan beliau keluar dari kenderaan keluar untuk pergi bawa barang-barang runcit dan kita lihat, kita perlu menyatakan perkara ini penguatkuasa MPPP tidak kelihatan pada masa itu, mereka seolah mereka bersembunyi, tiba-tiba menjelma dan mengunci di tayar perkara ini perlu diambil perhatian. Berkenaan dengan *charge* RM50.00 ini adalah keterlaluan. Banyak sangat RM50 banyak sangat dan saya minta supaya mungkin Yang Berhormat Padang Kota memberi perhatian perkara ini semasa memberi ulasan kerana reaksi seluruh daripada pelusuk Warga Negeri Pulau Pinang tidak menerima baik tindakan penguatkuasaan selalu ada aduan. Tindakan tak pernah dibuat pada sebelum 2008 mengapa sekarang dibuat, tak bolehkah kita hanya mengeluarkan kompaun sahaja kepada kenderaan-kenderaan tersebut.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Soalan ini kita minta penjelasan dari Ahli Kawasan Sungai Pinang. Kita beri EXCO Kerajaan Tempatan menjawabnya. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Saya juga sentuh berkenaan dengan *clamping*. Pada dua (2) minggu yang lalu di satu kawasan saya berdiri di tepi jalan dan saya nampak satu ahli dari satu parti Barisan Nasional dia bising, dia kata MPPP punya pegawai lepas *clamp*, ada kata kalau mahu saman RM50.00 tak mahu saman bayar RM20.00.

Dia bising dari sebelah sana berdiri saya diri dari sana saya nampak, kemudian saya terus pergi tanya dia ada buktikah? Ada, buktikan, tak ada bukti mengapa awak bising di tepi jalan jangan. Saya pun tahu *you* siapa *you* jangan bising-bising di tepi jalan, kemudian dia senyap dan diam-diam. Semua orang kata kerana kalau saya tak ada, banyak pengguna jalan mereka tahu. Kalau tak ada *clamping* setengah jalan *double parking triple parking* sampai *parking* sampai dua (2) hala jadi. Satu kereta pun tak boleh lalu. Oleh itu saya harap ini *clamping* mungkin kita boleh cari satu jalan yang sesuai. Macam mana dia pun kena saman kan atau macam mana *or anything* kalau dia mahu dia punya terus bagi saman itu senang, terus bagi serupa satu kad atau satu *direct sale* punya kad atau barang terus letak di kereta. *You must put something*, tukar dia punya *method* sahaja. Oleh itu orang tak mahu punya masalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya setuju dengan tindakan *clamping* bukan saya kata kita perlu memberhentikan tindakan itu serta merta kesemuanya, apa yang saya katakan adalah gunakan cara yang lebih berhemah, seperti sekarang sebelum *clamping* dikenakan *wisel* dibunyikan bayangkan waktu hujan macam di luar sekarang adakah orang yang meletakkan kenderaan itu, kalau masuk ke kedai runcit boleh dengar *wisel* yang dibunyikan oleh ahli-ahli penguatkuasaan MPPP, tak boleh, gunakan cara lain, gunakan *horn* atau cara ataupun *hailer*, itu adalah cara yang lebih berhemah, jika dibuat panggilan tiga (3), empat (4) kali, tuan punya kenderaan itu, tak hiraukan kenderaan tersebut, ambil tindakan, tapi sekarang apa yang kita ada selalunya, apabila *wisel* dibunyikan tetapi tak dengar. Kita harus mungkin Ahli-Ahli Majlis yang ada di Dewan, boleh perhalusi tindakan penguatkuasaan, duduk berbincang cara penguatkuasaan yang lain kerana dia memang tidak diterima baik oleh rakyat Pulau Pinang, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih Ahli Seri Delima, *clamping* memang kita tahu dulu punya Kerajaan takut untuk menjalankan ataupun mahu cuba pun takut. Oleh itu Kerajaan kita memang mulakan cuba macam mana, mesti hadapi banyak masalah dan saya harap pegawai yang mereka pergi *clamping*, saya pun terima aduan daripada orang awam di kawasan, dia bagitahu pegawai dia punya kenderaan sendiri *parking* di *no parking* punya tempat, *you want to clamp people*, *you* mahu *clamp* orang punya kereta, roda tapi *you* punya kenderaan jangan *parking* di *no parking* punya tempat. Garis kuning punya tempat *also no parking* punya tempat *you* sendiri turun mai *clamp* dan saya ada hubungi pegawai MPPP juga dan mereka kata mereka keluar, kena ada satu orang duduk dalam van, jadi pemandu iaitu dia punya kereta saya. Harap perkara ini yang saya bangkit boleh diambil perhatian dan dipertimbangkan. *Before I end ...*(ganguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, tahu atau tidak bahawa baru-baru ini seorang wanita telah dituduh di mahkamah di atas tuduhan mencuri roda tersebut dan rungutan beliau mula difahamkan, memang ketika kekunci itu sedang dipasang, ia tidak dipasang dengan betul, dan kononnya beliau memang telah mengeluarkan takut, risau mungkin barang itu kalau diletakkan di situ, mungkin akan diambil oleh orang lain, mungkin juga dibinasakan, telah membawa balik perkara itu, kekunci itu ke rumah dan laporan Polis telah dibuat bahawa beliau telah mencurinya. Beliau mengaku kesalahan dan bayangkan seorang yang pergi untuk membeli barang-barang runcit dengan RM100.00, akhirnya beliau dihadapkan di mahkamah dengan pertuduhan mencuri barang kepunyaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Ini adalah perkara-perkara yang saya rasa kita harus fikirkan sebelum kita teruskan dengan tindakan penguatkuasaan, kalau tidak Pakatan Rakyat yang akan menanggung kerugiannya pada Pilihan Raya 2013.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Peristiwa ini saya rasa, saya tidak sedar oleh itu, YB Dato' Timbalan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Adakah Ahli yang ingin berbahas lagi?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker, dalam selama 4½ tahun ini, sejak Pilihan Raya Ke-12 telah lihat *transformasi* Pulau Pinang dari sebuah Negeri yang kotor di mana bekas Perdana Menteri Tun Mahathir, pernah memanggil Pulau Pinang Darul Sampah. Masa itu Barisan Nasional memimpin Pulau Pinang kepada sebuah Negeri sekarang yang bersih, hijau dan sihat dan selamat. Saya ingin puji bertanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan kerana *vision* beliau untuk *transform* Pulau Pinang dalam masa yang pendek ini berbanding dengan EXCO yang dahulu. Saya fikir dari GERAKAN, yang cakap banyak tetapi dia tak buat, ..(dengan izin), *Penang now has rightfully taken its place in the world map as the eight most liveable city in Asia*. Ini adalah satu iktirafan atas usaha yang dibuat oleh Pakatan Rakyat. Kalau Pakatan Rakyat boleh membuat perubahan yang begitu hebat dalam masa pendek ini 4 1/2 tahun, saya yakin kalau Pakatan Rakyat diberi mandat untuk memerintah Pilihan Raya Ke-13 lebih banyak perubahan boleh dibuat di Pulau Pinang.

Saya juga ingin puji EXCO Kebajikan, jika kita puji EXCO-EXCO, tidak ada di Dewan, dalam masa 4½ tahun ini EXCO Kebajikan ada lapan (8) program kebajikan dan kenangan dilaksanakan untuk masyarakat Pulau Pinang program-program seperti berikut, Program Penghargaan RM100.00 Untuk Warga Emas, Program Penghargaan Ibu Tunggal, Program Bantuan Orang Kurang Upaya, Program Anak Emas Program Pelajar Emas, Bantuan IPTA Emas dan juga RM1,000.00 untuk Sumbangan Pengurusan Jenazah Waris Warga Emas. Ini dalah satu rekod dalam sejarah Pulau Pinang tidak pernah dalam pemerintahan Barisan Nasional 50 tahun mereka tidak buat macam ini, mereka tidak mimpi juga, mereka buat program-program menolong rakyat Pulau Pinang tetapi baru-baru ini mereka jerit BR1M, BR1M, BR1M itu sahaja. 50 tahun mereka tidur, *still dreaming...*(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ahli Kawasan Bagan Dalam saya cuma nak tanya apa maksud... (gangguan). Saya nak minta laluan, saya nak minta laluan bolehkah? Saya nak minta penjelasan apa makna sekali air bah, sekali pantai berubah? Apakah maksud? sekali air bah, sekali pantai berubah? Faham kah? Tak faham? Sekali bertukarnya Perdana Menteri sudah tentulah ada satu pendekatan-pendekatan yang inovasi, sebab itulah BR1M adalah ilham, bukan ilham ciplak, ilham Perdana Menteri yang baru kena tahu bijak pandainya Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dia tak ciplak langsung kena ingat itu....(gangguan). Yang dulu cara lain yang ini cara lain.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady):

Semasa Barisan Nasional memerintah Pulau Pinang, untuk mendapat pertolongan daripada Kebajikan pun sangat susah, kaum jadi satu fakta apabila mohon pertolongan kebajikan, tetapi sekarang semua yang layak tak kira bangsa, tak kira agama. Kamu layak, kamu akan dapat bantuan daripada Kebajikan. Ini adalah satu *example* yang telah dicatat oleh Pakatan Rakyat. Saya juga tertarik dengan jawapan yang diberi oleh Ahli Kawasan Air Itam dalam soalan lisan saya di mana program-program kos rendah dan rumah mampu milik akan dibina dalam masa lima (5) tahun akan datang. Dan kalau semua program ini dilaksanakan dan saya percaya, masalah perumahan di Pulau Pinang boleh sekali gus di atasi dan ini adalah satu pandangan lima (5) tahun, dan Pakatan Rakyat boleh melaksanakan perkara ini iaitu Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya hari ini kurang sihat, batuk-batuk sekarang saya tak ingin berhujah panjang-panjang. Saya dengan ini mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ada Ahli-ahli yang ingin berbahas lagi? Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam hari ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang.

Dewan mula bersidang pada jam 8.00 malam.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula. Sebelum itu saya nak tahu berapa ahli yang akan terlibat dalam perbahasan hari ini. Sila teruskan Komtar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih atas peluang bagi saya menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2013. Terlebih dahulu ingin saya menyampaikan, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Awal Muharram sebagaimana harapan diperbaharui pada saban tahun. Marilah kita sama-sama memperbaharui harapan rakyat serta memakmurkan Negara ini sempena perayaan Awal Muharam kali ini dan tidak lupa saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada rakan-rakan yang beragama Hindu.

Y.B. Dato' Speaker, dalam perbahasan kali ini ingin saya menyentuh satu isu yang hangat diperbahaskan, dibincangkan dalam beberapa bulan yang lepas iaitu isu berkenaan dengan penjualan tanah di Taman Manggis. Sehingga hari ini, walaupun tempoh sebulan telah berlepas tapi sampai sekarang wang sebanyak sejumlah RM22,000,000 masih belum dibayar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembelian tanah di Taman Manggis. Pada 2 November 2012, Ketua Pemuda BN Negeri Pulau Pinang telah menunjukkan bahawa satu *cashier's order*, *cashier's order* adalah *banker's cheque* dengan nama lainnya dengan amaun RM22 juta telah disediakan.

Mereka ingin bermaksud bahawa mereka telah berjaya mendapat dana secukupnya untuk membuat pembayaran kepada Kerajaan Negeri, akan tetapi *cashier's order* itu bukanlah dibayar kepada Kerajaan Negeri tetapi dibayar kepada Taman Manggis Fasa II Sdn. Bhd. Ini adalah satu kita berasa amat aneh sekali. Kenapa ianya dibayar kepada Taman Manggis Fasa II Sdn. Bhd.? Sebuah syarikat hantu yang tidak wujud sama sekali, kerana syarikat yang wujud adalah Taman Manggis Fasa II Development Sdn. Bhd.

Tetapi mengikut gambar ini, Taman Manggis Fasa II Sdn. Bhd. satu syarikat yang belum didaftarkan kerana namanya *development* tergugur. *Development* nama itu tergugur, tidak wujud dalam itu, tidak tercetak di atas *cashier's order* itu. Maksudnya, walaupun ada wang yang disalurkan kepada syarikat itu tapi buat pembayaran tidak perlu berlaku kerana wang itu tak boleh disalurkan ke dalam satu syarikat yang tidak wujud, dengan nama yang lain.

Jadi saya berasa amat hairan kerana jikalau wang itu tidak dapat disalurkan mungkin ia tidak dapat disalurkan kerana penyumbang itu kurangnya dalam satu syarikat yang modalnya hanya RM2.00 saja. Ini adalah satu hakikat kerana mengikut carian di SSM, Taman Manggis Fasa II Development Sdn. Bhd. adalah satu syarikat bermodalkan RM2.00 saja. Jikalau wang itu nak disalurkan mengapa dia tidak disalurkan, dibayar terus kepada Kerajaan Negeri? Jadi mungkinlah ini adalah satu cara tipu helah yang dimainkan oleh Barisan Nasional untuk mengelirukan rakyat bahawa mereka ada wang tapi Kerajaan nak menyusahkan Barisan Nasional dengan tidak menjualkan tanah kepada mereka. Tidak apalah kita tengok jikalau sampai hari ini masih belum dapat, wang itu masih tidak dapat dibayarkan, maka esok harinya kita tak dapat beri peluang kepada mereka lagi dah.

Y.B. Dato' Speaker, jelasnya tanah tersebut, kita nak jual kepada Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang melalui cara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Ini adalah sebab kerana tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri yang belum dikeluarkan sebarang hak milik. Tanah tersebut tidak boleh menjual melalui perjanjian jual beli. Walaupun kini sudah ada wang tapi wang tersebut masih enggan dibayar. Alasannya Kerajaan Negeri tidak menetapkan terma-terma dan syarat-syarat yang lain bagi penjualan tanah tersebut. Terma-terma atau syarat-syarat yang lain semuanya sudah terkandung dalam surat yang bertarikh 4 Oktober 2012 yang dialamatkan kepada Encik Teng Chang Yeow, Pengerusi BN Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Dengan izin Yang Berhormat, saya cuma nak tanya penjelasan oleh Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersedia atau pun boleh membantu Dewan ini memberitahu daripada mana datangnya sumber wang ini dan saya juga tertarik begitu saja wang itu dapat diperolehi? Sumbernya tidak didedahkan. Baru-baru ini kita juga tau tentang kejadian di mana satu jumlah yang begitu besar dikatakan telah pun menjadi dana sumbangan oleh seorang tokoh korporat daripada Sabah kepada UMNO. Kita meninggalkan perkara itu, saya tidak mahu kita sisih daripada tajuk, tapi adakah Yang Berhormat tertanya-tanya atau pun mungkin boleh memberi ulasan daripada mana diperolehi wang itu dalam tempoh masa yang begitu singkat? Dana itu diperolehi daripada mana? Bolehkah Yang Berhormat memberi ulasan?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Ahli Kawasan Seri Delima. Memang kita tak tahu siapa penyumbang wang yang begitu besar kepada Barisan Nasional, tapi tak kira apa namanya? Namanya hanya satu kroni Barisan Nasional. Mereka semua ini bernama kroni Barisan Nasional. Jadi sesiapa yang ingin menyumbang wang

yang begitu banyak pastinya ada syarat-syarat di antara mereka berdualah. Jadi kita tak pasti dan kita tak mau meneka tapi saya rasa Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang seharusnya memberitahu rakyat Negeri Pulau Pinang dari mana datangnya wang tersebut? Adakah wang ini adalah wang yang halal atau wang yang kotor? Jikalau wang yang tak halal, macam mana dibayar kepada Kerajaan Negeri? Nanti kita ada masalah nanti, kerana wang yang tidak halal, kita tak boleh gunakan, wang yang haramlah. Y.B. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta maaf Yang Berhormat, sedikit lagi. Saya nak tanya kerana kita dalam negara ini, setiap orang yang bekerja memang mengisytiharkan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jika saya ingin membeli sebuah hartanah yang jauh lebih mahal daripada yang tak mampu dibiayai oleh pendapatan saya sendiri, memang persoalannya adalah daripada mana saya memperoleh kewangan tersebut? Dalam kes ini kita lihat pemuda Barisan Nasional yang keluar dalam televisyen kelmarin, kelmarin dulu, cuba menunjukkan bahawa mereka ini mempunyai wang yang begitu banyak.

Jadi apakah sumber wang ini dan bolehkah mungkin Yang Berhormat terangkan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri yang ada di sini mungkin, Kastam dan Polis Diraja, pihak-pihak yang berwajib mengambil tindakan? Tanya mereka dari mana dapat wang ini kerana kemungkinan besar wang ini mungkin dirompak daripada tabung-tabung EPF, daripada tabung-tabung SOCSO yang kita tahu selalu berlaku? Jadi ini adalah isu yang saya rasa mungkin pihak SPRM ada di sini boleh mengambil tindakan, mempersoalkan mereka daripada mana dapat wang ini? Itu adalah perkara yang saya rasa kita juga perlu beri perhatian Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih atas cadangan daripada ahli Kawasan Seri Delima. Saya rasa lebih baik bagi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional memberitahu sendiri dari mana datangnya wang tersebut sebelum SPRM, sebelum Polis, sebelum Kastam atau sebelum Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengambil tindakan terhadapnya. Jangan ingat Kerajaan Negeri ini ada *laundering machine*. Kita bukan *laundering machine* di mana *laundering machine* adalah satu kesalahan jenayah dan kita tidak sanggup melakukan satu jenayah bersubahat dengan Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Komtar, boleh minta tanya siapa *Director* dalam Sdn. Bhd. ini dan mengapa orang biasa nak melibatkan diri dalam isu politik begini?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanjung Bunga. Mengikut carian daripada SSM, dua pengarah yang berdaftar adalah Khoo Boo Soon, Khoo Boo Soon dan Ooi Boon Siang. Khoo Boo Soon adalah bekas Pemangku Pengarah Perancangan Pembangunan MPPP, di mana kita pun hairan mengapa dia boleh dilantik sebagai salah seorang pengarah dalam syarikat tersebut? Tapi saya rasa memang kita bernasib baik kerana dia sekarang bukan lagi berkhidmat dalam MPPP. Jikalau tidak banyak lagi masalah yang akan diakibatkan perkara sabotaj yang akan dilakukan olehnya. Kita tak mahu orang yang bersekongkol dengan Barisan Nasional untuk merosakkan nama baik Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

Saya rasa kedua-dua pengarah ini juga adalah pemegang saham dalam syarikat tersebut, di mana jumlah syer yang mereka pegang hanya RM1 setiap orang saja. Satu syarikat dengan modal berbayar RM2 boleh mampu membayar tanah RM22 juta. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menunjukkan satu pelan kebenaran merancang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf Yang Berhormat, ada bukti bahawa syarikat itu adalah syarikat. Minta laluan Yang Berhormat Dato' Speaker, minta maaf Dato' Speaker, bahawa syarikat itu cuma *fill up capital* ...(dengan izin), adalah RM2.00 sahaja. Saya lihat Yang Berhormat tadi menunjukkan satu, adakah ia carian rasmi daripada SSM yang mengesahkan syarikat yang hendak beli itu adalah *two dollar company* Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Bukti ada di sini dan saya boleh sampaikan kepada Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menunjukkan satu pelan kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada tahun 2002 yang menunjukkan bahawa tiada pelan yang dikemukakan untuk membina projek PPR Taman Manggis Fasa II di atas Lot 305, 306, 313 dan 314. Malah keempat-empat lot tersebut hanya dilabelkan untuk pemajuan masa hadapan. Ini adalah keempat-empat lot tanah lapang di atas keempat-empat lot, tapi dalam pelan itu dilabelkan sebagai pemajuan masa hadapan. Jadi memang tidak wujud sebarang rancangan untuk bina *building* PPR di atas tanah lapang tersebut.

Berikutan itu Setiausaha UMNO Bahagian Tanjung iaitu Norahim Haji Abdul Wahab dalam satu surat kepada, surat bertarikh 18 Februari 2002 kepada Ketua Menteri pada masa tersebut telah membangkitkan satu isu bahawa ketiadaan gerai-gerai tapak penjaja di kawasan projek tersebut. Dalam

surat tersebut UMNO telah mendakwa bahawa mengikut perancangan awal terdapat kawasan yang dikhaskan untuk pembinaan 19 unit gerai dalam projek tersebut. Kemudiannya MPPP dalam surat bertarikh 14 Mac 2002 kepada Tetuan Farid H. Kamal Arkitek telah meminta supaya pemaju projek menyediakan satu pusat penjaja, mungkin di atas tapak yang dicatatkan sebagai pemajuan masa hadapan dalam pemajuan tersebut. Ini adalah bukti yang paling kukuh menunjukkan bahawa tanah tersebut, tanah lapang tersebut tidak pernah dicadangkan untuk pembangunan yang kononnya dikenali sebagai Taman Manggis Fasa 2.

Jikalau ada projek fasa II, mengapa MPPP akan telah membuat satu cadangan semacam itu. Walaupun syarikat KLIDC iaitu Kuala Lumpur International Dental Center Sdn. Bhd., telah membayar wang sepenuhnya bagi *agreement* tanah tersebut, namun hak milik tidak dapat dikeluarkan atas sebab permit hospital belum diluluskan oleh Kementerian Kesihatan, maka tanah tersebut masih boleh diberi milik kepada Barisan Nasional Negeri. Jikalau wang tersebut telah dapat dibayar kepada Kerajaan Negeri dan lebih-lebih lagi KLIDC tidak ada masalah dan tiada halangan supaya tanah itu dijual kepada pihak yang dapat menawarkan harga yang lebih tinggi.

Jadi mereka rasa untuk kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang, mereka sanggup memberi laluan untuk tanah tersebut dijual kepada pihak ketiga iaitu Barisan Nasional. Saya berharap Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang jangan mensia-siakan masa lagi. Takkanlah jikalau wang tersebut tidak sudi dibayar hanya cakaplah, akulah tidak akan bayar wang tersebut. Jikalau ada masalah lain kita boleh pertimbangkan tapi jika hanya nak melewati proses ini saya rasa alasan mereka kurang berasas dan dengan cara pemilikan mereka selalu minta ada supaya disediakan satu perjanjian jual beli tapi dengan cara pemilikan, pemberimilikan, kita juga dapat bantu Barisan Nasional dalam menjimatkan lebih banyak wang kerana melalui cara pemberimilikan mereka tidak perlu bayar duti setem, di mana duti setem untuk tanah yang bernilai RM22 juta ini, jumlah duti setem yang perlu dibayar adalah RM667,219.00. Jadi jikalau mereka, mungkin mereka ada wang amat banyak sanggup membayar duti setem yang berjumlah tinggi ini, tapi saya rasa ini bukan alasannya. Y.B. Dato' Speaker.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan ya Y.B. Ahli Kawasan KOMTAR, saya nak tahu tanah itu 1.1 ekar, ia boleh bina berapa rumah mampu milik di tanah tersebut? Boleh bina berapa unit yang sebenarnya? Boleh bina berapa unit?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Ini bukan sesuatu yang boleh diputuskan oleh Kerajaan Negeri kerana bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya tertakluk kepada....(gangguan), sahaja, tapi untuk *density*, ini adalah satu isu yang perlu ditangani oleh MPPP, di mana kita akan ikut *density* yang sedia ada, tapi jika mereka rasa tanah terlalu kecil dan mereka nak *density* yang lebih tinggi, Kerajaan Negeri rasanya, MPPP saya rasa tidak ada masalah untuk memberi *density* yang lebih tinggi. Jadi jikalau mereka hanya nak bangkitkan isu *density* ini hanya satu alasan sahaja. Ini bukan sebab utama yang melewatkan, melambatkan proses pembayaran itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, berkenaan dengan wang, daripada pendapat saya selalunya dalam sesuatu perjanjian jual beli, pihak pembeli akan meletakkan wang itu kepada sebuah firma guaman, di mana bayaran itu akan dipegang oleh firma guaman sebagai *stakeholder*, di mana firma guaman tersebut akan berurusan dengan firma guaman si penjual dengan memberi pengesahan bahawa wang itu telah diterima daripada pembeli telah dimasukkan dalam akaun firma guaman si penjual, wang itu telah pun ditunaikan dan sedia diserahkan kepada peguam si penjual.

Saya tertarik dan ingin Yang Berhormat mengulas, saya lihat dalam beberapa berita yang telah disiarkan dalam TV3, cek itu ditunjukkan, memang dengan mata kasar, saya tidak dapat lihat berapakah jumlah yang tertera pada cek tersebut. Kedua persoalan saya, kalau betul wang itu wujud, memang wang itu sedia berada bersama-sama mereka mengapakah wang itu tidak didepositkan ke dalam firma guaman. Saya lihat dalam siaran akhbar TV3 itu ada banyak peguam, ada peguam daripada MCA, MIC, Gerakan, entahlah dari parti mana semua duduk di situ sedang mempersoalkan tentang kontroversi Taman Manggis dan sebagainya, tapi mengapakah mereka tidak ada akal fikiran, kalau peguam boleh membuat urusan berlandaskan urusan biasa dalam urusan jual beli, adakah Yang Berhormat boleh memberi ulasan tentang perkara tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima, saya juga berasa hairan mungkin peguam-peguam ini kurang fasih dalam Kanun Tanah Negara, mereka biasa menguruskan urusan urus niaga jual beli tanah dengan menggunakan perjanjian jual beli, tetapi apabila minta mereka memohon pemberimilikan tanah, awak kena sediakan wang, ini syarat utama. Yang kedua, awak kena isi Borang 5A, Borang 5A untuk pemberimilikan tanah dan awak kena bayar RM100.00 wang bayaran proses. Ini adalah sesuatu yang termaktub di bawah

Kanun Tanah Negara, tapi saya hairan mereka sampai hari ini, mereka tak pernah isi borang tersebut, mungkin mereka tidak fasih, tapi saya rasa yang penting sekarang walau pun dia ada satu *cashier's order* yang bernilai RM22,183,227.00, tapi ini tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri. Sepatutnya dibayar kepada Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut, tetapi dibayar kepada Taman Manggis Fasa 2 Sdn. Bhd., satu syarikat yang tidak wujud sama sekali, macam mana nak bayar, wang macam mana boleh disalurkan? Ini yang berasa amat hairan sekali.

Y.B. Dato' Speaker, walau bagaimanapun saya berasa pembinaan hospital swasta yang berkonsepkan pakar mata, pusat pakar pergigian, pusat pakar pembedahan plastik yang mempunyai *services treat* dan hotel amatlah diperlukan dan tepat pada masanya. Kebelakangan ini kita menerima banyak aduan daripada penduduk-penduduk yang menghuni berdekatan dengan hospital swasta bahawa pangsapuri atau kondominium yang mereka huni telah dijadikan sebagai servis *apartment* di mana ahli-ahli keluarga pesakit yang mendapat rawatan di hospital swasta tempatan akan menyewa unit-unit dalam pangsapuri atau kondominium dengan kadar sewa harian dikenakan. Ini akan membawa kacau ganggu kepada penduduk-penduduk yang sedia ada. Keadaan ini dilaporkan berlaku di pangsapuri-pangsapuri yang berdekatan dengan Hospital Loh Guan Lye, Hospital Adventist, Hospital Lam Wah Ee dan sebagainya.

Dari segi Hospital Island juga ada. Dari segi tindakan penguatkuasaan MPPP menghadapi masalah yang besar dan mengumpul bukti-bukti yang kukuh untuk mengenal pasti sama ada terdapat unsur-unsur perniagaan dalam penyewaan tersebut sebab tiada resit rasmi dikeluarkan, tiadanya *signboard* perniagaan, nama syarikat tersebut tidak berdaftar dengan SSM, tiada pejabat pengurusan di buka dan sebagainya. Dengan itu saya berharap supaya Kerajaan Negeri atau PBT dapat meminda garis panduan atau undang-undang yang sedia ada supaya mana-mana hospital swasta yang baru nak didirikan di Pulau Pinang perlu menggunakan konsep sebegini, di mana mereka perlu menyediakan bilik-bilik hotel atau *service treat* untuk ahli-ahli keluarga pesakit-pesakit, mana hospital swasta yang tidak dapat menyediakan kemudahan sedemikian tidak harus diluluskan permohonan merancanganya daripada MPPP atau MPSP.

Apabila tender bagi tanah Kerajaan untuk pemindahan hospital swasta di Taman Manggis di buka oleh UPEN pada 16 Februari 2010, kenapa pihak Barisan Nasional pada masa tersebut tidak membuat bising, hanya selepas dua (2) tahun tender di tutup dan diputuskan barulah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional cuba membangkitkan isu tersebut. Tender tersebut telah diputuskan pada 16 Jun 2010. Adakah ini bermaksud bahawa pemimpin Barisan Nasional pada masa itu tidur atau Ahli-Ahli Dewan daripada barisan pembangkang masa itu juga tidur. Sekarang pilihan raya menjelang mereka

baru bangun dari tidur dan membangkitkan pelbagai isu yang bukan-bukan. Pada dasarnya saya merasa pembangunan hospital swasta yang berkonsepkan hotel membawa banyak kebaikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana ini dapat menjadi satu produk pelancongan perubatan yang amat menarik dan pada masa yang sama memangkinkan lagi pembangunan George Town sebagai ibu kota Negeri Pulau Pinang. Sebaliknya pembangunan PPR di kawasan tersebut hanyalah bertujuan untuk memenuhi agenda politik Barisan Nasional di kawasan Parlimen Tanjung Amnya atau KADUN Padang Kota secara khususnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat, tentang hospital swasta atau pusat perubatan ini, adakah apa-apa rancangan Kerajaan Negeri untuk memantau supaya hospital swasta ini juga menjalankan tanggungjawab *corporate social responsibility*....(dengan izin), kerana ketika ini terdapat anggapan ataupun tanggapan salah bahawa kemungkinan hospital ini cuma menyediakan perkhidmatan bagi golongan yang mampu membayar, seperti hospital-hospital swasta yang sedia ada di sini kita tahu bahawa kadang kala bayaran bagi perkhidmatan yang dikenakan adalah agak tinggi. Jadi bolehkah Kerajaan Negeri juga memastikan dengan menjual tanah ini kepada sebuah syarikat swasta bahawa hospital tersebut bukan sahaja akan menyediakan perkhidmatan yang terancang bagi merawat pesakit-pesakit yang menghadapi masalah *density* dan sebagainya, tetapi juga memastikan bahawa golongan tertentu yang tidak mampu membiayai perbelanjaan ini juga mampu ataupun diberi layanan ataupun mendapat perkhidmatan daripada hospital ini. Adakah apa-apa yang boleh Yang Berhormat mengulas untuk memastikan perkara ini akan diamalkan, untuk memastikan bahawa perkara ini akan diamalkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Memang terdapat hospital-hospital swasta yang mengamalkan skim atau dana perubatan untuk membantu mengurangkan beban kewangan terutamanya pesakit-pesakit dari keluarga yang berpendapatan kurang tinggi, di Hospital Lam Wah Ee memang ada, di Hospital Adventist juga ada kerana kita banyak *sign* borang itu untuk permohonan bantuan perubatan dan di hospital-hospital lain saya yakin juga ada. Saya rasa ini patut digalakkan dan patut diteruskan untuk mereka yang kurang pendapatan tinggi kerana saya berharap mungkin hospital swasta, jikalau tanah tidak dapat dijual kepada Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang tanah ini akan dibangunkan sebagai hospital swasta dan saya harap pihak hospital juga dapat mengamalkan cara ini dalam membantu mereka yang berpendapatan kurang tinggi.

Y.B. Dato Speaker:

Okey Yang Berhormat, lima minit lagi saya bagi.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Okey baik. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

(Ingin mencelah).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima, banyak sangat, bagi orang lain pula, tak apa.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Okey baik, jadi saya sambung dimana ini ada agenda politik yang khusus bagi Barisan Nasional yang khusus di kawasan Padang Kota, dimana melalui PPR ini mereka ingin memindahkan masuk banyak penyokong mereka ke dalam kawasan Padang Kota. Ini adalah jelas kerana ini tak payah saya sebut dengan panjang lebar, berkenaan untuk merancakkan lagi pembangunan George Town sebagai ibu kota Negeri Pulau Pinang kita memerlukan perancangan bandar raya yang holistik dan sesuai dengan kehendak tempatan. Apa yang kita ada sekarang setiap kali apabila dikemukakan permohonan merancang kita hanya berdasarkan pelan dasar yang telah disediakan pada tahun 1996 untuk menentukan sama ada sesuatu projek pembangunan yang dirancang oleh pihak swasta dapat diluluskan. Mengapa kita tidak ada *master plan* bagi pembangunan seluruh negeri, malah *master plan* kita yang sepatutnya merupakan salah satu bidang tugas dan fungsi PBT kita adalah kita *outsource* kepada pihak pemaju swasta. Bagi tapak warisan sedunia di George Town kita pula *outsource* fungsi ini kepada NGO-NGO yang berkaitan dengan warisan. Ini merupakan satu kegagalan bagi PBT apabila Kerajaan Negeri ingin menyediakan satu pelan khas bagi tapak warisan sedunia di George Town, pelbagai aktiviti perniagaan tidak dibenarkan termasuklah *outlet* F&B asing, bengkel membaiki motosikal, arked boling, karaoke dan sebagainya.

Mengikut perlingkungan MPPP, George Town telah diperlingkungan untuk tujuan komersial, tetapi dengan pemakaian SAP ini pelbagai aktiviti yang lama dijalankan di George Town tidak dapat dibenarkan, seperti di Lebuh Carnavon, memang terkenal dengan kedai buku dan kedai keranda, tetapi

perniagaan keranda tidak boleh dibenarkan di Lebuh Carnavon di bawah SAP ini, George Town mempunyai arked boling yang pertama di Pulau Pinang iaitu Penang Bowl tetapi juga tidak dapat dibenarkan. Saya berasa adalah lebih baik bagi penduduk-penduduk di tapak warisan dunia ini menentukan nasib mereka melalui cara *referendum*. Kita mempunyai 4665 premis di tapak warisan George Town, jikalau setiap premis diberikan satu undi, maka mereka boleh membuat pilihan sama ada menyokong atau menolak SAP tersebut. Bagi saya, Juru Perunding-Juru Perunding yang diukur yang diupah untuk menyediakan SAP terlalu idealistik dan kurang realistik sehingga mengabaikan kehendak-kehendak dan keperluan masyarakat setempat, lebih-lebih lagi Juruperunding ini adanya datang dari Kuala Lumpur atau tempat-tempat lain, adakah kita yakin mereka yang tidak berasal dari Pulau Pinang dan juga yang tidak pernah mengundi di George Town faham akan sentimen-sentimen setempat.

SAP ini perlu diutamakan dengan segera sebelum dikemukakan kepada UNESCO pada tahun hadapan, maka kerja-kerja pengemaskinian terhadap SAP perlu dilakukan dengan segera supaya pelan tempatan juga dapat dipamerkan dengan secepat mungkin. Setakat ini hanya pelan tempatan bagi SPU dan SPT dipamerkan, bilakah pelan tempatan bagi bahagian Pulau dan SPS dapat dipamerkan. Saya tidak ingin lihat George Town yang merupakan ibu kota negeri yang indah khabar dari rupa, di mana kita cuba menarik minat orang ramai untuk berhijrah balik ke George Town, manakala SAP kita cuba menghalau orang keluar dari bandar ini. Janganlah bandar raya kita diperkosa oleh mereka yang idealistik hingga menyusahkan peniaga-peniaga setempat. Sebagai contoh Sakana Sushi Bar & Cuisine di Penang Road merupakan sebuah restoran Jepun yang baru, tapi restoran Jepun memang terkenal dengan itu *conveyer belt* untuk sushi-sushi ini di hantar ke depan pelanggan-pelanggan juga tidak dibenarkan. *Conveyer belt* adalah satu ciri-ciri untuk kedai restoran Jepun, tidak dibenarkan kerana ini tidak sepadan dengan kehendak warisan. Saya rasa amat aneh sekali, kedai-kedai sushi di tapak warisan George Town tidak boleh memasang pintu dan dinding kaca tapi diluar boleh, saya rasa janganlah kalau kita bersikap terlalu fanatik sehingga apa-apa rasanya tak sesuai semuanya dilarang tapi warisan bukan segala-galanya, kita perlu realistik, jangan kita bersikap fanatik.

Y.B. Dato Speaker, Barisan Nasional sering mendakwa Kerajaan Negeri berusaha untuk menghalau rakyat Negeri Pulau Pinang yang miskin keluar dari Pulau Pinang untuk menghuni di Seberang Perai, akan tetapi berdasarkan fakta-fakta yang dibentangkan oleh Ketua Menteri dalam bajet kali ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tanah-tanah di setiap daerah untuk membina projek-projek perumahan mampu milik. Satu contoh yang saya nak sebut adalah tentang perumahan kos rendah dan kos sederhana di Jalan SP Chelliah, di mana ini menunjukkan bahawa kita ada projek perumahan di bahagian Pulau juga dan projek ini kita berharap dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin, jikalau boleh sebelum penghujung

tahun ini. Pada masa yang sama saya ingin memohon supaya penyewa-penyewa yang menghuni di dalam premis di atas tanah MPPP di persimpangan Jalan Sungai dan Jalan Gurdwara dapat diberi keutamaan untuk memiliki lot-lot kediaman di Jalan SP Chelliah.

Y.B. Dato' Speaker, satu isu yang akhir adalah berkenaan penubuhan JMB bagi projek-projek perumahan berstrata di atas tanah *private lease*. Dalam Parlimen baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah membentangkan Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 untuk menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007, dengan adanya rang undang-undang yang baru ini, kita percaya banyak masalah yang tidak dapat diselesaikan sebelum ini akan ditangani, akan tetapi bagi projek-projek perumahan berstrata yang dibangunkan di atas tanah *private lease* seperti di Farlim, mereka masih menghadapi masalah yang sama untuk menubuhkan JMB.

Walaupun terdapat projek-projek hakmilik strata telah dikeluarkan bagi tempoh pajakan 99 tahun, namun dari segi hakikinya kerana pegangan bebas tersebut masih dimiliki oleh seorang tuan punya sahaja. Ini merupakan halangan utama bagi JMB atau MC ditubuhkan, jadi apabila didalami perjanjian jual beli yang telah ditandatangani di antara pemaju dan pembeli. Memang terdapat peruntukan-peruntukan yang menunjukkan bahawa pemaju berhasrat untuk perbadanan pengurusan ditubuhkan. Jadi selaras dengan hasrat ini saya rasa masalah ini boleh diselesai. Jikalau Kerajaan Negeri sanggup membuat pindaan ke atas Penang Land Rules 2005 supaya kita memberi ruang kepada projek-projek sedemikian untuk menubuhkan sekurang-kurangnya JMB jikalau MC tidak dapat ditubuhkan. Saya berharap Y.B. Ahli Kawasan Air Itam dapat mengambil iktibar dari sini.

Akhirnya, sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang sanggup mempertahankan kepentingan rakyat negeri dalam pelbagai aspek termasuk kepentingan politik, kesaksamaan ekonomi, kehidupan seharian dan sebagainya. AES yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sememangnya tidak sama dengan AES Kerajaan Persekutuan. Kita membela nasib dan kehidupan rakyat, manakala rakyat berasa tertekan di bawah AES Kerajaan Persekutuan, AES Barisan Nasional merupakan agenda dan produk kroni-kroni, manakala AES Pakatan Rakyat adalah untuk membawa peluang kesaksamaan kepada rakyat jelata tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Saya yakin bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri untuk menghalang AES daripada dilaksanakan di kawasan Negeri Pulau Pinang. Jikalau kita ingin bebaskan diri daripada belenggu AES, maka perlulah kita menjana suatu perubahan yang lebih besar dan pilihan raya yang akan datang untuk Negara Malaysia secara amnya dan Pulau Pinang secara khususnya. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Terima kasih Y.B. Dato Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2013. Y.B. Dato Speaker, isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah isu penyelenggaraan, infrastruktur tapak warisan dunia George Town. Setelah Negeri Pulau Pinang diiktiraf sebagai tapak warisan dunia UNESCO, kami merasai kebanggaan terhadap pengiktirafan ini dan Kerajaan telah pun mengadakan banyak program dan aktiviti dalam tiga tahun kebelakangan ini. Pada pendapat saya, selain program-program, kami perlu juga mengambil berat terhadap isu penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur awam dalam tapak warisan. Masalah yang kita hadapi sekarang bukan sahaja bangunan usang dan bangunan bersejarah perlu penyelenggaraan yang rapi dan sempurna tetapi infrastruktur asas juga perlu dipandang berat. Saya amat sedih apabila setiap kali infrastruktur asas dalam tapak warisan perlu kerja-kerja menaik taraf atau pun dengan *upgrade*,...(dengan izin), mesti kita menghadapi dua masalah iaitu masalah peruntukan dan masalah bantahan NGO. Selain daripada tapak warisan di luar *buffer zone*, di luar *zone* tapak warisan juga banyak bangunan-bangunan usang yang telah diklasifikasi *grade two*, bangunan warisan. Ini juga telah menyusahkan orang dan tidak, pemiliknya tidak dapat *up grade* bangunan dengan lebih baik dan lebih moden. So, saya memang takut jika perkara macam ini terus berlaku, George Town memang semua orang tahu tapi jika lama kelamaan saya memang takut George Town menjadi Ghost Town kerana orang-orang sudah pindah dari George Town ke Air Itam atau ke Paya Terubong.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya menyediakan satu peruntukan khas serta menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji dan menaik taraf infrastruktur awam dan tapak warisan dunia George Town. Ini bukan sahaja untuk meningkatkan imej Negeri Pulau Pinang yang kini semakin menarik pelancong, malah juga menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat serta pelancong-pelancong. Satu contoh yang jelas adalah Clan Jetty di kawasan Pengkalan Kota iaitu kawasan saya, pada tiga (3) tahun yang lalu, struktur papan di Clan Jetty telah pun reput dan tidak selamat. Keadaan amat membimbangkan. Oleh itu saya telah membuat banyak kali permohonan untuk membaiki dan menaik taraf struktur papan-papan di Clan Jetty.

Saya juga pernah membuat permohonan dan rayuan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menaik taraf Clans Jetty tetapi jawapan yang diterima amat mengecewakan. Nasib baik akhirnya saya mendapat bantuan daripada ADUN Padang Kota, yang merangkap sebagai Ahli Parlimen Kawasan Tanjung dan juga budi bicara YDP MPPP, akhirnya YDP MPPP meluluskan, MPPP menyalurkan peruntukan untuk mengatasi masalah ini dan kemudiannya pihak Kerajaan Negeri baru menyalurkan peruntukan yang seterusnya untuk menaik taraf keenam-enam jeti itu. Kini, walaupun kerja-kerja menaik taraf struktur Clans Jetty telah siap tetapi saya ingin mengingatkan bahawa masih terdapat isu-isu lain yang belum diselesaikan iaitu sistem pencegah api dan sistem pembentungan di Clan Jetty. Saya amat berharap kedua-dua isu ini dapat diatasi dengan secepat mungkin. Y.B. Dato Speaker, saya ingin merujuk kepada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan daripada Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota, jikalau tiada sistem kumbahan, macam mana najis itu diurus, macam mana, salur ke mana?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Sekarang dari dahulu hingga hari ini najis itu semua dari *toilet* yang sama semua ke laut. Ini sudah bertentangan dengan idea kita iaitu *Cleaner, Greener Penang*. Saya harap masalah ini dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Adakah ini bermaksud satu kawasan warisan ini, kerana warisan kita tidak bertamadun. Walaupun kita adalah satu bandar yang sangat maju dan dibangunkan dengan sekian lama, tetapi saya rasa mengapa sehingga sekarang ini tahap kehidupan kita teruk sehingga najis perlu dibuang terus ke dalam laut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Ini merupakan satu lagi projek Barisan Nasional yang selalu mengatakan rakyat didahului, mungkin bagi mereka ini rakyat didahului atau mereka jaga sendiri dulu. Sekarang banyak projek-projek Barisan Nasional tidak mendahului rakyat oleh itu bila Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan, saya berharap Kerajaan kita dapat mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Speaker, saya teruskan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 69, Pembangunan Warisan di mana RM2,778,000.00 diperuntukkan. Saya ingin tahu sejauh manakah George Town World Heritage Incorporated telah memainkan peranannya dalam menjaga tapak warisan dunia. Mengapa GTWHI tidak nampak memainkan peranan yang proaktif untuk menangani isu-isu warisan. Bolehkah Kerajaan Negeri menyatakan sama ada kita masih dapat mematuhi segala peraturan UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Saya ingin tahu adakah Enakmen Warisan Negeri telah dikuatkuasakan dan apakah rancangan masa depan warisan di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, selain tapak warisan, kita juga dapat melihat masih banyak tempat infrastruktur perlu dibina atau dinaik taraf. Kita boleh lihat terdapat banyak lampu jalan selalunya tidak bernyala dan lampu jalan di Pulau Pinang masih tidak mencukupi. Oleh itu saya memang berharap pihak Kerajaan dapat memasang lebih banyak lampu jalan atau menukarkan mentol lampu jalan supaya dapat mencerahkan semua jalan. Ini juga akan membolehkan pejalan kaki atau pengguna jalan raya dapat menggunakan jalan raya dengan lebih selamat dan selesa. Selain itu, jalan raya yang terlalu sempit juga perlu diperluaskan, terutamanya pada waktu puncak, selalunya menimbulkan kesesakan lalu lintas yang serius. Jalan raya perlu diperlebarkan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan juga membina *walkway* yang sesuai di tepi jalan untuk memudahkan pejalan kaki. Laluan yang digunakan oleh orang kurang upaya juga perlu dielak mempunyai tiang lampu di tengah-tengah *walkway* atau apa-apa yang membawa kesulitan kepada mereka. Saya seringkali membangkitkan isu keselamatan trafik di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, mengapa bila Kerajaan BN meluluskan projek tersebut tidak mengkaji dengan teliti tentang keadaan trafik di kawasan tersebut. Ini telah menyebabkan banyak kes kemalangan berlaku di lebuhraya ini.

Saya di sini di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya mengkaji semula untuk membina satu *flyover* atau *jejambat* di lebuhraya tersebut untuk kereta. Saya telah pun menulis surat kepada pihak Kerajaan untuk memohon membina atau supaya Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula dan membina satu *flyover* kereta dan juga meminta membina *underground walkway* di Persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Gat Lebuhraya Macallum dan Gat Lebuhraya Magazine untuk memudahkan pejalan kaki dan warga emas untuk melintas jalan dengan lebih selamat. Keselamatan penduduk dan rakyat jelata perlu sentiasa diutamakan.

Y.B. Dato' Speaker, bagi Maksud Pembangunan P01 Butiran 54, Pembelian dan Penyediaan Ruang Pejabat KOMTAR. Saya ingin tahu apakah tujuan RM527,000.00 diperuntukkan dalam Bajet ini. Memandangkan pihak Kerajaan Negeri telah menduduki KOMTAR begitu lama, mengapa masih perlu menanggung perbelanjaan untuk tujuan pembelian dan penyediaan pejabat KOMTAR. Mengenai Maksud Pembangunan P01, Butiran 57 Kuarters Kerajaan

Negeri. Saya ingin tahu apa gunanya peruntukan tahun ini sebanyak RM3.6 juta digunakan. Adakah ini tujuan kuarters yang baru atau cuma untuk tujuan penyelenggaraan sahaja. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri bercadang membangun semula tapak kuarters Kerajaan ini untuk tujuan perumahan mampu milik memandangkan tapak ini amat luas dan bernilai. Sila beri butir sama ada Kerajaan ada perancangan yang sedemikian.

Dalam Butir 61, RM50,000.00 diperuntukkan untuk Pavilion Medan Fair. Saya ingin tahu apa hasilnya kita ambil bahagian dalam Medan Fair setiap tahun. Apakah Kerajaan Negeri ada pemikiran yang baru tentang Medan Fair. Apakah strategi untuk mempromosi Negeri Pulau Pinang kepada Sumatera melalui Medan Fair. Bilakah Kerajaan Negeri akan menganjurkan misi pelaburan bersama sektor swasta Pulau Pinang supaya kita akan dapat hasil dari segi pelaburan dan pelawat sektor perubatan pelancongan. Selain itu, apa pula dengan Tapak Pesta di Sungai Nibong. Kita perlu berani mengaku hakikat bahawa Tapak Pesta telah hilang tarikannya, hilang hala tujunya dan cuma digunakan sebagai pasar malam besar pada penghujung tahun sahaja. Inilah satu pembaziran, satu khazanah dan hartanah yang amat bernilai. Kalau Kerajaan Barisan Nasional telah gagal, janganlah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak berani membawa pembaharuan dan membangun semula tapak Pesta sebagai satu Mutiara Negeri Pulau Pinang yang mengandungi komponen pembangunan perumahan komersial dan kemudahan awam seperti pusat pameran dan terminal pengangkutan awam.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mahu tahu apakah impak siaran langsung Persidangan Dewan melalui internet. Bolehkah Kerajaan Negeri memberikan maklumat terperinci. Apakah peranan Dewan ini digunakan untuk mengembangkan kesedaran dan penglibatan mesyuarat dalam proses demokrasi. Dalam Maksud Pembangunan P01 Butiran 66, anggaran token RM10 masih diperuntukkan pembinaan Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Pentadbiran baru di Bayan Mutiara. Ini termasuk Kerajaan masih bercadang untuk memindah DUN ke Bayan Mutiara. Apakah cadangan ini masih hidup lagi atau sudah tidak terjadi apabila tanah Bayan Mutiara sudah pun dijual kepada pemaju swasta. Walaupun bangunan sekarang mempunyai nilai-nilai warisan dan sejarah, sudah sampai untuk kita fikir masa depan. Dahulunya bangunan DUN pernah dicadangkan di tapak KOMTAR apabila projek ini dimulakan pada tahun 1970 an. Saya ingin tahu mengapa pihak Kerajaan pada masa itu tidak meneruskan cadangan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker bagi Butiran 69 K-ICT dan e-Kerajaan, saya ingin tahu apakah perkembangan terbaru tentang program Free Wifi setakat ini. Adakah Kerajaan telah menjalankan kajian impak tentang program ini dan apakah masalah yang mungkin dihadapi. Bagi Maksud Bekalan 01 di bawah Pejabat Perumahan, saya ingin tahu apa perkembangan terbaru tentang

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang. Apakah peranan yang sudah dimainkan sehingga kini sejak Lembaga tersebut ditubuhkan. Saya ingin meminta Kerajaan Negeri menyatakan perkembangan terbaru tentang pengumuman tentang rancangan untuk menggunakan tanah-tanah Kerajaan untuk projek perumahan mampu milik. Bilakah jumlah projek yang dirancang dan bagi setiap rancangan apakah peringkat pelaksanaannya. Saya juga ingin tahu apakah kedudukan sekarang berhubung dengan peruntukan RM50 juta untuk *Program Housing Assistant*, *Program Penang Yes* atau *HAPPY*. Sehingga ini, apakah sebarang kelulusan yang diberikan dengan menggunakan peruntukan ini.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang dipuji oleh Ketua Audit Negara atas kemampuan menguruskan kewangan dengan baik. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat berusaha untuk mencari lebih banyak sumber hasil dalam negeri supaya usaha pembangunan dapat diteruskan. Saya juga merasa tidak puas hati kerana pihak Kerajaan Persekutuan masih tidak melaksanakan beberapa projek yang telah dijanjikan. Saya mahu ingatkan bahawa Barisan Nasional adalah Kerajaan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang dan mempunyai tanggungjawab kepada rakyat Negeri ini.

Balik kepada hasil Negeri, adalah didapati bahawa Kerajaan Negeri amat bergantung kepada hasil yang berkaitan dengan tanah. Kita dapat hasil seperti cukai tanah RM109.0 juta, tunggakan cukai tanah RM14 juta, cukai tanah tahun pertama RM1.01 juta, Lesen Tumpangan Sementara, RM814,000.00. Bayaran Permohonan Tanah RM6.0 juta, Pendaftaran Geran Tanah RM1.82 juta, Pindah Milik Tanah RM24 juta, Bayaran Pendaftaran Gadaian RM4.53 juta, Pendaftaran Surat Kaveat RM3 juta, Carian Rasmi RM2.6 juta, Premium Tanah (Tukar Syarat) RM7.8 juta, Premium Tanah (Pemberian Hak Milik) RM30 juta dan Premium Tanah (Pemberian Milik Bayaran Khas) RM7 juta. Jumlah lebih kurang RM212.47 juta iaitu hampir 30%.

Kita berharap Kerajaan Negeri dapat mencari sumber hasil yang lebih besar. Saya ingin mencadangkan Kerajaan mempelbagaikan sumber hasil Negeri ini. Saya juga mendapati Kod 82372 Anggaran Hasil iaitu Pelbagai Terimaan dari Lain Agensi Kerajaan adalah berjumlah RM315 juta iaitu hampir setengah daripada hasil yang dianggarkan. Bolehkah Kerajaan Negeri memberi penjelasan tentang hasil ini. Saya merasa Pemberian Mengikut Kiraan Kepala mengikut populasi Negeri sebanyak RM24 yang diberi oleh Kerajaan Pusat adalah kurang sekali berbanding dengan sumbangan cukai rakyat dan industri Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat perlu menambah semua jenis peruntukan kepada Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin merujuk kepada Kod 75253 Anggaran Hasil iaitu Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga sebanyak RM11.5 juta. Saya ingin tahu apakah hasil daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang tersenarai selama ini dan setakat ini apakah jumlah hasil dividen yang diperolehi dan sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah jumlah pelaburan saham. Dengan ini saya memang berharap Kerajaan kita dapat terus memajukan Negeri Pulau Pinang dan juga berharap rakyat memberi Pakatan Rakyat sokongan yang sepenuh-penuhnya supaya Pakatan Rakyat selain dari menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menjadi Kerajaan Pusat. Saya percaya jika impian ini berlaku, maksudnya Kerajaan Negeri dan Malaysia akan terus maju dan jaya. Dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Seterusnya Y.B. Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Pembentangan Rang Undang-undang Pembekalan Dan Usul Anggaran Pembangunan 2013, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian. Syukur *Alhamdulillah* marilah sama-sama kita memanjat syukur kehadiran *Allah Subhanahuwatala* kerana telah memberi kesempatan kepada kita untuk sekali lagi berkumpul, mungkin kali ini kali terakhir bagi penggal kelima bagi membincang dan membahas isu-isu pembangunan Negeri kita yang tercinta ini.

Y.B. Dato' Speaker saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha rasanya masih belum terlewat hari ini hari yang kesebelas dan juga Selamat Hari Deepavali kepada semua penganut Agama Hindu yang bakal menyambut pada 13 November ini dan tidak lupa juga tahniah kepada Cik Maheswari kerana telah dilantik menjadi Setiausaha DUN. Saya rasa inilah kali pertama seorang wanita sekali lagi diberi kepercayaan menjawat jawatan-jawatan penting seperti ini, syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Seterusnya saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.B. Dato' Speaker dan Timbalannya yang telah mempengerusikan Sidang DUN Negeri ini selama lima penggal Persidangan Dewan Negeri dengan tegas, adil dan saksama, mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan amat cemerlang walaupun masih terganggu dengan beberapa persoalan birokrasi dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker, tahniah kepada Pakatan Rakyat pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang telah melaksanakan Bajet 2013 bertemakan Agenda Ekonomi Saksama atau (AES), yang memfokuskan kepada strategi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri, supaya dapat ditingkatkan taraf ekonomi rakyat Pulau Pinang tanpa mengira kaum dan agama. Saya meneliti setiap perenggan dan tajuk yang dibentangkan melihat betapa Y.A.B. Ketua Menteri yakin dengan semua perancangan yang diketengahkan, bukan sahaja ianya mampu memberi peluang keuntungan ekonomi malah memberi keyakinan rakyat untuk terus menyokong pakatan rakyat pimpinan beliau. Lihat sahaja peruntukan bajet mengurus sejumlah RM973,561,310 peningkatan sebanyak 61.87% berbanding tahun lepas hanya sebanyak RM599.60 juta sahaja. Begitu juga bajet pembangunan sejumlah RM363,385.531 juta peningkatan sebanyak 9.15% berbanding tahun lepas sebanyak RM332.93 juta sahaja.

Secara keseluruhannya untuk kedua-dua bajet ini peningkatan amat ketara dan menyakinkan, sebanyak 50.68% atau RM381.42 juta. Kalau tidak nampak dari sumber mana wang akan datang tentunya tidak berani hendak janji sejumlah begitu besar untuk dibelanjakan, seperti janji hendak membuat Jambatan Tanjung Berembang, Ahli Kawasan Sungai Aceh tidak ada. Jambatan Tanjung Berembang yang bernilai lebih kurang RM50 juta kalau pengundi Sungai Aceh memberi kemenangan kepada kita kali ini, mana hendak cari duit, kalau Kerajaan BN mungkin buntu dalam perkara ini, sebab itu dalam siri lawatan Yang Amat Berhormat juga serta Y.B. Bagan Jermal tempoh hari ke jambatan motosikal Telok Epel, Tanjung Berembang itu kita telah memberi tawaran pada masa itu juga kepada Kerajaan Pusat supaya turunkan peruntukan untuk mebuat jambatan, kalau tidak turunkan peruntukan kalau kita dapat menang tawan Sungai Aceh kita akan belanja RM50 juta, walaupun RM50 juta, kalau dapat lebih murah daripada itu *Alhamdulillah*, jadi maknanya bukan kita hendak janji kosong, bila kita menang esok duit tidak datang dari Kuala Lumpur, kita tidak buat kita beri cabaran kalau tidak buat kita akan buat itu maksudnya kita ada peruntukan, kita boleh fikir bagaimana hendak carikan peruntukan itu.

Y.B. Dato' Speaker, kejayaan pentadbiran kita adalah kerana kita melaksanakan dasar berjimat cermat tapi bukanlah berjimat cermat kepada rakyat, kerana kita memberi peruntukan yang lebih, kali ini berkali-kali ganda lagi melaksanakan berbagai bentuk sumbangan seperti warga emas, anak emas, pelajar emas segala macam emas yang telah kita lakukan, yang dimaksudkan belanja jimat ini kita berjimat kalangan pemimpin yang berjimat, kita lihat Y.A.B. Ketua Menteri naik penerbangan pun penerbangan ekonomi, *firefly*, Air Asia dan sebagainya, dan tidak macam orang lain. Kita di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat pun pergi lawatan ke kilang-kilang ataupun di setengah-setengah tempat sampai, Jaga pun tidak tahu kereta kita dia suruh duduk dengan orang lain, kita pakai kereta kecil, dia tidak tahu ini kereta Yang

Berhormat, maknanya kita pemimpin yang berjimat, bukan kita paksa masyarakat atau rakyat berjimat. Selain daripada itu, maksudnya kita mengamalkan gaya hidup berjimat cermat. Selain daripada itu kita memerangi gejala rasuah, melaksanakan tender terbuka dan merancangkan berbagai aktiviti menambahkan pendapatan Negeri. Itu yang memberi jaminan kepada kita untuk mendapat pendapatan yang tinggi atau pun lebih sehingga kita berjanji ataupun mampu untuk melaksanakan kejayaan-kejayaan atau melakukan pembinaan-pembinaan untuk memajukan Negeri kita.

Namun Y.B. Dato' Speaker, pendekatan ini merupakan permainan sebelah pihak, maksudnya pihak kita pemimpin sahaja, kita berjimat kadang-kadang di kalangan rakyat atau masyarakat masih lagi mengamalkan sebaliknya, begitu juga kita merancang berbagai-bagai projek untuk meningkatkan ekonomi Negeri kita tetapi kita terpaksa juga pada masa yang sama membelanja secara yang boleh kita anggap sebagai berterusan membelanja, sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat juga kita kena amalkan cara memberi pancing kepada rakyat, dia tidak boleh terus memberi sumbangan demi sumbangan. Kebanyakan rakyat mengamalkan sebaliknya semakin kita memberi semakin mereka mengharap, kita akan berusaha kearah menurunkan jumlah atau mengurangkan jumlah, kita tidak boleh berbangga dalam setiap ucapan saya yang lalu. Saya menyebut kita tidak boleh berbangga dengan jumlah sumbangan yang banyak tahun ini kita beri sumbangan kepada 10 ribu orang, tahun hadapan kita kata kita bangga dapat beri 12 ribu, itu bukan maju sebenarnya kita kena mendapatkan angka yang kurang mula dengan 10 ribu, mungkin tahun hadapan 8 ribu kemudian 6 ribu. Kemudian akhirnya orang kata apa hendak cari sehingga ke tahap hendak cari, orang hendak terima pun tidak jumpa, itu sudah tahap yang tinggi.

Kejayaan Omar Abdul Aziz, jadi begitu. Kita *insya-Allah* boleh menggunakan jentera-jentera kita, jentera di dalam masyarakat kita seperti JKKK, PPS, Pemantau Pengguna, JMB, Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan, Jawatankuasa Penduduk, Imam-imam, Katib-katib itu semua boleh membantu kita memainkan peranan bagi menjayakan hasrat Kerajaan. Hari ini kita mengadakan umpamanya pertandingan-pertandingan menilai JKKK cemerlang, terbaik dan sebagainya mengapa tidak kita meletakkan beberapa kriteria yang boleh membantu kita, seperti umpamanya JKKK sejauh mana mereka berjaya mengatur program-program atau aktiviti mendidik masyarakat, rasa bertanggungjawab terhadap keselamatan, kesihatan, kebersihan dan sebagainya bukan sekadar mengadakan pasar malam, kemudian kutip sewa-sewa tapak, selepas itu buat majlis-majlis makan sahaja. Jadi kita letak beberapa kriteria JKKK yang berjaya, berapa program yang dia buat. Program-program yang berupa macam ini boleh memberi taklimat atau pun memberi maklumat kepada masyarakat supaya ada rasa kebertanggungjawaban dalam bermasyarakat jadi begitu, supaya kurang membebankan tugas jabatan-jabatan. Hari ini ada agensi kita atau pun orang

kata jentera kita seperti itu hanya mereka sebagai Jawatankuasa sahaja, tidak lebih dari itu kadang-kadang ada di kalangan JKKK kita pun juga seolah tidak mesra dengan masyarakat jadi bagaimana mesej kita untuk Negeri sama-sama seluruh rakyat dan masyarakat menghayati atau pun turut serta bersama kita.

PPS umpamanya pula sejauh mana mereka berjaya menganjurkan atau mengaturkan program-program mendidik masyarakat mengambil berat terhadap kesejahteraan jiran kehidupan kejiranan dan sebagainya, Sebagaimana yang pernah dihasratkan oleh EXCO Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Kesihatan, jadi ini tidak, kita beri *uniform* sahaja, dia ronda sahaja, dia pun tidak tahu hendak buat apa, dia juga boleh membuat, orang kata apa mengatur program-program memupuk atau mendidik masyarakat. Jadi kami ini bukan hendak meronda sahaja, hendak tengok ada pencuri atau pun perkara-perkara salah laku saja mari sama-sama kita memikir cara bagaimana kita ini bermasyarakat, kadang-kadang masyarakat kita ini memang masih orang kata apa tidak mesra, sampai jiran sebelah pun tidak kenal, tidak saling kenal mengenali, jadi bagaimana kita sama-sama berfikir tentang bagaimana memikirkan masyarakat kita. Jadi banyak perkara boleh selesai, kebersihan boleh selesai.

Begitu juga pemantau pengguna, sejauh mana mereka berjaya menganjurkan kempen kebertanggungjawaban ke atas bukan sahaja dok tengok harga mahalkah, atau barang tidak eloklah, busuklah. Macam mana peniaga-peniaga boleh bertanggungjawab menyuci sisa-sisa jualan dia. Ini dia rasa dia rasa hebat, dia bayar satu lot sewa RM3.00 pasar malam, dia tinggal segala sampah tebu, segala bakul, segala sayur, RM3.00 dia tinggal dia bagi kita penat buat kerja, esok MPSP tidak datang ambil sampah atau MPPP tidak datang ambil busuk seminggu. Jadi kita kena belanja, kita kena upah orang atau pun guna jentera, kita turun, pada hal perkara-perkara itu boleh masyarakat peniaga, masyarakat penjual ambil tanggungjawab yang sama. Ini dimaksudkan dengan kita boleh mengurangkan dan menjimatkan tenaga, menjimatkan belanja dan apa, orang kata pendapatan yang lebih itu kita boleh belanja salurkan di program-program yang lebih bermakna, jadi tidak macam sekarang ini yang berlaku. Jadi sampai di depan rumah dia ada longkang buah kelapa jatuh seminggu pun tidak kait, lepas itu bila turun hujan bajir, marah pada kita pula rumah dia banjir, pada hal dia sendiri pun tidak ada inisiatif, tidak ada daya usaha untuk hendak membersihkan kawasan dia sendiri. Kita sudah buat longkang, kita pula kena jaga longkang. Itu masyarakat. Tindakan ini, sikap masyarakat kita begitu masih lagi perlu dibaiki ataupun dididik.

Y.B. Dato' Speaker, tindakan ini memang berat dan mengambil masa yang lama tetapi ia tidak mustahil akan tercapai, tidak hari ini, tahun depan, tidak tahun depan, penggal depan. Jadi begitulah, tak zaman kita, zaman akan datang sekurang-kurang kita mengatakan hasrat dan sekurang-kurangnya kita

telah berusaha. Pernah berlaku dalam sejarah Baginda *Nabi Muhammad* s.a.w. telah mengungkapkan satu ungkapan yang amat menakjubkan apa kata baginda, “Kota Constantinople akan jatuh ke tangan kita, pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawahnya adalah sebaik-baik pasukan.” Jadi kalau kita di dalam sebuah Negeri atau Negara apatah lagi ada pemimpin yang baik dan kemudian kesemua pembantu-pembantunya semua yang terbaik dan pada masa itu kita boleh buat yang terhebat. Sehingga sebuah kapal boleh berlayar di atas daratan. Kapal yang berlayar di lautan itu adalah yang biasa. Tetapi ini berlayar di atas daratan. Kalau jentera dia itu terhebat. Kita Ahli-ahli Dewan Undangan terhebat serta ketua-ketua jabatan terhebat, kakitangan Kerajaan terhebat, JKKK terhebat, masyarakat terhebat pada masa itu *insya-Allah* kita bisik sahaja di KOMTAR dan terdengar di Sungai Duri, terdengar di Bakau Tua, terdengar di Paya Terubong. Sudah dengar baru kita bisik sahaja ini hari ini kita teriak pun dia buat-buat tidak dengar sahaja.

Hari Raya Korban, tanya Yang Berhormat berapa ekor nak bagi lembu. Ini yang kita bisik tadi dia panggil kita mari makan kenduri bukan dia minta kita, ini dia minta kita berapa puluh ekor kita mahu bagi. Fasal sebelah sana boleh bagi 20 hingga 30 ekor lembu. Kita tidak tahu, ini rakyat, ini masyarakat yang perlu dididik. Apatah lagi kalau kita akan menyatakan apa yang kita akan membuat sesuatu, kita belum buat mereka dah datang. Saya pernah di sebuah sekolah yang terbaik, sebelum itu kurang baik sikitlah, fasal apa yang kurang baik dia ada loceng dan rotan, tapi sekolah yang terbaik ini tiada loceng dan rotan. Mana itu Sekolah Menengah St. George Perempuan, loceng pun dah tak ada dan rotan pun dah tidak ada, memanglah siapa nak pukul perempuan. Tapi maksudnya jalan *smooth*, maksudnya guru tidak ada pun dia belajar sendiri tidak seperti sekolah lain guru tiada nanti atas meja pun naik.

Ini maksudnya kalau daripada pemimpin sampailah ke rakyat, tentera, hulu balang semua hebat-hebat tidak mustahil perkara itu akan berlaku. Berapa lama selepas baginda *Nabi Muhammad* mengatakan Kota Constantinople akan berjaya ditakluki, bila ada pemimpin yang terbaik dan orang-orang bawahan yang terbaik? Selepas 800 tahun, berjaya ditakluk pada 20 Jamadilawal tahun 857 Hijrah, bersamaan 29 Mei tahun 1435 Masihi Kota Constantinople jatuh ke tangan Islam. Pada masa itu siapakah pemimpinnya? Beliau adalah Sultan Mohammad Al-Fateh dan berumur 21 tahun. Budak kita kalau 21 tahun, malah orang kita kalau 21 tahun ramai yang terkandas. Nak salah siapa? Rasulullah S.A.W telah bersabda.....(membaca hadis), yang bermaksud “Setiap anak yang dilahirkan bersih.” Anak Cina bersih, Anak Melayu bersih, Anak India bersih. Semua anak-anak bersih siapakah yang mengotorkan.(membaca hadis) yang bermaksud “Emak dan bapanya lah yang mengyahudikannya atau menasranikannya atau memajusikannya.” Maksudnya, yang mencorakkan anak-anak itu adalah emak dan bapa.

Kelmarin awal persidangan Yang Berhormat Seberang Jaya mengatakan UMNO lah yang memberi makan dan UMNO lah yang memberi minum. Yang Berhormat Bagan Jermal kata beri lembu, susu, kalaulah emak dan bapa itu dah beri makan apa, anak akan jadi? Maksudnya, yang menjadi masalah kepada masyarakat kita pada hari ini, yang 21 tahun pun tidak boleh diharap, didikan siapa selama 54 tahun, siapa yang mendidik masyarakat kita, UMNO. Kalau Orang Melayu memang UMNO. Kalau Orang Cina mungkin yang orang lain....(gangguan) habis tidak mahu kata UMNO yang memerintah selama 54 tahun.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato Seri Hilmi Bin Yahaya):

Saya pun hairan juga, semua nak salahkan orang lain. Ni diri sendiri tiada upaya kah untuk melatih serta mendidik anak-anak sendiri. Semua hendak menyalahkan orang lain. Macam sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat semua hendak salahkan UMNO walaupun empat (4) hingga lima (5) tahun menjadi Kerajaan masih lagi Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee):

Saya sebut kelmarin pasal Ahli Kawasan Seberang Jaya kata UMNO yang bagi semua seolah-olah kalau tiada UMNO habis kita pada hal burung yang terbang, binatang yang melata itu bukan UMNO yang bagi makan itu. Allah yang beri makan. Kata-kata ini boleh mengundang kesalahan dari segi agama kita. Saya tidak mahu bercakap bab itu. Bukan kita kata tarik balik, tak payah tarik balik cuma *istighfar* yang beri rezeki kepada kita bukan siapa-siapa Allah Tuhan yang beri makan rezeki kepada kita. Kita serah kepada Allah selamat. Tak siapa duk salah kita. Tapi kalau kita yang mendabik dada kata yang buat segala-gala, itu yang orang duk ungkit. Adapun orang-orang Melayu seperti saya yang sedikit ada kesedaran, kerana saya keluar daripada sekolah itu masuk sekolah lain daripada sekolah kebangsaan masuk sekolah agama yang kita punya kokurikulum untuk menjadikan kita insaf ataupun kita ada sedikit gambaran yang sebenar.

Jadi tuan-tuan dan Yang Berhormat Dato' Speaker, ertinya apabila pemimpin dan rakyat bersefahaman, sama-sama hebat kita berbisik sahaja semua orang dah faham macamlah anak-anak kita emak dan bapa tengok sahaja dia dah faham dah. Tapi kalau tidak bijak tadi puas berteriak, puas berdehem tak faham-faham juga itu yang menyebabkan yang kita ini banyak berbelanja kena macam-macam tindakan yang hendak kena ambil kena turun merotan, kena turun mendenda benda-benda yang seperti sebenarnya tidak baik jadi perkara kalau kita semua sudah bersefahaman perkara yang berat *insya Allah* akan menjadi ringan baik perbelanjaan mengurus tidak mustahil sebahagiannya boleh disalurkan kepada kebajikan dan menurunkan harga barang yang segala macam seperti yang dihasratkan oleh Pakatan Rakyat.

Insyah-Allah bila berjaya menawan Putrajaya kerana kita ada idea ataupun kita ada cara bagaimana kita boleh meringankan beban rakyat dan masyarakat. *Insyah-Allah*, saya yakin kejayaan yang dicapai hari ini dan kemenangan kita pada masa hadapan sentiasa dinilai oleh rakyat siapa yang boleh mentadbir Negeri dengan begitu baik. Sekian saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

Agenda ekonomi saksama strategi baru,
Prinsip C.A.T. pegangan Kerajaan Pakatan,
Rakyat sejahtera Negeri maju,
Kemenangan rakyat kita lanjutkan.

Wabillahaufikwalhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli yang berhormat ada lagi yang hendak terlibat di dalam perbahasan kalau tidak ada Sesi Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula esok jam 9:30 pagi hari Selasa bersamaan 6 November 2012.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.25 malam.